



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KEDUA BELAS
PENGGAL KEEMPAT
MESYUARAT KETIGA**

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
RANG UNDANG-UNDANG:	
Rang Undang-undang Perhimpunan Aman 2011	(Halaman 20)
Rang Undang-undang Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (Pindaan) 2011	(Halaman 66)
Rang Undang-undang Pencen (Pindaan) 2011	(Halaman 91)
Rang Undang-undang Pencen Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan (Pindaan) 2011	(Halaman 94)
Rang Undang-undang Penyelarasan Pencen (Pindaan) 2011	(Halaman 96)
Rang Undang-undang Saraan Hakim (Pindaan)(No.2) 2011	(Halaman 97)
USUL:	
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 20)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Datuk Seri Panglima Pandikar Amin Haji Mulia, P.S.M., S.P.D.K., S.U.M.W., P.G.D.K., J.S.M., J.P.
2. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.J.N., P.B.S. J.B.S., J.S.M. (Santubong) – PBB
3. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Ronald Kiandee, A.S.D.K., P.G.D.K. (Beluran) – UMNO

MENTERI

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak, D.U.P.N., S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan) – UMNO
2. “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.P., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh) – UMNO
3. Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon – *Senator*
4. “ Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tan Sri Bernard Giluk Dompok, P.S.M., S.P.D.K. (Penampang) – UPKO
5. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Padang Rengas) – UMNO
6. “ Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.P.M.P., S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.J. (Sembong) – UMNO
7. “ Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan, Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim, S.J.M.K., S.S.A.P., S.P.N.S., D.S.N.S. (Jelebu) – UMNO
8. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop, (Tasik Gelugor) – UMNO
9. “ Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Dato' Sri Peter Chin Fah Kui, S.S.A.P., P.G.B.K., P.B.S., A.B.S. (Miri) – SUPP
10. “ Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal, D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M. (Semporna) – UMNO
11. “ Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin, D.S.P.N., S.M.J., P.I.S. (Pasar Gudang) – UMNO
12. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Sri Mustapa bin Mohamed (Jeli) – UMNO
13. “ Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Kota Marudu) – PBS
14. “ Yang Berhormat Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' Seri Douglas Uggah Embas (Betong) – PBB
15. “ Menteri Pelancongan, Dato' Sri Dr. Ng Yen Yen, D.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.K., D.P.M.P., P.J.K. (Raub) – MCA
16. “ Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Noh bin Haji Omar, D.G.S.M., D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang) – UMNO

17. Yang Berhormat Menteri Pertahanan, Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., S.S.A.P., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok) – UMNO
18. “ Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Shaziman bin Abu Mansor, D.S.N.S., D.S.A.P., A.N.S., J.P., D.G.S.M (Tampin) – UMNO
19. “ Menteri Kesihatan, Dato' Seri Liow Tiong Lai, D.G.S.M., S.S.A.P., D.I.M.P., S.M.P., (Bentong) – MCA
20. “ Menteri Belia dan Sukan, Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek (Kemaman) – UMNO
21. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' G. Palanivel – *Senator*
22. “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, D.G.S.M (Segamat) – MIC
23. “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, D.I.M.P., D.M.S.M., A.D.K. (Bera) – UMNO
24. “ Menteri Kewangan II, Dato' Seri Haji Ahmad Husni Mohamad Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun) – UMNO
25. “ Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Kong Cho Ha (Lumut) – MCA
26. “ Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Sri Shahrizat binti Abdul Jalil, S.S.A.P., D.G.P.N., D.I.M.P. – *Senator*
27. “ Menteri Luar Negeri, Dato' Sri Anifah bin Aman, S.S.A.P. (Kimanis) – UMNO
28. “ Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar, Dato' Raja Nong Chik bin Raja Zainal Abidin, D.P.T.J. – *Senator*
29. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharum, P.S.A.T., D.I.M.P., D.S.N.S., D.S.D.K., P.A.T., J.S.M., K.A.T., K.M.N., A.M.K., P.J.M. – *Senator*
30. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Sri Idris Jala – *Senator*
30. “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Chor Chee Heung, D.G.S.M. (Alor Setar) – MCA

TIMBALAN MENTERI

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup (Pensiangan) – PBRS
2. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Liew Vui Keong, P.G.D.K., A.D.K., J.P. (Sandakan) – LDP
3. “ Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad (Mersing) – UMNO
4. “ Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan I, Dato' Joseph Salang anak Gandum (Julau) – PRS
5. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah II, Datuk Joseph Entulu anak Belaun (Selangau) – PRS
6. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani I, Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum, S.I.M.P., D.S.D.K., D.M.S.M., D.I.M.P., D.S.M., A.M.K., B.K.M., P.J.K., J.P. (Kubang Pasu) – UMNO
7. “ Timbalan Menteri Dalam Negeri I, Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop, D.C.S.M., D.M.S.M., K.M.N., B.K.T., J.P. (Masjid Tanah) – UMNO

8. Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim – *Senator*
9. “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato' Yong Khoo Seng, D.S.P.N., K.M.N. (Stampin) – SUPP
10. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan II, Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim (Batang Lupar) – PBB
11. “ Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Dato' Noriah binti Kasnon, S.M.S., P.J.K., D.M.S.M. (Sungai Besar) – UMNO
12. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri II, Dato' Jacob Dungau Sagan, P.S.B.S., J.B.S., K.M.N., P.P.B., P.P.N. (Baram) – SPDP
13. “ Timbalan Menteri Pelajaran I, Datuk Dr. Wee Ka Siong, D.M.S.M. (Ayer Hitam) – MCA
14. “ Timbalan Menteri Pengangkutan II, Tuan Jelaing anak Mersat (Saratok) – SPDP
15. “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Haji Fadillah bin Yusof, P.G.B.K., (Petra Jaya) – PBB
16. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan I, Dato' Tan Lian Hoe, D.P.M.P. (Gerik) – GERAKAN
17. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy, S.M.P., P.P.T. (Cameron Highlands) – MIC
18. “ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar, Datuk Saravanan a/l Murugan (Tapah) – MIC
19. “ Timbalan Menteri Luar Negeri I, Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu – *Senator*
20. “ Timbalan Menteri Pengajian Tinggi I, Dr. Hou Kok Chung (Kluang) – MCA
21. “ Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi I, Dato' Hamzah bin Zainudin, D.P.M.P., D.P.T.J., K.M.N., A.M.P., P.P.T., J.P. (Larut) – UMNO
22. “ Timbalan Menteri Pengajian Tinggi II, Dato' Saifuddin bin Abdullah, D.S.A.P., D.P.M.P., D.S.M. (Temerloh) – UMNO
23. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah I, Dato' Haji Hasan bin Malek, D.S.N.S., D.M.S.M., D.S.M., J.P., K.M.N., A.M.N., P.M.C., P.J.K., B.K.C., (Kuala Pilah) – UMNO
24. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Maznah binti Mazlan – *Senator*
25. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Panglima Haji Lajim bin Haji Ukin, P.G.D.K., S.P.D.K., J.M.N., J.P. (Beaufort) – UMNO
26. “ Timbalan Menteri Pengangkutan I, Datuk Abdul Rahim bin Bakri (Kudat) – UMNO
27. “ Timbalan Menteri Kewangan I, Datuk Dr. Awang Adek Hussin, D.M.S.M., D.J.M.K., S.I.M.P., D.P.M.K., D.C.S.M., J.S.M. – *Senator*
28. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Heng Seai Kie, D.M.S.M. – *Senator*
29. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin, P.G.D.K., A.D.K. (Papar) – UMNO

30. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran II, Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi, P.I.S. (Batu Pahat) – UMNO
31. “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan II, Dato’ Razali bin Haji Ibrahim (Muar) – UMNO
32. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri I, Dato’ Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir (Jerlun) – UMNO
33. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan, D.M.S.M. (Pontian) – UMNO
34. “ Timbalan Menteri Dalam Negeri II, Dato’ Lee Chee Leong, D.P.M.P., A.M.P. (Kampar) – MCA
35. “ Timbalan Menteri Pelancongan, Dato’ Dr. James Dawos Mamit, P.S.B.S., P.P.B., P.P.S., P.P.D. (Mambong) – PBB
36. “ Timbalan Menteri Kewangan II, Dato’ Donald Lim Siang Chai – *Senator*
37. “ Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan II, Datuk Maglin Dennis D’Cruz – *Senator*
38. “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan I, Tuan Gan Ping Sieu – *Senator*
39. “ Timbalan Menteri Luar Negeri II, Datuk Richard Riot anak Jaem, P.J.N., J.B.S., K.M.N. (Serian) – SUPP
40. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani II, Datuk Chua Tee Yong, D.P.S.M. (Labis) – MCA

AHLI-AHLI (BN)

1. Yang Berhormat Datuk Aaron Ago anak Dagang (Kanowit) – PRS
2. “ Datuk Abd. Rahman Bakri, A.S.A. (Sabak Bernam) – UMNO
3. “ Dato’ Abd. Rahman Dahlan, D.I.M.P., A.D.K. (Kota Belud) – UMNO
4. “ Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur Salleh (Kalabakan) – UMNO
5. “ Tun Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, S.U.M.Z., D.K.1 (Johor), S.P.M.S., S.S.S.J., S.P.S.A., S.S.A.P., S.P.D.K., D.U.N.M., D.P., S.P.N.S., D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas) – UMNO
6. “ Dato’ Seri Dr. Abdullah Md. Zin, D.P.M.T. (Besut) – UMNO
7. “ Dato’ Abdul Manan Ismail, D.I.M.P., P.K.C. (Paya Besar) – UMNO
8. “ Datuk Abdul Wahab Dolah (Igan) – PBB
9. “ Dato’ Paduka Abu Bakar bin Taib, D.H.M.S., D.S.D.K., S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K., (Langkawi) – UMNO
10. “ Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah, D.C.S.M., D.M.S.M., K.M.N., P.J.K. (Jasin) – UMNO
11. “ Tuan Haji Ahmad Lai Bujang, A.B.S. (Sibuti) – PBB
12. “ Datuk Alexander Nanta Linggi (Kapit) – PBB
13. “ Dato’ Sri Azalina Dato’ Othman Said, S.P.M.P. (Pengerang) – UMNO
14. “ Yang Berhormat Dato’ Seri Haji Azmi Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar) – UMNO
15. “ Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed, D.M.S.M., A.M.N., P.I.S. (Sekijang) – UMNO

16. Yang Berhormat Datuk Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang) – PRS
17. “ Datuk Bung Moktar bin Radin (Kinabatangan) – UMNO
18. “ Tuan Ding Kuong Hiing (Sarikei) – SUPP
19. “ Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn, D.G.S.M., D.M.S.M. (Alor Gajah) – MCA
20. “ Datuk Halimah binti Mohd. Sadique, P.J.N., P.I.S. (Tenggara) – UMNO
21. “ Ir. Haji Hamim bin Samuri (Ledang) – UMNO
22. “ Tuan Haji Hasbi Haji Habibollah (Limbang) – PBB
23. “ Dato’ Henry Sum Agong (Lawas) – PBB
24. “ Datuk Wira Ir. Haji Idris bin Haji Haron, D.M.S.M., D.S.M., D.C.S.M (Tangga Batu) – UMNO
25. “ Dato’ Ismail bin Abd. Muttalib, D.I.M.P., S.A.P., A.A.P., A.M.P., P.K.C. (Maran) – UMNO
26. “ Datuk Ismail Kasim, D.P.M.P., S.M.P., A.M.P. (Arau) – UMNO
27. “ Dato’ Haji Ismail bin Mohamed Said (Kuala Krau) – UMNO
28. “ Dato’ Seri Dr. Jamaluddin Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P., S.A.P. (Rompin) – UMNO
29. “ Tan Sri Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan (Keningau) – PBS
30. “ Datuk Juslie Ajirol (Libaran) – UMNO
31. “ Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan (Hulu Selangor) – MIC
32. “ Tuan Khairy Jamaluddin (Rembau) – UMNO
33. “ Tuan Liang Teck Meng (Simpang Renggam) – GERAKAN
34. “ Dato’ Lilah bin Yasin, D.S.N.S. (Jempol) – UMNO
35. “ Datin Linda Tsen Thau Lin (Batu Sapi) – PBS
36. “ Datuk Dr. Marcus Mojigoh, P.G.D.K., J.S.M., A.D.K., B.S.K. (Putatan) – UPKO
37. “ Tuan Masir Kujat, P.P.B. (Sri Aman) – PRS
38. “ Tuan Matulidi Jusoh, P.P.N., P.J.K. (Dungun) – UMNO
39. “ Datuk Md. Sirat Abu, D.M.S.M., K.M.N., B.K.T., P.J.K., J.P. (Bukit Katil) – UMNO
40. “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz (Sri Gading) – UMNO
41. “ Dato’ Dr. Mohamad Shahrum Osman, D.I.M.P., A.M.P. (Lipis) – UMNO
42. “ Dato’ Mohd. Jidin Shafee, D.P.M.T., D.M.S.M., K.M.N., A.M.N. (Setiu) – UMNO
43. “ Datuk Mohd. Nasir Ibrahim Fikri, D.M.P.T. (Kuala Nerus) – UMNO
44. “ Tuan Haji Mohd. Nor Othman, A.M.N., P.J.C., P.J.K. (Hulu Terengganu) – UMNO
45. “ Tuan Mohd. Nizar Haji Zakaria, A.M.P. (Parit) – UMNO
46. “ Dato’ Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad (Kangar) – UMNO
47. “ Dato’ Sri Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.M.S., D.P.T.J., S.S.A.P., J.P. (Sepang) – UMNO

48. Yang Berhormat Dato' Sri Dr. Muhammad Leo Michael Toyad Abdullah, P.N.B.S., P.G.B.K., J.B.S. (Mukah) – PBB
49. “ Puan Hajah Nancy Shukri (Batang Sadong) – PBB
50. “ Datuk Hajah Norah Abd. Rahman (Tanjong Manis), P.J.N. – PBB
51. “ Dato' Noraini binti Ahmad (Parit Sulong) – UMNO
52. “ Datuk Nur Jazlan Mohamed (Pulai) – UMNO
53. “ Dato' Seri Ong Ka Chuan, S.P.M.P., D.P.M.P., P.M.P. (Tanjong Malim) – MCA
54. “ Tan Sri Dato' Seri Ong Ka Ting, P.M.N., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Kulai) – MCA
55. “ Dato' Sri Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Pandan) – MCA
56. “ Tan Sri Rafidah Aziz, S.M.P.T., S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar) – UMNO
57. “ Datuk Raime Unggi (Tenom) – UMNO
58. “ Tuan Haji Salleh Kalbi, A.D.K., B.K.M., P.J.K. (Silam) – UMNO
59. “ Datuk Sapawi Ahmad Wasali (Sipitang) – UMNO
60. “ Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad (Johor Bahru) – UMNO
61. “ Dato' Shamsul Anuar Nasarah, D.P.M.P., S.M.S., P.P.N., P.P.T. (Lenggong) – UMNO
62. “ Datuk Siringan Gubat (Ranau) – UPKO
63. “ Dato' Sri Sulaiman Abdul Rahman bin Abdul Taib (Kota Samarahan) – PBB
64. “ Tan Sri Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, P.M.N., S.P.M.K., S.P.M.J., D.P.P.N., D.G.S.M., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi) – UMNO
65. “ Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman, D.P.M.P., D.M.S.M., K.M.N., A.M.P., J.P. (Pasir Salak) – UMNO
66. “ Puan Tan Ah Eng (Gelang Patah) – MCA
67. “ Tuan Teng Boon Soon (Tebrau) – MCA
68. “ Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor, S.S.A.P. (Putrajaya) – UMNO
69. “ Tan Sri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut) – UMNO
70. “ Tengku Razaleigh Hamzah (Gua Musang) – UMNO
71. “ Dato' Seri Tiong King Sing (Bintulu) – SPDP
72. “ Datuk Tiong Thai King, P.G.B.K. (Lanang) – SUPP
73. “ Datuk Dr. Tekhee @ Tiki anak Lafe, D.M.S.M. (Mas Gading) – SPDP
74. “ Datuk Wee Jeck Seng (Tanjong Piai) – MCA
75. “ Datuk Seri Panglima Wilfred Mojilip Bumburing, S.P.D.K., P.G.D.K., P.J.N., J.S.M., J.P. (Tuaran) – UPKO
76. “ Tuan William @ Nyallau anak Badak, P.B.B., P.P.S. (Lubok Antu) – PRS
77. “ Datuk Haji Yusof Haji Mahal, D.M.S.M. (Labuan) – UMNO
78. “ Dato' Sri Haji Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N., (Setiawangsa) – UMNO

AHLI-AHLI (PKR)

1. Yang Berhormat Tuan Haji Ab. Aziz Ab. Kadir (Ketereh)
2. “ Tan Sri Dato’ Seri Abdul Khalid bin Ibrahim, D.P.M.S., D.S.A.P., P.S.M. (Bandar Tun Razak)
3. “ Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid (Kuala Langat)
4. “ Tuan Ahmad Kasim (Kuala Kedah)
5. “ Tuan Amran bin Ab. Ghani (Tanah Merah)
6. “ Dato’ Seri Anwar Ibrahim (Permatang Pauh)
7. “ Tuan Azan Ismail (Indera Mahkota)
8. “ Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua (Batu)
9. “ Puan Fuziah Salleh (Kuantan)
10. “ Tuan Gwo Burne Loh (Kelana Jaya)
11. “ Tuan Hee Loy Sian (Petaling Jaya Selatan)
12. “ Dato’ Johari Abdul, D.S.D.K., (Sungai Petani)
13. “ Dato’ Kamarul Baharin Abbas, D.S.S.A. (Telok Kemang)
14. “ Dr. Lee Boon Chye (Gopeng)
15. “ Tuan Mohamed Azmin Ali (Gombak)
16. “ Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff (Balik Pulau)
17. “ Puan Nurul Izzah Anwar (Lembah Pantai)
18. “ Dato’ Rashid Din, S.M.K., D.I.M.P. (Merbok)
19. “ Tuan R. Sivarasa (Subang)
20. “ Tuan Saifuddin Nasution Ismail (Machang)
21. “ Tuan S. Manickavasagam (Kapar)
22. “ Tuan William Leong Jee Keen (Selayang)
23. “ Puan Hajah Zuraida Kamaruddin (Ampang)

AHLI-AHLI (DAP)

1. Yang Berhormat Tuan Charles Anthony Santiago (Klang)
2. “ Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching)
3. “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)
4. “ Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)
5. “ Tuan Er Teck Hwa (Bakri)
6. “ Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
7. “ Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)
8. “ Tuan Gobind Singh Deo (Puchong)
9. “ Tuan Hiew King Cheu (Kota Kinabalu)
10. “ Tuan Jeff Ooi Chuan Aun (Jelutong)
11. “ Tuan John Fernandez (Seremban)
12. “ Tuan Liew Chin Tong (Bukit Bendera)

13. Yang Berhormat Tuan Lim Guan Eng (Bagan)
14. “ Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timur)
15. “ Tuan Lim Lip Eng (Segambut)
16. “ Tuan Loke Siew Fook (Rasah)
17. “ Tuan M. Kulasegaran (Ipoh Barat)
18. “ Tuan M. Manogaran (Telok Intan)
19. “ Tuan Nga Kor Ming (Taiping)
20. “ Dato’ Ngeh Koo Ham (Beruas)
21. “ Prof. Dr. P. Ramasamy (Batu Kawan)
22. “ Tuan Tony Pua Kiam Wee (Petaling Jaya Utara)
23. “ Tuan Karpal Singh (Bukit Gelugor)
24. “ Tuan Sim Tong Him (Kota Melaka)
25. “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
26. “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
27. “ Puan Teo Nie Ching (Serdang)
28. “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)
29. “ Tuan Wong Ho Leng (Sibu)

AHLI-AHLI (PAS)

1. Yang Berhormat Dato’ Seri Haji Abdul Hadi Awang (Marang)
2. “ Dato’ Ab. Halim bin Ab. Rahman, D.P.M.K. (Pengkalan Chepa)
3. “ Tuan Che Uda bin Che Nik, B.C.K., A.M.N. (Sik)
4. “ Dr. Che Rosli Che Mat (Hulu Langat)
5. “ Dr. Dzulkefly Ahmad (Kuala Selangor)
6. “ Dato’ Kamaruddin Jaffar, B.C.M., D.S.N.S. (Tumpat)
7. “ Tuan Khalid Abd. Samad (Shah Alam)
8. “ Dato’ Mahfuz bin Haji Omar, D.S.D.K., (Pokok Sena)
9. “ Dato’ Seri Ir. Mohammad Nizar bin Jamaluddin (Bukit Gantang)
10. “ Tuan Haji Mohd. Abdul Wahid bin Endut (Kuala Terengganu)
11. “ Tuan Mohd. Firdaus bin Jaafar (Jerai)
12. “ Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli (Kuala Krai)
13. “ Dato’ Dr. Mohd. Hayati bin Othman (Pendang)
14. “ Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria (Padang Terap)
15. “ Tuan Muhammad bin Husin (Pasir Puteh)
16. “ Dr. Mujahid Yusof Rawa (Parit Buntar)
17. “ Tuan Haji Nasharuddin Mat Isa (Bachok)
18. “ Tuan Salahuddin Haji Ayub (Kubang Kerian)
19. “ Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud (Kota Raja)

20. Yang Berhormat Puan Siti Zailah Mohd. Yusoff (Rantau Panjang)
21. “ Dato’ Haji Taib Azamudden Md. Taib, J.B.S., A.M.N. (Baling)
22. “ Dato’ Haji Wan Abd. Rahim Wan Abdullah, D.J.M.K. (Kota Bharu)

AHLI (PSM)

1. Yang Berhormat Dr. M. Jeyakumar Devaraj (Sungai Siput)

AHLI (Bebas)

1. Yang Berhormat Datuk Chua Soon Bui, P.G.D.K. (Tawau) – SAPP
2. “ Datuk Eric E. Majimbun, P.G.D.K. (Sepanggar) – SAPP
3. “ Dato’ Ibrahim Ali, D.J.M.K., D.P.M.S., D.M.S.M. (Pasir Mas)
4. “ Tuan Mohsin Fadzli Samsuri (Bagan Serai)
5. “ Tuan Tan Tee Beng (Nibong Tebal)
6. “ Tuan Wee Choo Keong, S.M.K. (Wangsa Maju)
7. “ Dato’ Seri Zahrain Mohamed Hashim, D.S.P.N., P.J.K. (Bayan Baru)
8. “ Dato’ Zulkifli bin Noordin (Kulim Bandar Baharu)
9. “ Tuan N. Gobalakrishnan (Padang Serai)

Kosong

1. Tiada (Titiwangsa)

DEWAN RAKYAT**Ketua Pentadbir Parlimen**

Dato' Ngah Senik

Setiausaha Dewan Rakyat

Datuk Roosme binti Hamzah

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)

Encik Che Seman bin Pachik

PETUGAS-PETUGAS PENYATA RASMI (HANSARD)

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd Hassan

Rosna binti Bujairomi

Hajah Supiah binti Dewak

Nurziana binti Ismail

Suriyani binti Mohd. Noh

Aisyah binti Razki

Yoogeswari a/p Muniandy

Nor Liyana binti Ahmad

Zatul Hijanah binti Yahya

Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir

Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan

Hafilah binti Hamid

Siti Norhazarina binti Ali

Mohd. Shahrul Hafiz bin Yahaya

Mulyati binti Kamarudin

Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli

Nor Hamizah binti Haji Hassan

Azmir bin Mohd Salleh

Nur Nazihah binti Mohd. Nazir

Noraidah binti Manaf

Mohd. Fairus bin Mohd. Padzil

Mohd. Zaidi bin Mahmood

Mohd. Izwan bin Mohd. Esa

Nor Kamsiah binti Asmad

Siti Zubaidah binti Karim

Aifarina binti Azaman

Noorfazilah binti Talib

Farah Asyraf binti Khairul Anuar

Julia binti Mohd. Johari

Ainuddin bin Ahmad Tajuddin

Syahila binti Ab Mohd Khalid

Siti Norlina binti Ahmad

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Selasa, 29 November 2011

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Timbalan Yang di-Pertua Datuk Ronald Kiandee
mempengerusikan Mesyuarat]*

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. Datuk Halimah binti Mohd. Sadique [Tenggara] minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan, langkah kerajaan bagi memberi peluang kepada syarikat tempatan untuk mengambil bahagian dalam mengukuhkan pelaburan serantau sejajar dengan matlamat pertubuhan ASEAN untuk menubuhkan Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC) menjelang 2015.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Sri Mustapa bin Mohamed]: *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Tuan Yang di-Pertua, objektif utama ASEAN ialah untuk membentuk satu komuniti ASEAN yang bersepadu pada tahun 2015. Tiga tonggak utama integrasi ASEAN merangkumi komuniti politik dan keselamatan, komuniti ekonomi dan komuniti sosio kebudayaan.

Bagi merealisasikan Komuniti Ekonomi Asean atau EAC satu pelan tindakan telah ditandatangani oleh pemimpin-pemimpin ASEAN pada 20 November 2007. Pelan tindakan EAC merupakan dokumen yang menggariskan langkah-langkah yang perlu diambil oleh setiap negara ASEAN dalam merealisasikan EAC (*ASEAN Economic Community*) pada 1 Januari 2015 iaitu:

- (i) mewujudkan ASEAN sebagai pasaran tunggal dan pusat pengeluaran;
- (ii) menjadikan ASEAN sebagai kawasan ekonomi yang berdaya saing;
- (iii) menjadikan ASEAN sebagai kawasan pembangunan ekonomi yang saksama; dan
- (iv) memastikan ASEAN terus diintegrasikan dengan ekonomi global.

Tuan Yang di-Pertua, usaha-usaha untuk merealisasikan EAC dilaksanakan secara berperingkat dan progresif untuk memberi ruang kepada ahli-ahli perniagaan ASEAN meningkatkan keupayaan bagi menghadapi cabaran dengan pembukaan pasaran di bawah EAC. EAC tidak seharusnya dilihat sebagai satu halangan kepada ahli-ahli perniagaan kita, sebaliknya ia perlu dilihat sebagai satu peluang untuk memperluaskan lagi aktiviti perniagaan dan pelaburan syarikat-syarikat tempatan dalam negara-negara ASEAN yang lain.

EAC menjadikan ASEAN sebagai satu pusat pelaburan dan perdagangan utama di dunia. Jumlah perdagangan ASEAN telah meningkat dan mencatatkan USD2.03 trilion pada tahun lepas berbanding dengan USD1.6 trilion pada tahun 2007. ASEAN juga telah berjaya menarik pelaburan sebanyak USD76 pada tahun lalu berbanding dengan cuma USD24 bilion pada tahun 2000.

Tuan Yang di-Pertua, langkah untuk mewujudkan Komuniti Ekonomi ASEAN membawa banyak faedah kepada Malaysia, antaranya seperti berikut:

- (i) membolehkan ahli perniagaan dan profesional Malaysia memperluaskan eksport ke pasaran lebih luas di ASEAN;

- (ii) menarik pelabur asing untuk menempatkan operasi mereka di Malaysia;
- (iii) membuka peluang bagi syarikat Malaysia menempatkan operasi di negara ASEAN yang lain; dan
- (iv) memberi peluang kepada *enterprise* kecil dan sederhana (EKS) menembusi pasaran serantau sebelum mengeksport ke pasaran global.

Tuan Yang di-Pertua, ASEAN merupakan rakan dagang utama Malaysia. Jumlah perdagangan Malaysia dengan negara-negara ASEAN mewakili 26.2 peratus atau RM306 bilion daripada jumlah dagangan global negara tahun lalu. Eksport Malaysia ke pasaran ASEAN berjumlah RM163 bilion dan untuk tahun lepas jumlah perdagangan kita dengan negara ASEAN meningkat dengan ketara iaitu pada kadar 21.5 peratus. Itu peningkatan dalam jumlah perdagangan kita dengan negara ASEAN pada tahun lalu.

Tuan Yang di-Pertua, syarikat-syarikat Malaysia mempunyai banyak pengalaman dalam aktiviti seperti perladangan, petroleum dan gas, perhutanan dan perkilangan, sektor perkhidmatan seperti pengangkutan udara, pelancongan, perkhidmatan *business*, kewangan, maritim dan telekomunikasi dan juga kesihatan. Penubuhan EAC akan membantu mereka memperluaskan operasi di negara-negara ASEAN yang lain. Beberapa syarikat-syarikat Malaysia kini menjalankan perniagaan di Singapura, Thailand, Indonesia, Vietnam dan negara-negara ASEAN yang lain. Di antara syarikat-syarikat Malaysia yang beroperasi di rantau ASEAN adalah Sime Darby, Maybank, CIMB Bank, Ingress, *Dominan Semi Conductors*, Khazanah dan KPJ. Melalui peningkatan dan kesaling hubungan ataupun *connectivity* di ASEAN pula, syarikat AirAsia kini mempunyai penerbangan ke kira-kira 30 destinasi di rantau ASEAN. Syarikat sederhana dan kecil juga seperti WSA Technology dan syarikat Madura daripada Malaysia telah berjaya menembusi pasaran ASEAN.

MITI Tuan Yang di-Pertua, sentiasa giat berusaha untuk meningkatkan kesedaran syarikat-syarikat tempatan mengenai peluang-peluang perniagaan di negara-negara ASEAN melalui pelbagai sesi taklimat serta penglibatan dalam misi perdagangan dan pelaburan yang dianjurkan oleh MATRADE dan MIDA. Secara tidak langsung, penglibatan syarikat tempatan dalam misi tersebut membantu mereka menembusi serta meluaskan pasaran ke negara-negara ASEAN yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa yang sama Majlis Penasihat Perniagaan ASEAN (*ASEAN Business Advisory Council - ABAC*) dan Kelab Perdagangan ASEAN (*ASEAN Business Club*) yang baru dilancarkan lebih sebulan lalu juga memainkan peranan yang penting bagi menggalakkan syarikat-syarikat Malaysia untuk melabur di negara-negara ASEAN yang lain.

■1010

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyeru kepada syarikat Malaysia supaya mempunyai visi ASEAN ataupun ASEAN *vision* yang berstrategik secara serantau untuk terus menerokai pasaran global ini kerana ASEAN dengan penduduk lebih 600 juta orang bersama dengan negara-negara China dan India merupakan antara kawasan yang mencatatkan pertumbuhan ekonomi yang tinggi pada masa ini dan mempunyai prospek ekonomi yang cerah pada masa akan datang. Terima kasih.

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique [Tenggara]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Pelaburan antara negara ASEAN telah meningkat ketara pada tahun 2010 seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri manakala pertumbuhan ekonomi ASEAN mencatatkan peningkatan sebanyak 7.4 peratus KNDNK pada tahun yang sama. Jadi soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah galakan istimewa ataupun insentif yang diberikan kepada syarikat-syarikat ASEAN yang mengambil bahagian untuk mengukuhkan pelabur antara negara ASEAN.

Apakah halangan perdagangan yang dihadapi oleh syarikat-syarikat ASEAN ini untuk memperluaskan pelaburan antara negara ASEAN dan apakah langkah kerajaan bagi terus memperkukuhkan lagi daya saing syarikat-syarikat Malaysia selain daripada apa yang syarikat-syarikat yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi di peringkat global bagi membolehkan lebih banyak lagi syarikat-syarikat Malaysia menyertai dan juga bergiat cergas dalam Komuniti Ekonomi AEC ini. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed: Terima kasih Yang Berhormat Tenggara. Ada tiga soalan yang pertama berkaitan dengan insentif-insentif yang diberikan oleh kerajaan bagi menggalakkan syarikat Malaysia melabur di negara ASEAN, yang kedua berkaitan dengan halangan-halangan yang dihadapi oleh syarikat Malaysia untuk menembusi pasaran ASEAN dan yang ketiga berkaitan dengan apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk meningkatkan daya saing syarikat Malaysia menembusi pasaran global.

Yang pertama berkaitan insentif Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kita tidak perlu ada insentif kerana syarikat-syarikat ini didorong oleh kuasa pasaran. Insentif yang paling besar ialah pasaran yang besar yang luas di ASEAN, 600 juta penduduk, golongan *middle class* atau pertengahan yang semakin melebar, pendapatan per kapita yang meningkat seperti Yang Berhormat sebut tadi pertumbuhan lebih 7 peratus yang membanggakan berbanding dengan Eropah dan Amerika Syarikat. Ini merupakan insentif yang paling besar yang mendorong syarikat-syarikat Malaysia untuk melabur di negara ASEAN yang lain. Mereka tertarik dengan peluang pasaran yang bukan sahaja di negara berkenaan ASEAN tetapi juga mereka mampu untuk memasarkan produk mereka keluar ASEAN. Jadi tarikan ini bukan sahaja di pasaran ASEAN yang semakin besar tetapi juga pasaran di luar ASEAN.

Kalau Yang Berhormat tanya berkaitan insentif fiskal dan lain-lain ia tidak ada, tetapi di negara berkenaan insentif kalau syarikat-syarikat Malaysia melabur di Malaysia, memang kita sediakan insentif. Jadi Malaysia tidak menyediakan insentif fiskal untuk membolehkan syarikat kita ke luar negara, tetapi Malaysia menyediakan insentif untuk menggalakkan syarikat Indonesia, Singapura umpamanya datang ke Malaysia, begitu jugalah kalau syarikat Malaysia ke Indonesia ke Thailand syarikat-syarikat kita menikmati insentif.

Yang kedua soalan berkaitan dengan halangan, memang masih lagi halangan walaupun dari segi tarifnya sudah hampir kosong, tidak ada lagi *import duty* ke atas barangan Malaysia yang dijual di negara ASEAN, tetapi kita masih lagi menghadapi larangan-larangan *non-tariff*. Ini dua bulan lalu kita buat keputusan dalam ASEAN untuk meneliti untuk menyenaraikan segala halangan *non-tariff* dan tahun hadapan 2012 antara tumpuan kami di kalangan Menteri-menteri Ekonomi ASEAN ialah untuk mengkaji apakah halangan-halangan bukan tarif dalam bentuk standard prosedur, peraturan yang perlu kita kurangkan untuk menggalakkan lagi perdagangan dan pelaburan negara ASEAN.

Satu lagi halangan ialah *connectivity* umpamanya kesukaran untuk membawa masuk barang daripada Malaysia ke Singapura, barang Singapura ke Malaysia di Tambak Johor dan di *Second Link*. Ini juga isu-isu yang sedang diteliti di antara Malaysia dengan Singapura. Jadi halangan pertama ialah halangan bukan tarif, *non-tariff barriers* dan dua halangan *connectivity* di mana tidak ada kesinambungan dalam pergerakan barangan antara negara kita dengan negara yang lain.

Akhir sekali apakah langkah-langkah untuk meningkatkan daya saing syarikat kita membolehkan mereka menembusi pasaran global, ini satu perkara yang penting khususnya untuk *enterprise* kecil dan sederhana. Kita tahu bahawa syarikat-syarikat juga menghadapi cabaran umpamanya dalam bidang seramik, dalam bidang plastik, dalam keluli, *handicraft*. Umpamanya barang-barang pertanian kita tahu bahawa syarikat-syarikat Malaysia kadang-kadang kita tahu ada yang kurang mampu untuk bersaing. Maka yang penting ialah kerajaan melalui SME Corp dan lain-lain badan kerajaan untuk memastikan bahawa syarikat-syarikat Malaysia dapat membina daya saing. Pada pandangan kami syarikat-syarikat besar tidak ada masalah. Bank-bank Malaysia CIMB, Maybank ataupun Sime Darby tidak ada masalah untuk menembusi pasaran ASEAN tetapi yang menjadi cabaran untuk kita bagaimana membina daya saing syarikat-syarikat *enterprise* kecil dan sederhana.

Ini akan kita tumpukan pada masa akan datang untuk membina kekuatan EKS agar mereka dapat menembusi pasaran ASEAN dan pasaran global. Terima kasih.

Tuan Haji Nasharudin Mat Isa [Bachok]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya tertarik dengan kenyataan Yang Berhormat Menteri di Singapura baru-baru ini yang mencadangkan agar Singapura turut melihat kepada Wilayah Pembangunan Ekonomi Pantai Timur dalam gerakan pelaburan yang bakal dikembangkan dalam negara kita. Cuma menyentuh juga tentang daya saing dan halangan-halangan.

Saya ingin tahu adakah dengan jemputan Yang Berhormat Menteri kepada Wilayah Pantai Timur ini yang sudah pasti akan termasuk Kelantan, Pahang dan sebagainya akan turut juga membuatkan kerajaan membuka sedikit ruang bagi membolehkan semacam kebebasan kepada negeri-negeri untuk menjemput dan memberikan ruang kepada FDI ini supaya dapat kita mengembangkan Wilayah Pantai Timur ini yang agak ketinggalan dalam industri ekonomi dan juga pergerakan pelaburan yang masuk daripada luar. Ini kerana daya saing satu, halangan tadi telah disebut, tetapi saya nampak juga terdapat halangan yang mungkin dicipta sendiri juga oleh birokrasi kita bagi melambatkan proses kemasukan pelaburan ke dalam negeri-negeri di Pantai Timur khususnya di Kelantan. Terima kasih.

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Bachok. Pada hari Khamis yang lalu kami berada di Singapura untuk mengadakan seminar pelaburan. Ia berjaya, saya bersama dengan rakan sejawatan saya Menteri Perdagangan Singapura mengendalikan seminar tersebut dihadiri oleh lebih 700 orang peserta. Tumpuan kami pada hari itu adalah supaya syarikat-syarikat Singapura tidak sahaja memandang kepada Iskandar. Iskandar itu penting kerana ia jiran kepada Singapura dan memang minat syarikat-syarikat Singapura untuk ke Iskandar begitu tinggi selalu. Kita jangka pada masa akan datang minat syarikat Singapura ke Iskandar akan terus tinggi, maka tumpuan saya pada hari Khamis yang dari Singapura adalah untuk juga memberi perhatian kepada kawasan-kawasan lain termasuklah Wilayah Ekonomi Pantai Timur atau ECR.

Kita tahu bahawa ECR sedang giat mempromosikan pelaburan dalam bidang petrokimia, dalam bidang *tourism*, dalam bidang pertanian. Pada masa ini malangnya minat-minat syarikat Singapura untuk ke kawasan-kawasan Pantai Timur belum lagi. Mereka sudah ke utara, di Selangor, di Melaka ada yang sudah ke Sabah dan Sarawak. Itu adalah antara tujuannya untuk memastikan mereka juga mempunyai minat untuk Pantai Timur.

Jadi kita ada beberapa halangan di Pantai Timur, satu *distance*, jarak jauh daripada pasaran-pasaran utama di Pantai Barat juga masalah infrastruktur umpamanya masalah bekalan air, jalan raya dan lain-lain. Ini perlu kita tangani untuk memastikan bahawa seluruh kawasan pantai timur iaitu dari Mersing sampai ke Kota Bharu menjadi daya tarikan. Akan tetapi saya cukup yakin dengan usaha-usaha gigih yang dijalankan oleh pihak ECR, maka keadaan ini akan berubah dalam sedikit masa lagi.

Pada masa ini yang menjadi tumpuan ialah Pahang, Gebeng, Gambang dan kawasan-kawasan yang sekitar Kuantan, sebahagian Terengganu dan ECR sedang berusaha bersungguh untuk memastikan bahawa minat pelabur akan juga tersebar ke kawasan-kawasan di Kelantan dan Terengganu. Terima kasih.

2. Tuan Haji Mohd. Abdul Wahid bin Endut [Kuala Terengganu] minta Menteri Kerja Raya menyatakan, adakah kerajaan bercadang untuk menyambung Projek Lebuhraya Pantai Timur 2 (LPT2) dari Jabor, Kemaman ke Gemuroh, sampai ke sempadan Kelantan di Besut, Terengganu.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Dato' Yong Khoo Seng]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kementerian Kerja Raya sememangnya mengambil maklum tentang keperluan pembinaan Projek Lebu Raya Fasa 3 atau LPT3 sebagai sambungan kepada Lebu Raya Fasa 2 bagi melengkapkan rangkaian Lebu Raya Pantai Timur yang merangkumi negeri Pahang, Terengganu dan Kelantan.

■1020

Pada masa kini LPT fasa satu negeri Pahang telah siap dibina pada tahun 2004 manakala LPT fasa 2 negeri Terengganu pula sedang dalam peringkat pembinaan. Sehubungan dengan itu, kementerian ini telah menjalankan kajian kemungkinan (*feasibility study*) bagi membina Lebu Raya Pantai Timur di negeri Terengganu dan Kelantan atau dikenali LPT fasa 3. Kajian yang telah disiapkan pada tahun 2009 itu antara lain telah mengenal pasti cadangan jajaran jalan terlibat iaitu dari persimpangan Kampung Gemuroh, Kuala Terengganu hingga ke Pengkalan Kubur, Kelantan sepanjang 147 kilometer. Jajaran dari Kampung Gemuroh ke Besut di sempadan Terengganu-Kelantan sepanjang 77 kilometer juga merupakan sebahagian daripada jajaran LPT fasa 3 tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga cadangan projek pembinaan LPT fasa 3 ini telah dikenal pasti antara projek keutamaan tinggi dan pihak kementerian akan berusaha berbincang dengan Unit Perancangan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri untuk dimulakan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh. Sekian, terima kasih.

Tuan Haji Mohd. Abdul Wahid bin Endut [Kuala Terengganu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ucap terima kasih kerana kajian telah dibuat tapi saya juga tertanya-tanya bila hendak siap, bila hendak *start*, hendak mulakan kerana LPT2 itu pun untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dimulakan pada 18 September 2006. Jangkaan siap pada peringkat awalnya kata Mei 2011 lepas itu tangguh lagi Disember 2011. Sekarang ini sepatutnya siap sudah tapi tidak tahu bila siap. Ada kata sampai Jun 2012. Bila tertangguh kosnya juga meningkat. Asalnya kos RM1.8 bilion. Lepas itu naik RM3.7 bilion dan sekarang sampai mencecah RM5 bilion. Jadi persoalannya Tuan Yang di-Pertua saya pun tertanya-tanya dalam LPT2 ini pun ada kontraktor yang diberikan tanggungjawab tarik diri, diberhentikan, ditamatkan tapi dibagi semula atas dasar apa kontraktor yang gagal melaksanakan projek dibagi semula dengan harga yang lebih tinggi untuk meneruskan projek.

Yang seterusnya saya hendak tanya soal konsesi LPT2 yang ada sekarang ini sebab LPT3 belum dijalankan lagi, belum dibuat lagi kerana daripada RM3.7 bilion sekarang sudah mencecah RM5 bilion, 50 peratus kosnya ditanggung oleh daripada duit dana khas royalti Kerajaan Terengganu. Saya hendak tanya siapa yang akan dapat konsesi dalam kutipan tol dan apakah bentuk pulangan terhadap pelaburan kepada kerajaan negeri dalam projek ini. Terima kasih.

Dato' Yong Khoo Seng: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Banyak soalan tetapi soalnya tertumpu kepada LPT2 sekarang tapi apa yang ditanya LPT3, tapi saya akan bagi jawapan secara bertulis terhadap apa yang ditanya mengenai LPT2. LPT3 ini kita memang mengikut kajian yang dibuat oleh pihak *Highway Network Development Plan* telah pun mengenal pasti ini adalah satu projek jalan yang sangat penting iaitu kita telah pun membuat kajian kemungkinan untuk ini. Bagi sedikit makluman kepada Yang Berhormat, jajaran jalan ini pun melalui kita perlu buat 51 buah jambatan di mana ada 29 buah jambatan di negeri Kelantan, 22 buah jambatan di negeri Terengganu dan kosnya sekarang memang tinggi. Kos anggaran di tahun 2009 adalah RM2.867 bilion. Ini sahaja saya boleh dapat.

Kita akan cuba sedaya-upaya ia akan dilaksanakan secepat mungkin dan anggaran kos tidak akan meningkat kalau kita buat cepat dan kita tahu bahawa jalan ini adalah sangat penting di mana kita hendak buat *Asian Highway* di China, Cambodia, Laos dan Thailand sehingga Malaysia terus di Pengkalan Kubur di Kelantan terus pergi ke Johor Bahru. Ini satu jalan *network* yang sangat penting bagi ASEAN dengan Asia dengan China dan saya juga harap ianya akan dilaksanakan secepat mungkin tertakluk kepada peruntukan yang perlu kita ada. Sekian, terima kasih.

3. Dato' Abdul Manan Ismail [Paya Besar] minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan, selain daripada mewujudkan Skim Rumah Pertamaku, adakah Kementerian bercadang untuk mewujudkan satu akta dalam mengawal kenaikan harga rumah khususnya di bandar-bandar agar ianya tidak dieksploitasi dan bagi membolehkan rakyat untuk memiliki rumah idaman mereka pada usia yang muda.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Seri Panglima Haji Lajim bin Haji Ukin]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya terlebih dahulu untuk menjawab soalan ini bersekali dengan soalan Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan bertarikh pada 30 November 2011 dan Yang Berhormat Balik Pulau bertarikh 1 Disember 2011 kerana menyentuh perkara yang sama iaitu pemilikan rumah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Baik Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Seri Panglima Haji Lajim bin Haji Ukin: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini kerajaan tidak bercadang untuk mewujudkan sebarang akta khusus bagi mengawal harga rumah. Keputusan kerajaan ini adalah selaras dengan keadaan ekonomi Malaysia yang mengamalkan ekonomi bebas ataupun *free market* dengan izin. Walaupun tiada akta khusus bagi mengawal kenaikan harga rumah, kerajaan masih melaksanakan pelbagai mekanisme kawalan agar kenaikan harga rumah adalah pada kadar yang munasabah dan tidak menjejaskan ekonomi rakyat secara keseluruhan. Terdapat beberapa mekanisme kawalan telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan bagi mengawal kenaikan harga rumah seperti berikut:

- (i) cukai keuntungan harta tanah (CKHT). Dalam pengumuman Belanjawan 2012 baru-baru ini kerajaan telah bersetuju untuk menaikkan kadar CKHT daripada 5 peratus kepada 10 peratus bagi harta tanah yang dilupuskan dalam tempoh kurang dua tahun. Bagi harta tanah yang dilupuskan di antara tiga hingga lima tahun, kadar CKHT kekal sebanyak 5 peratus dan tiada CKHT dikenakan bagi harta tanah yang dilupuskan melebihi lima tahun. Kenaikan CKHT adalah merupakan langkah kerajaan mengawal kenaikan harga rumah melalui tekanan kepada aktiviti spekulator; dan
- (ii) nisbah pembiayaan perumahan. Melalui mekanisme ini nisbah pembiayaan dan pembelian rumah ketiga adalah ditetapkan pada kadar 70 peratus sahaja. Tindakan ini akan mengurangkan keupayaan kewangan individu yang terlibat dalam aktiviti spekulator.

Antara faktor-faktor yang mempengaruhi harga rumah di pasaran terbuka ialah kenaikan kos bahan binaan, kos buruh, kos tanah, lokasi pembangunan serta faktor permintaan yang tinggi berbanding dengan penawaran yang terhad. Hal ini telah menyebabkan kenaikan harga rumah di kawasan-kawasan strategik seperti di sekitar Lembah Klang termasuk Petaling Jaya, Johor Bahru dan juga Pulau Pinang.

Selain daripada itu, mekanisme kawalan yang telah saya nyatakan tadi, kerajaan juga mengambil inisiatif mewujudkan Dasar Perumahan Negara (DRN) yang mempunyai matlamat dan meningkatkan kemampuan hidup rakyat menerusi penyediaan perumahan yang mencukupi, selesa, berkualiti, mampu dimiliki. Melalui DRN ini pelbagai pelan tindakan akan diwujudkan bagi memastikan perancangan bersepadu perumahan negara dapat dilakukan bagi meningkatkan kadar pemilikan rumah seluruh rakyat Malaysia terutamanya sekali mereka yang kurang berkemampuan.

Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) kerajaan telah menasarkankan pembinaan 161 unit rumah mampu milik yang merangkumi 78,000 unit yang dibina oleh kerajaan termasuklah di bawah Program Perumahan Rakyat (PPR) dan sebanyak 83,000 dibina oleh pemaju swasta khususnya bagi memenuhi permintaan golongan yang kurang berkemampuan.

Kerajaan telah melancarkan Program Perumahan 1Malaysia (PR1MA) yang berkonsepkan *Public Private Partnership*, dengan izin, dengan objektif untuk memastikan golongan yang berpendapatan sederhana, berpendapatan isi rumah di antara RM2,500 hingga RM7,000 sebulan mampu memiliki rumah sendiri dengan harga yang berpatutan iaitu di antara RM150,000 hingga RM300,000. Harga jualan ruja PR1MA adalah lebih murah berbanding dengan harga pasaran kerana pembinaan PR1MA adalah di atas tanah milik kerajaan dengan usaha sama pemaju swasta. Terima kasih.

■1030

Dato' Abdul Manan Ismail [Paya Besar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Kerajaan telah memperkenalkan Perumahan Rakyat 1Malaysia ataupun PR1MA. Soalan saya, berapakah jumlah rumah yang akan dibina oleh PR1MA ini, di mana dan berapakah kos keseluruhan? Terima kasih.

Datuk Seri Panglima Haji Lajim bin Haji Ukin: Terima kasih Yang Berhormat. Untuk makluman, setelah pengumuman dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Dewan Rakyat ini, di mana pihak PR1MA telah pun memulakan pembinaan sebanyak 560 unit di Putrajaya dan dilaksanakan oleh Putrajaya Holdings dan kerja-kerja telah pun dimulakan dan akan siap pada 2014.

Bagi harga rumah pada setiap rumah, kita ada beberapa saiz rumah iaitu saiz keluasan 850 kaki persegi dengan harga RM120,000. Bagi keluasan 1,006 kaki persegi, iaitu tiga bilik dan dua bilik kamar mandi, ialah di antara RM150,000. Semua unit di kawasan ini adalah kawasan strategik, dan kita juga telah membina beberapa kemudahan untuk kepentingan para pembeli rumah ini, antaranya dewan serba guna, kedai, klinik 1Malaysia dan juga lain-lain keperluan, termasuklah juga untuk membina rumah untuk orang kurang upaya ataupun OKU. Terima kasih.

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya, mengapa Akta Perumahan Rakyat 1Malaysia ini yang dibentangkan oleh Kementerian di Jabatan Perdana Menteri dan bukannya dibentangkan oleh Kementerian KPKT? Adakah sebelum itu ada kecacatan atau kekurangan dalam rang undang-undang sedia ada yang menyebabkan harga rumah tidak dapat di kawal? Mengapa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan tidak terlibat langsung dalam dasar Akta Perumahan Rakyat 1Malaysia? Terima kasih.

Datuk Seri Panglima Haji Lajim bin Haji Ukin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan. Sebenarnya di mana-mana pun akta itu diletakkan ataupun pemindaan ini diletakkan asalkan ianya dilaksanakan oleh kerajaan sama ada di kementerian saya ataupun di Jabatan Perdana Menteri. Akan tetapi ini adalah di kawal selia secara langsung oleh Jabatan Perdana Menteri supaya ianya mempermudah, lebih mudah untuk melaksanakan oleh kerana ia terlibat tanah-tanah kerajaan yang harus di ambil oleh pihak PR1MA. Jadi untuk memudahkan itu, maka akta ini diletakkan di kawalan selia Jabatan Perdana Menteri.

4. Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota] minta Menteri Kewangan menyatakan, kedudukan jumlah pinjaman KWSP kepada institusi dan apakah cadangan pihak kerajaan untuk memastikan pelaburan tersebut menguntungkan dan membawa manfaat kepada penabung.

Timbalan Menteri Kewangan I [Datuk Dr. Awang Adek Hussin]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, jumlah pinjaman KWSP kepada kerajaan dan institusi korporat setakat Jun 2011 adalah sebanyak RM83.7 bilion.

Bagi pelaburan dalam bentuk pinjaman, sebahagiannya adalah berjaminan kerajaan. Nilai jumlah tersebut sebanyak RM79.41 bilion atau 95 peratus adalah pinjaman kepada kerajaan manakala baki RM4.31 bilion adalah pinjaman kepada institusi korporat. Pinjaman-pinjaman yang diberikan oleh KWSP adalah dijamin dengan sekuriti atau jaminan yang bersesuaian bagi memastikan pinjaman tersebut berkualiti dan selamat.

Dalam melaksanakan tanggungjawab semoga lebih berintegriti, telus dan profesional, tadbir urus EPF telah dipertingkatkan seiring dengan pertumbuhan asetnya. Sistem kawalan pelaburan KWSP mempunyai tiga bahagian, iaitu pengasingan fungsi *front-office* dan *back-office*, pengurusan risiko dan audit, rangka kerja pengurusan risiko telah dibangunkan manakala Jabatan Pengurusan Risiko bertindak mengawal selia aktiviti pelaburan dalam meminimumkan kadar risiko dan memastikan simpanan ahli dan aset KWSP terjamin. Jabatan Audit pula bertindak mengawal selia proses operasi dengan mengukur pematuhan, keberkesanan, kecukupan dan integriti kawalan dalaman.

Tuan Yang di-Pertua, seperti umum mengetahui, keutamaan KWSP ialah keselamatan modal atau *preservation of capital*. Manakala objektif pelaburan KWSP ialah untuk memberikan nilai tambah kepada setiap simpanan ahli seperti yang dapat ditunjukkan melalui kadar dividen sebenar yang agak tinggi iaitu setelah mengambil kira kadar inflasi setiap tahun. Simpanan KWSP bukan sahaja perlu sentiasa selamat malahan menjamin pulangan positif yang konsisten dan stabil untuk jangka masa yang panjang dan sejajar dengan objektif KWSP sebagai organisasi keselamatan sosial yang bertanggungjawab untuk menjamin simpanan hari tua ahli. Terima kasih.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tidak dinafikan, EPF atau KWSP merupakan pentadbir antara yang terbesar dana awam negara setakat ini berjumlah RM386 bilion. Saya merasa antara tujuan kerajaan telah pun menumpukan kepada membuka ruang kepada pelaburan portfolio asing telah dinaikkan daripada 6 peratus ke 20 peratus adalah bertujuan untuk menjana pendapatan baru kepada penabung-penabung. Kita tahu penabung-penabung ini adalah terdiri daripada rakyat Malaysia yang teramai.

Manakala dari segi manfaat kepada penabung, kita dapati bahawa Timbalan Menteri menyebut bahawa pencarum menerima dividen tetapi ada satu manfaat lain yang ditawarkan kepada satu kelompok lain iaitu pelabur yang mendapat pinjaman daripada EPF. Saya hendak merujuk kepada laporan Ketua Audit yang mengatakan daripada 13 pinjaman yang diluluskan hanya satu sahaja yang mempunyai jaminan kerajaan, maka 12 lagi itu ibarat seperti mendapat manfaat dari segi menerima pinjaman daripada EPF tanpa ada satu jaminan yang kukuh.

Akan tetapi Yang Berhormat Menteri mengatakan kesemuanya mempunyai jaminan yang kukuh daripada kerajaan. Ada lebih kurang nampak macam ada percanggahan daripada laporan Ketua Audit Negara. Saya tidak berhasrat hendak bertanya perkara itu meminta penjelasan supaya perkara ini diminimumkan kerana manfaat yang patut ditumpukan kepada pencarum iaitu rakyat Malaysia yang menabung kepada EPF ini dan mereka dilihat hanya menerima dalam bentuk dividen semata-mata walaupun ada kekangan yang begitu besar masalah hutang dan pembiayaan yang agak tidak munasabah untuk ditanggung oleh mereka sekarang. Maka kita patutnya melihat bahawa kedudukan EPF lebih kepada pencarum, manfaat kepada pencarum daripada menawarkan manfaat kepada pelabur yang sudah tentu nampak gaya pinjaman tanpa jaminan ini satu manfaat yang sungguh besar yang kita *offer* atau tawarkan kepada mereka berbanding kepada rakyat keseluruhan. Saya hendak tanya jawapan ini. Terima kasih.

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Manfaat yang terbesar yang diberikan daripada pengurusan kewangan dan dana EPF kepada pencarum ialah dalam bentuk dividen. Ini paling penting. Kalau dividen ini hanya pada tahap yang rendah umpamanya kalau berdasarkan kepada keadaan di pasaran, pulangan atau *yield* yang hanya tiga peratus, empat peratus, maka ini sudah tentu dilihat tidak mencukupi untuk pencarum.

Jadi sebab itulah EPF berusaha untuk memberi dividen yang lebih tinggi umpamanya 5.65 peratus pada tahun 2009 dan 5.8 peratus pada tahun 2010. Untuk memberi dividen yang lebih tinggi, maka hasil, *return*, pulangan kepada pelaburan mestilah tinggi. Kalau setakat untuk dipinjamkan kepada kerajaan semata-mata dengan jaminan kerajaan ataupun melalui pemegangan MGS semata-mata, maka pulangan kepada pelaburan tidak tinggi dan dividen juga tidak tinggi.

■1040

Jadi sebab itu perlu diimbangi bukan sahaja dari segi keselamatan modal tetapi juga pelaburan-pelaburan yang boleh memberi pulangan yang agak tinggi supaya dividen yang diberikan ini adalah keseluruhannya lebih baik daripada dividen yang diperolehi daripada pasaran. Justeru, maka EPF telah memberi pinjaman kepada beberapa bentuk. Pada perkiraan Ketua Audit Negara, ini adalah pinjaman yang tidak mempunyai cagaran atau *guarantee* atau *clean landing*. Sebenarnya ada kategori-kategori, umpamanya pinjaman yang diberi kepada syarikat pinjaman perumahan kerajaan. Ini pinjaman yang diberi kepada SPPK, itu pun dianggap sebagai pinjaman yang *clean*. Pinjaman kepada syarikat-syarikat *triple A* seperti Khazanah dan TNB, ini juga dianggap sebagai pinjaman yang *clean*.

Pinjaman untuk PFI, PFI seperti BLT yang diberi jaminan melalui penyewaan, ini pun dikira sebagai pinjaman yang tidak bercagar tetapi pinjaman-pinjaman ini pada hemat kita semua adalah pinjaman yang agak selamat, Khazanah, TNB, BLT. Jadi kalau kita tidak beri kepada mereka ini, maka kita hanya melabur dalam bidang-bidang yang memberi pulangan yang secara puratanya mengikut pasaran dan ini adalah lebih rendah daripada dividen yang EPF berikan setiap tahun.

Jadi Yang Berhormat, saya mengucapkan terima kasih kepada kepekaan Yang Berhormat memastikan pinjaman ini mempunyai cagaran yang bersesuaian tetapi EPF melalui panel pelaburannya, panel risikonya telah mengambil kira semua ini. Tidak ada sebuah syarikat yang mempunyai risiko tinggi di luar sana yang mendapat pinjaman EPF tetapi syarikat-syarikat yang mempunyai hubungan kait dengan kerajaan ataupun yang mempunyai aset-aset yang boleh memberi jaminan bahawa pinjaman ini adalah selamat. Terima kasih.

Datuk Ismail Kasim [Arau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Pertama saya mengucapkan tahniah pada 20 Februari 2011 apabila KWSP telah mengumumkan kadar dividen 5.8 peratus untuk ahlinya bagi tahun kewangan Disember, 31 2010 iaitu naik 15 peratus. Akan tetapi saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri berhubung dengan panel pelaburan KWSP. Memandangkan kuasa mengikut Seksyen 26/29A, kuasa diberi kepada Menteri Kewangan untuk memberi kuasa terus kepada KWSP bagi membuat pelaburan sama ada *derivative trading activities* dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Kita mahu pihak kerajaan membuat pemantauan, bukan kita tidak meyakini keupayaan Ketua Pegawai Eksekutif, kita yakin tetapi menjaga dana pelaburan yang begitu besar harus ianya dibuat dengan berhati-hati.

Jadi setakat ini saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang merupakan orang pakar dalam bidang kewangan. Adakah KWSP benar-benar memantau kepada semua aktiviti perdagangan *derivative* ini terutama yang berisiko tinggi. Yang Berhormat ada memaklumkan tetapi saya difahamkan bahawa ada juga pembelian bon berlaku kontrak niaga hadapan dan sebagainya. Jadi pandangan Yang Berhormat supaya kita benar-benar menjaga dana pekerja-pekerja yang begitu besar nilainya kepada negara.

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Terima kasih Yang Berhormat. Panel pelaburan KWSP ini yang menilai semua bentuk pelaburan yang dibuat oleh KWSP dan keputusan-keputusan panel ini perlu juga mendapat kelulusan Menteri Kewangan yang perlu pula ditapis di peringkat Kementerian Kewangan. Saya yakin bahawa pelaburan berisiko tinggi tidak dibuat dan tidak diluluskan oleh panel ini kerana panel ini sebenarnya terdiri daripada mereka yang memang arif dan pakar dalam bidang-bidang kewangan seperti dianggotai sendiri oleh seorang Timbalan Gabenor Bank Negara Malaysia dan juga Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan dan saya yakin kedua-dua mereka ini bersama dengan wakil-wakil yang lain, wakil-wakil korporat pun ada bersama dengan pengerusi KWSP sendiri, maka saya yakin tidak ada pelaburan yang berisiko tinggi yang dapat melalui panel ini ataupun melepasi panel ini.

Jadi saya ucapkan terima kasih Yang Berhormat di atas kebimbangan Yang Berhormat itu dan saya yakin dan memberi keyakinan di sini bahawa kebimbangan ini sentiasa dipantau dengan baiknya oleh panel dan juga oleh Kementerian Kewangan. Terima kasih.

5. **Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]** minta Menteri Pelajaran menyatakan, kesediaan kerajaan bagi merombak Sijil Peperiksaan Bersama Sekolah-sekolah Menengah Persendirian Cina (UEC) mengikut Dasar Pendidikan Kebangsaan bagi menampung lebih ramai guru Mandarin di sekolah-sekolah aliran Jenis Kebangsaan Cina di seluruh negara.

Timbalan Menteri Pelajaran I [Datuk Dr. Wee Ka Siong]: Tuan Yang di-Pertua, Sijil Peperiksaan Bersama Sekolah-sekolah Menengah Persendirian Cina atau lebih dikenali sebagai *Unified Examination Certificate* (UEC) bukanlah persijilan peperiksaan yang dikendalikan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia. UEC merupakan anugerah persijilan peperiksaan bagi pelajar-pelajar Sekolah Menengah Persendirian Cina (SMPC) yang dikelolakan oleh Lembaga Peperiksaan *Malaysia Independent Chinese Secondary School* (MISSC). Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, SMPC merupakan institusi pendidikan swasta yang menggunakan bahasa Cina sebagai bahasa pengantar utama serta standard kokurikulum yang disediakan tidak selari dengan kokurikulum kebangsaan seperti yang terdapat di dalam Akta Pendidikan 1996. Piawai dan kawalan ke atas peperiksaan UEC adalah berlainan dengan piawai sistem peperiksaan kebangsaan dan KPM tidak mengawal taraf piawai ujian peperiksaan UEC ini.

Sehubungan itu, Kementerian Pelajaran Malaysia tidak mempunyai kuasa terhadap sijil UEC ini. Bagi menampung keperluan guru bahasa Cina di sekolah-sekolah jenis kebangsaan Cina, pelbagai usaha telah dan sedang dilakukan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia seperti menyediakan pelbagai *mood* latihan perguruan sama ada di dalam atau luar negara. Di samping itu, inisiatif baru yang telah dilakukan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia ialah dengan melaksanakan pengambilan khas bagi calon berkelulusan sijil UEC yang telah memiliki sijil SPM untuk mengikuti kursus perguruan di Institut Pendidikan Guru (IPG) bagi program bahasa Cina. Langkah tersebut telah dilaksanakan berdasarkan ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa penggulungan pembentangan RMKe-10 di Dewan yang mulia ini. Ambilan khas tersebut telah dilaksanakan pada Jun 2011. Terima kasih.

Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita lihat hasil daripada pendemokrasian kerajaan, sekarang ini pelajar-pelajar lulusan universiti pun telah mendapat pinjaman PTPTN dan mereka yang ada SPM juga telah diambil untuk mengikuti program perguruan di maktab Institut Pendidikan Guru dan sebagainya. Kita faham masalah daripada perkara tersebut, kadang-kadang guru-guru yang mengajar bahasa Mandarin, Tamil ini tidak mencukupi. Jadi begitu juga dengan mata pelajaran lain. Jadi kalau kita lihat pihak Kementerian Pendidikan ini mengambil guru-guru GSTT dan saya pun tidak faham istilahnya sama ada guru kontrak, guru *contract for service* dan pelbagai istilah yang digunakan oleh perkhidmatan awam.

Akan tetapi apa yang menjadi isu di sini kenapa ada timbul baru-baru ini di akhbar di mana guru-guru yang tidak mengajar sampai ke bulan Disember ini tidak dibayar gaji untuk bulan Disember dan juga kemudahan-kemudahan lain. Ini bagi saya merupakan satu penganiayaan kepada guru-guru. Tiba-tiba dapat gaji daripada bulan Januari sampai Oktober ke November, tiba-tiba bulan Disember tidak ada gaji, terputus. Lepas itu tidak pasti lagi mereka ini sama ada dapat menyambung semula perkhidmatan mereka dan sebagainya. Jadi saya mohon pihak kementerian memberi penjelasan mengenai perkara ini. Terima kasih.

Datuk Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya kita memang menggunakan perkhidmatan GSTT sebagai salah satu langkah untuk mengatasi masalah di samping kita menunggu lepasan daripada IPGM yang telah diberi latihan untuk menjadi guru terlatih. Jadi saya rasa dalam konteks ini, kita menggunakan dua pendekatan. Satu ialah sementara menunggu mereka keluar daripada IPGM, kita kena menggunakan perkhidmatan GSTT.

■1050

Soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tentang apa yang berlaku baru-baru ini. Kita mengakui bahawa apabila pengumuman yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri untuk menyerap GSTT. Pada waktu yang sama kita menghadapi tekanan juga untuk kita menyerap guru terlatih daripada IPG dan juga IPTA.

Jadi dalam konteks ini kalau dahulunya kita terus menggugurkan, kita memberhentikan perkhidmatan GSTT dan kita gantikan dengan guru terlatih. Oleh kerana kita juga menghargai sumbangan dan juga komitmen GSTT ini yang ada yang sampai tiga tahun atau empat tahun berkhidmat maka wajar juga mereka diberi latihan. Keputusan itu dibuat adalah untuk menyerap GSTT pada waktu yang sama untuk memberi latihan kepada mereka kerana kita dapat selesai secara jumlah yang lebih besar.

Pada waktu yang sama kita mengimbangi dengan bekalan guru terlatih. Ini yang kita lakukan dan diputuskan pada awal tahun. Apabila kita hendak menempatkan guru terlatih daripada IPG maka kita perlu memikirkan dari segi perjawatan sekiranya tidak ditambah mestilah menggunakan kontrak ataupun secara kontrak kita menggaji mereka dan cara itulah yang dapat kita menyerap GSTT. Jadi dalam konteks ini ingin saya memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini sebenarnya Yang Amat Berhormat Menteri Pelajaran memang prihatin tentang perkara ini. Beliau mahu KSU melihat semula dari segi *contract for service*. Saya difahamkan pada pagi ini juga KSU bersama dengan TKSU Pengurusan melihat kerana profesion perguruan ini berlainan. Kalau suruh mereka balik ke sekolah pada bulan Disember memang tidak ada kerja. Sebab mereka balik pun bukan *punch card* dan kita tidak boleh melakukan.

Kalau GSTT dahulunya diberi gaji sampailah ke Disember saya rasa ianya bukan satu isu. Jadi saya rasa pihak kementerian telah membuat keputusan supaya KSU dan TKSU mencari satu kaedah melihat perkara ini. Jadi saya rasa apa yang kita lakukan dari sanubari kita adalah membantu GSTT pada waktu yang sama kita tidak mahu supaya guru yang keluar daripada IPGM ini tidak ditempatkan di sekolah. Jadi terpaksa dalam tempoh peralihan ini kita menghadapi sedikit masalah. Kita juga perlu dapat kerjasama daripada Kementerian Kewangan untuk memberi peruntukan tambahan untuk kita menempatkan mereka. Terima kasih.

Tuan Saifuddin Nasution Ismail [Machang]: Tuan Yang di-Pertua terima kasih. Yang Berhormat Timbalan Menteri, walaupun tidaklah secara terusnya itu berkaitan dengan soalan asal. Cuma saya percaya Yang Berhormat Timbalan Menteri punya maklumat untuk memaklumkan pada Dewan. Ianya ialah dari hal penempatan guru-guru dari UPSI di Tanjung Malim yang minta kita bertanyakan kepada kementerian berkenaan dengan masalah penempatan tempat mereka mengajar *posting*, dengan izin, walaupun mereka ini lulus dari Universiti Pendidikan.

Universiti itu memang *nichenya* ialah pendidikan tetapi bila mereka tamat belajar tidak macam lulusan perguruan dari institusi lain. Mereka masih lagi bergelut dengan masalah penempatan tempat mengajar. Di satu sesi kita kekurangan guru manakala di sesi lain kita ada lagi program yang disebut tadi guru sandaran tidak terlatih dan sebagainya. Ini yang memang belajar jurusan pendidikan, perguruan tetapi masih lagi ada masalah sebegitu. Bagaimana sebenarnya kementerian menjelaskan keadaan ini? Terima kasih.

Datuk Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Yang Berhormat di atas keprihatinan Yang Berhormat tentang perkara ini. Saya pernah berjumpa dengan wakil-wakil daripada graduan ini. Mereka datang ke Parlimen dan saya telah sempat berdialog dengan mereka hampir satu jam. Ingin saya maklumkan pada Yang Berhormat jumlah lepasan daripada UPSI ini setakat ini lebih kurang 3,100 orang. Jadi ini bukan sahaja satu IPTA kita kena mengambil kira sepuluh buah IPTA yang mempunyai fakulti pendidikan. Jadi jumlah yang kita jangkakan setakat ini ialah lebih kurang 7,000 lebih. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat sejak 21 November sehinggalah sampai ke 14 Disember Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP) akan mengadakan temu duga terhadap graduan ini.

Jadi ini kita buat secara berperingkat. Saya juga ingin menarik perhatian Dewan yang mulia sebenarnya apa yang dilatih oleh IPG ramai tidak sedar bahawa Kementerian Pelajaran diberi tanggungjawab untuk melatih guru sekolah rendah. Apabila sekolah menengah kita menggunakan universiti-universiti di bawah MOHE untuk kita hendak bekalkan guru ke sekolah. Jadi apabila mereka hendak masuk ke sistem kita, kita mestilah, ini sebagai satu syarat, pra syarat untuk memasuki kementerian melalui satu badan yang dinamakan SPP. Selepas lulus temu duga akan terus diserap masuk ke kementerian.

Jadi dalam proses ini seperti Yang Berhormat katakan Yang Berhormat Lipis memperjuangkan GSTT. Yang Berhormat pula mengatakan yang guru terlatih. Saya rasa dalam konteks ini Kementerian mengimbangi kehendak daripada dua-dua pihak. Jadi apabila kita mendengar guru siswazah daripada UPSI mengatakan baik kita tamatkan perkhidmatan GSTT. Itu juga mendatangkan impak kepada kita kerana ada dalam kalangannya yang cukup baik dan komited. Jadi sayang kalau kita tidak mengekalkan mereka dalam sistem.

Jadi dalam soal ini oleh kerana kita ada perancangan untuk menambahkan nisbah guru kepada setiap kelas bilik darjah yang ada. Jadi apabila kita naik 0.2 indeksnyanya maka ada pertambahan jawatan jadi dari situlah kita dapat serap. Pada tahun hadapan saya jangkakan yang UPSI ataupun mereka yang layak yang telah lulus dalam SPP akan ditawarkan tempat. Jadi saya rasa kenyataan ini secara umum kalau pendidikan ini sebenarnya fakulti pendidikan untuk melatih bukan sahaja keperluan sekolah rendah, sekolah menengah, sekolah swasta dan juga kolej. Jadi apabila TPM mencadangkan pada tahun hadapan supaya kita buat secara terbuka. Ini juga sama dengan perjuangan Timbalan Yang di-Pertua yang mengatakan UNITAR juga patut diberi peluang.

Apabila kita bukannya semua bermakna IPTA-IPTA mereka boleh bersaing dalam satu pentas yang sama. Inilah caranya kita memilih yang terbaik. Bagi mereka yang baki itu bolehlah mereka memohon untuk menjadi pensyarah ataupun tutor di IPTS atau mana-mana institusi pendidikan swasta. Terima kasih.

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Lipis bahawa pelajar-pelajar yang mengambil *United Education Certificated* (UEC) itu boleh merupakan satu punca yang membekalkan guru-guru bahasa Cina di negara kita. Saya hendak menonjolkan bahawa UEC ini dia diterima oleh universiti-universiti kalau saya tidak silap seperti Universiti Singapura dan di United Kingdom. Menerima sebagai satu syarat untuk kemasukan kepada universiti mereka. Dia mempunyai mutu yang direstui di peringkat antarabangsa.

Saya hendak tanya kepada Timbalan Menteri, mengapa kerajaan tidak berusaha untuk mengkaji kemungkinan atau mengapa kita tidak boleh terima UEC sebagai satu syarat yang boleh diterima untuk mengambil mereka sebagai guru terlatih di Maktab Perguruan. Dengan tujuan khususnya menjadikan melatih mereka menjadi guru bahasa Cina yang kita selama ini menghadapi kekurangan setiap tahun. Ada hujah-hujah yang mengatakan orang Cina tidak minat mengajar. Saya rasa itu satu *misconception*.

Jadi saya harap Kementerian mengambil perkara ini secara serius dan mengkaji semula bagaimana kita boleh menerima UEC sebagai satu syarat? Kalau UEC itu masih ada kelemahan perlu ditingkatkan mutunya boleh kita bincang dengan badan-badan yang menganjurkan peperiksaan yang berkenaan itu. Apakah pandangan Timbalan Menteri? Saya harap Kementerian mengambil serius tentang cadangan ini.

Datuk Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Yang Berhormat. Kementerian Pelajaran memang serius dalam soal ini. Saya ingin membetulkan dua perkara. Pertama kalau kita perhatikan apa yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa pembentangan RMKe-10. Telah dinyatakan dengan jelas Sijil UEC dengan Sijil Agama, lulusan akan diterima berserta dengan SPM.

■1100

Dalam konteks ini, kita ada satu ambilan khas untuk UEC dan saya rasa kita telah nyatakan, iklan pun kita sudah buat dan oleh kerana ini percubaan kali pertama, sasaran kita pada ketika itu ialah 30 orang. Pada mulanya, dari segi permohonan lebih banyak datangnya daripada SMK, SMJK. Jadi, ini hakikatnya. Jadi, selepas kita tutup tarikh permohonan, saya masih ingat Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kata, buka dua minggu lagi, cari mereka yang kalau dahulu memohon untuk mereka jadikan sebagai pelatih dalam IPGM. Jadi, dalam erti kata yang lain, UEC sekiranya mereka telah memiliki SPM, kredit dalam bahasa Malaysia, 14 orang telah diterima masuk ke IPGM dan mereka berada di IPGM dekat Lipis dan Yang Berhormat boleh melawat mereka.

Ini kali pertama dalam sejarah dan saya rasa Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah merealisasikan apa yang telah dijanjikan dalam Dewan yang mulia ini. Itu memang dan memang dalam kenyataan Perdana Menteri semasa ucapan itu kata, ini untuk mengatasi masalah kekurangan guru. Jadi saya rasa, apa Yang Berhormat perjuangannya sebenarnya, telah diambil kira oleh kementerian dan memang kita tidak dapat 30 tetapi mendapat 14. Ini mungkin kali pertama ada yang berasa belum lagi *confident*, ada yang kita tidak tahu lagi dari segi promosinya dan saya rasa kita akan melihat keperluannya bagaimana kita hendak membuat promosi yang lebih baik. Terima kasih.

6. Tuan Haji Ab. Aziz Ab. Kadir [Ketereh] minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan, perkembangan kemajuan industri pertanian organik. Apakah bentuk bantuan dan insentif kepada pengusaha yang terlibat dalam bidang ini.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani I [Dato' Wira Mohd Johari bin Baharum]: Terima kasih Yang Berhormat dan Tuan Yang di-Pertua. Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sentiasa menggalakkan usaha penanaman pertanian organik. Pada masa ini, jumlah pengeluaran bagi sayur-sayuran dan buah-buahan organik dianggarkan sebanyak 2,538 metrik tan setahun dengan nilai pengeluaran sebanyak RM15 juta melibatkan kawasan seluas 1,372.65 hektar.

Purata pendapatan sebulan untuk sehektar ladang organik adalah sebanyak RM3,000 bagi buah-buahan dan RM4,500 bagi sayur-sayuran. Jumlah keluasan ini dijangka akan meningkat dengan galakan yang dijalankan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui aktiviti promosi, latihan intensif dan sebagai mana yang diberi kepada petani di samping galakan NGO.

Antara bantuan yang diberi oleh jabatan adalah memberi latihan, kursus secara teori dan praktikal. Petani diberi pendedahan tentang cara membuat baja organik, cecair berasaskan tumbuhan dan haiwan dan lain-lain lagi dari segi teori dan praktikal. Jabatan Pertanian sentiasa bersedia memberi perkhidmatan dan nasihat di samping mewujudkan petak-petak promosi di kawasan petani dan sebagai latihan.

Tuan Haji Ab. Aziz Ab. Kadir [Ketereh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya merujuk kepada Laporan Jawatankuasa Sosioekonomi PBB yang mendapati 20,000 hingga 40,000 orang di seluruh dunia maut setiap tahun akibat keracunan racun perosak. Bagi membantu mengurangkan penggunaan racun perosak tersebut, soalan tambahan saya ialah apakah kerajaan ada menetapkan sasaran keluasan tanah dan jumlah petani organik yang ingin dicapai dalam tempoh masa tertentu. Terima kasih.

Dato' Wira Mohd Johari bin Baharum: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya, kita dalam usaha untuk menjaga tentang keselamatan makanan, kita memang memberi penekanan tentang penggunaan racun secara betul. Oleh sebab itu, kita tengok di kawasan-kawasan padi, kadang-kadang penggunaan racun itu tidak mengikut peraturan. Ianya ada SOP dan sebagainya tetapi tidak digunakan atau tidak dipatuhi oleh petani-petani. Walau bagaimanapun, dalam industri pertanian iaitu yang melibatkan tanaman organik ini kita mempunyai SOP tertentu sebelum satu-satu syarikat atau sesebuah ladang itu diiktiraf sebagai ladang yang betul-betul mengeluarkan makanan atau makanan organik yang selamat dimakan. Ia mestilah mempunyai Sijil Organik Malaysia atau dinamakan SOM.

Setakat ini, daripada tahun 2003 hingga 2011, sebanyak 38 pengusaha sayur telah mendapat pengiktirafan SOM dan 16 pengusaha buah-buahan dengan keluasan tanah sebanyak 1,372.65 hektar. Walau bagaimanapun, sekarang ini kita sedang buat pemantauan untuk memberi pengiktirafan kepada ladang-ladang yang sedia ada yang menggunakan kaedah atau menggunakan SOP yang telah ditetapkan untuk mendapat persijilan supaya makanan yang dihasilkan di ladang-ladang ini selamat dimakan.

Dato' Ismail bin Abd. Muttalib [Maran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih timbalan menteri. Saya ingat semua maklum bahawa makanan yang hasil daripada sumber organik ini memang dari segi kebaikannya lebih baik kualiti dan sebagainya dari segi kesihatan.

Cuma kita difahamkan kadang-kadang makanan yang dikeluarkan melalui hasil makanan organik ini harganya lebih tinggi berbanding dengan barang-barang yang lain. Jadi, saya hendak tahu daripada Timbalan Menteri, apa langkah yang dibuat oleh kerajaan supaya kita dapat memastikan kita dapat mengeluarkan hasil makanan yang baik melalui proses organik ini dan dalam masa yang sama harga itu dapat kita kawal.

Satu lagi soalan tambahan saya ialah kalau kita lihat pengeluaran yang disebutkan oleh timbalan menteri tadi ialah juga melibatkan petani-petani ataupun yang berskala besar, yang melibatkan berpuluh-puluh ekar, hektar dan sebagainya. Saya hendak tanya, berapa ramai petani-petani yang kecil ini yang dapat kita libatkan bersama kerana di samping mereka dapat memperoleh, menikmati makanan yang baik kualitinya tetapi dalam masa yang sama kita dapat membantu petani-petani kecil ini mendapat pendapatan tambahan kepada mereka. Terima kasih.

Dato' Wira Mohd Johari bin Baharum: Terima kasih Yang Berhormat. Saya ingin tegaskan di sini bahawa kita memang tahu berkenaan dengan harga bahan organik ini iaitu sayur-sayuran organik dan buah-buahan ini. Ia dua atau tiga kali ganda lebih mahal daripada sayur-sayuran biasa tetapi oleh sebab ia mempunyai kaedah-kaedah tertentu, ia mengamalkan perkara-perkara yang memang memerlukan perbelanjaan supaya kita dapat menghasilkan makanan yang lebih baik.

Oleh sebab itu harganya begitu tinggi sekarang ini dan selain daripada itu juga, persijilan itu agak sukar didapati kerana kebanyakan petani-petani kita menggunakan kaedah lama. Harapan kita ialah apabila lebih banyak lagi ladang-ladang yang dibuka selepas ini, maka dengan sendirinya bahan organik ini akan lebih murah.

Kalau kita lihat pada tahun 2002, ia lebih mahal lagi kerana pada ketika itu bahan-bahan organik ini diimport daripada New Zealand, Australia dan sebagainya. Sekarang ini barulah ada ladang-ladang dan juga kesedaran daripada rakyat Malaysia sendiri yang memakan bahan-bahan organik. Oleh sebab itu kita tengok di pasar-pasar raya sekarang sudah ada kaunter untuk bahan-bahan organik ini. So, dengan harapan itu kita haraplah lebih ramai lagi pengusaha-pengusaha kita.

Sebenarnya, ada juga pengusaha-pengusaha yang bukan kata kita tumpu kepada ladang-ladang besar sahaja. Ada juga pengusaha kita tengok dari *fresh farm enterprise*, dia hanya ada 1.4 ekar sahaja tanahnya, tidak semestinya besar. Banyak juga yang ada dalam skala yang kecil yang telah mengusahakan bukan hanya tertumpu kepada ladang-ladang besar. Ada yang 2.4 ekar, tidak besar dan bukan kata semuanya tertumpu kepada ladang-ladang besar. Terima kasih.

7. Dato' Paduka Abu Bakar bin Taib [Langkawi] minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) dalam pembinaan KLIA 2, berapa kos pembinaannya; dan
- (b) dari jumlah tersebut, berapakah anggaran kos bagi komponen *labour* dan jumlah kos *labour* yang dibayar kepada pekerja asing dan apakah tindakan yang diambil oleh kerajaan untuk mengurangkan penggantungan terhadap pekerja dari luar negara.

■1110

Timbalan Menteri Pengangkutan II [Tuan Jelaing anak Mersat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Langkawi.

Untuk makluman Yang Berhormat, Malaysia Airport Holdings Berhad memaklumkan bahawa pihaknya sedang memuktamadkan kos pembangunan KLIA 2 dan perlu memaklukkannya terlebih dahulu kepada Bursa Malaysia sebelum diumumkan memandangkan MAHB adalah merupakan syarikat yang disenaraikan di Bursa Malaysia tersebut. MAHB menyatakan bahawa pihaknya akan memaklumkan butiran lanjut mengenai projek KLIA 2 dan kos perbelanjaan terkini serta isu-isu berkaitan pada minggu ini.

Secara umumnya kos keseluruhan bagi komponen *labor* ialah sebanyak RM66.50 juta yang direkodkan sehingga bulan Ogos 2011. Nisbah bagi buruh asing dan buruh tempatan adalah 80:20. Secara anggarannya kos untuk *labor* asing adalah sebanyak RM53.20 juta manakala anggaran kos *labor* tempatan adalah sebanyak RM13.30 juta.

Pada masa ini kerajaan menerusi Kementerian Sumber Manusia telah menetapkan beberapa langkah bagi mengurangkan kebergantungan negara kepada pekerja asing. Antara langkah-langkah yang diambil ialah:

- (i) membekukan pengambilan pekerja asing kecuali pada sektor-sektor tertentu;
- (ii) pekerja asing hanya dibenarkan untuk bekerja tidak lebih dari lima tahun bagi semua sektor pekerjaan kecuali pembantu rumah;
- (iii) penggunaan *Industrialized Building System* (IBS) dalam sektor pembinaan bagi mengurangkan kebergantungan kepada pekerja; dan
- (iv) mengkaji dan mengemaskinikan insentif-insentif perkhidmatan yang ditawarkan kepada pekerja tempatan.

Dato' Paduka Abu Bakar bin Taib [Langkawi]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada pekerja asing yang datang ke Malaysia daripada Indonesia, Nepal, Bangladesh, Myanmar, Vietnam, Cambodia, Thailand yang datang bekerja di Malaysia, bukan PATI tetapi yang ada permit yang sah.

Saya juga sebenarnya ingin membuka peluang yang luas bagi pekerja asing datang ke Malaysia kita menghayati konsep *cherish-thy-neighbour*. Malahan berbilion ringgit telah *diemit* ke negara asal mereka. Walaupun kita mengalu-alukan kedatangan mereka ini sudah pastilah kalau boleh seperti pekerja misalnya di sektor sekuriti pun kita ambil orang Nepal. Adakah faktor gaji menyebabkan orang tempatan tidak mahu bekerja?

Masalahnya di Langkawi, *waiter* dan *waitress* di hotel-hotel lima bintang kebanyakannya datang dari Lombok, Myanmar ataupun Thailand. Adakah kerajaan bersama-sama dengan Menteri Luar Negeri bekerja kuat sedikit untuk memastikan anak Melayu kita mahu bekerja. Gajinya kalau di hotel sekalipun adalah RM800 dan ditambah dengan *point-pointnya* boleh mendapat RM1,000 lebih. Jadi kenapa anak tempatan ini tidak mahu bekerja? Adakah disebabkan faktor gaji atau faktor-faktor lain yang mungkin kita tidak tahu? Terima kasih.

Tuan Jelaing anak Mersat: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas keprihatinan Yang Berhormat Langkawi berkaitan dengan pekerja asing tetapi ini lebih kepada Kementerian Sumber Manusia saya rasa. Akan tetapi walau bagaimanapun bagi MAHB ataupun bahagian *airport*, bahagian pekerja asing di situ dihadkan kepada tempat-tempat selain daripada kawasan sekuriti. Sekian.

Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid [Kuala Langat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua memberi ruang untuk saya bagi soalan tambahan kedua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, semenjak terbinanya lapangan terbang daripada kerangka sampai menyiapkan keseluruhan, isu komponen *labor* kos pekerja asing ini sudah menjadi isu nasional dibicarakan bertalu-talu dilihat sebagai satu isu yang berat dibandingkan dengan pekerja tempatan.

Dilihat daripada pintu masuk utama lapangan terbang sampailah kepada terminal, pekerja asing memonopoli daripada semua aspek pembersihan dan sebagainya. Isu untuk mengambil langkah membendung pekerja asing ini telah diluahkan bertahun yang lalu, berbelas mungkin. Namun tidak ada penyelesaian terbaik. Apa yang saya lihat ialah ruang diberikan kepada kontraktor-kontraktor pencuci lapangan terbang. Itu menyebabkan satu perkara yang harus dilihat sebagai penyumbang utama kepada pekerja asing ini. Masalah gaji seperti mana Yang Berhormat Langkawi bicara tadi ialah masalah pokok yang tidak pernah diselesaikan sampai ke hari ini.

Namun yang jelas ialah penyelesaian harus diberikan keutamaan. Pekerja tempatan mesti diberikan keutamaan. Yang jelas ini tidak pernah dilakukan dan tidak pernah diambil satu inisiatif yang serius oleh Kementerian yang terlibat.

Soalan saya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, ini serius. Bila agaknya pekerja asing ini dikendurkan kedatangan mereka bekerja di pintu utama lapangan terbang termasuk pintu utama di seluruh negara yang menjadi penyebab kepada masuknya penyeludupan-penyeludupan dan yang tidak terbatas kekuasaannya. Mohon penjelasan. Terima kasih.

Tuan Jelaing anak Mersat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Kuala Langat. Kita menghargai pandangan Yang Berhormat atas keprihatinan kepada pekerja-pekerja tempatan kita di sini tetapi selagi kurang pekerja daripada orang-orang kita tempatan, kita tidak dapat elakkan supaya kita mengambil pekerja asing. Seperti yang saya sebutkan tadi pekerja-pekerja asing ini dihadkan kepada kerja-kerja yang tertentu dan kerja-kerja yang melibatkan sekuriti, melibatkan yang penting bagi keselamatan negara ini kita tidak benarkan mereka bekerja di situ atau di mana-mana lapangan terbang.

Kita akan juga bawa cadangan Yang Berhormat kepada mesyuarat-mesyuarat tertentu supaya ini dapat dipertimbangkan dengan memberi peluang kepada pekerja-pekerja tempatan kita. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin memaklumkan kehadiran di dalam Dewan ini satu delegasi seramai enam orang yang diketuai oleh Mr. Zhong Zhaolong, *Vice Chairman of the Sub-Committee of Ethnic and Religious Affairs of the 11th National Committee of the Chinese People's Political Consultative Conference...* [Tepuk]

Bagi pihak Ahli-ahli Dewan yang mulia ini, saya mengalu-alukan kehadiran delegasi ke negara ini. Semoga kehadiran delegasi Republik Rakyat China ini dapat mengeratkan lagi persahabatan baik antara Parlimen Malaysia dan Parlimen Republik Rakyat China serta ikatan persaudaraan antara kedua-dua negara yang telah sekian lama terjalin kukuh selama ini. Terima kasih.

8. Dr. Che Rosli Che Mat [Hulu Langat] minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan:

- (a) jumlah pelajar yang memohon melalui UPU dan jumlah pelajar yang dapat diterima masuk IPTA dan IPTS sesi 2011/2012; dan
- (b) universiti-universiti yang mengurus sendiri pengambilan pelajar dan jumlah pelajar yang dapat diambil sesi 2011/2012.

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi I [Dr. Hou Kok Chung]: Tuan Yang di-Pertua, jumlah permohonan kemasukan ke IPTA sesi akademik 2011/2012 bagi kategori Ijazah Pertama adalah sebanyak 64,703 manakala jumlah yang ditawarkan tempat adalah sebanyak 41,267.

IPTS tidak membuat pengambilan pelajar secara berpusat sebagaimana yang dibuat oleh IPTA. Ini adalah kerana IPTS diberi autonomi dalam urusan pengambilan pelajar ke institusi masing-masing. Pengambilan pelajar ke IPTS dibuat lebih dari dua kali setahun. Data mengenai jumlah pelajar yang diterima masuk ke IPTS bagi sesi 2011/2012 adalah dalam proses pengumpulan oleh Kementerian. Proses pengumpulan maklumat daripada IPTS hanya dilakukan dua kali setahun iaitu pada bulan Jun 2011 dan Disember 2011. Data tersebut akan diselaraskan sehingga hujung tahun 2011 dan data keseluruhan bagi tahun 2011 akan dimaklumkan pada awal tahun 2012.

Bagi tahun 2010, jumlah enrolmen pelajar tempatan adalah seramai 132,554 orang. Pada masa ini, hanya USM yang dibenarkan menguruskan pengambilan pelajar ke institusi tersebut. Jumlah permohonan ke USM bagi sesi akademik 2011/2012 bagi kategori Ijazah Pertama adalah sebanyak 29,091 orang dan jumlah tawaran yang dikeluarkan adalah sebanyak 4,405 orang. Sekian, terima kasih.

■1120

Dr. Che Rosli Che Mat [Hulu Langat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sebelum ini permohonan kemasukan pelajar-pelajar ke IPTA mesti melalui UPU tetapi dalam tahun ini saya difahamkan melalui media menyatakan ada universiti yang boleh mengambil sendiri pelajar untuk masuk ke universiti seperti Timbalan Menteri sebutkan tadi, USM. Apakah kriteria yang membolehkan USM mengambil pelajar sendiri, tidak melalui UPU? Bagaimana penyelarasan dengan UPU?

Kedua, bagaimana pula pelajar-pelajar yang mempunyai diploma yang ingin meneruskan pengajian ke peringkat sarjana muda. Adakah mereka boleh memohon terus kepada universiti-universiti yang mereka minat? Sekian, terima kasih.

Dr. Hou Kok Chung: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, USM telah dimasukkan dalam kategori Apex universiti di mana universiti ini telah dipilih untuk mengadakan autonomi untuk mengambil pelajar tersendiri. Ini sudah ada berkaitan dengan rancangan Kementerian supaya ada satu universiti yang lebih memberi autonomi dan supaya dia dapat universiti yang lebih cemerlang.

Untuk pelajar diploma, mereka memang dibenarkan memohon memasuki ke universiti-universiti, terpulung kepada keputusan dan juga tempat-tempat yang ada. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pasir Salak.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Ingatkan Pasir Mas.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Dua-dua pasir bangun ya Yang Berhormat.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi kita mendengar Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyebut bahawa jumlah pelajar yang diterima masuk ke IPTA lebih kurang 40,000 orang. Sedarkah Yang Berhormat bahawa jumlah pelajar yang keluar daripada SPM dan sepatutnya meneruskan pengajian mereka ke peringkat tinggi di universiti ialah lebih kurang 500,000 orang setahun. Kalau diambil kira bilangan sebanyak 40,000, ini bermakna tidak sampai 10 peratus daripada bilangan pelajar yang keluar daripada SPM. Kalau inilah yang berlaku walaupun Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh menjawab bahawa sebahagian besar lagi akan mengambil pengajian di peringkat diploma ataupun di peringkat kemahiran dan sebagainya.

Saya perlu mengingatkan Yang Berhormat Timbalan Menteri, untuk menjadi sebuah negara maju, sebuah negara maju nisbah di antara pelajar-pelajar yang memperoleh pengajian peringkat tinggi di universiti, di peringkat ijazah, lepasan ijazah dan sebagainya perlu tidak kurang daripada 60 peratus. *That's how, dengan izin, if you want to compete with the developed countries. That is the ratio. So, kalau this 10 peratus is so far behind.* Bagaimana kita hendak menuju ke arah negara maju ini? Bagaimana kita hendak mewujudkan pembangunan sehebat negeri-negeri yang lain kalau bilangan pelajar beratus ribu ketinggalan, tidak mendapat tempat untuk belajar di peringkat tertinggi. Ini perlu dilihat Yang Berhormat. Tolonglah beri penjelasan. Terima kasih.

Dr. Hou Kok Chung: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, apa yang saya sebut tadi, ditawarkan tempat 41,267 itu hanya untuk IPTA. Memang kita ada IPTS yang dapat menerima pelajar yang lebih kurang yang sama...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Akan tetapi Timbalan Menteri...

Dr. Hou Kok Chung: ...Dan untuk makluman...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat Timbalan Menteri. IPTS, pelajar luar bandar tidak mampu. Pelajar Melayu Bumiputra tidak mampu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: So, ke mana mereka akan pergi?

Dr. Hou Kok Chung: Untuk makluman...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tolong jawab.

Dr. Hou Kok Chung: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *There you know* berapa populasi...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: ...Pelajar IPTS *only less than 10 peratus*, pelajar luar bandar. *You must know this!*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pasir Salak...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Betul atau tidak?

Beberapa Ahli: Betul.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Hah.

Dr. Hou Kok Chung: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, memang yang kalau kita banding dengan 20 tahun dahulu, memang universiti yang kita ada yang bilangannya telah banyak bertambah dan sekarang kita mempunyai 20 IPTA dan mempunyai 53 IPTS yang bertaraf universiti ataupun universiti kolej dan mempunyai 30 politeknik dan juga 72 kolej komuniti. Bagi Kementerian Pengajian Tinggi, ini memang merupakan bilangan yang banyak yang dapat menampung keperluan pelajar-pelajar di negara kita. Sekian.

9. Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai] minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan langkah kerajaan dalam menangani masalah golongan warga tua yang dilupakan atau yang diabaikan oleh ahli keluarga yang semakin serius pada masa kini.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datuk Heng Seai Kie]: Tuan Yang di-Pertua, sebagai sebuah kerajaan yang prihatin, kebajikan dan kesejahteraan warga emas yang berjumlah 2.3 juta orang atau 8.1 peratus daripada jumlah keseluruhan penduduk di Malaysia sentiasa mendapat perhatian kerajaan. Dalam hal ini Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat memperjuangkan supaya warga emas di negara ini hidup sihat sejahtera, bermaruah dan mempunyai martabat diri yang tinggi, mengoptimumkan potensi diri, menikmati semua peluang di samping mendapat penjagaan dan perlindungan daripada ahli keluarga dan anggota masyarakat.

Sehubungan dengan itu, kementerian telah mengambil inisiatif khususnya program yang meningkatkan kesedaran di kalangan generasi muda untuk memelihara tahap kesejahteraan ibu bapa dan warga emas. Antara programnya adalah seperti berikut bagi memastikan golongan warga emas tidak dilupakan ataupun diabaikan oleh keluarga iaitu:

- (i) melaksanakan modul khidmat masyarakat di bawah Program Latihan Khidmat Negara;
- (ii) menjalankan program ilmu keluarga LPPKN untuk menerapkan nilai kasih sayang, tanggungjawab dan hormat-menghormati di kalangan ahli-ahli keluarga;
- (iii) melaksanakan perkhidmatan bantu di rumah ataupun *home help services* yang bercorak *reaching out* kepada warga emas dan dikendalikan oleh sukarelawan. Para sukarelawan membantu atau menemani warga emas menjalani kehidupan seharian mereka seperti mengemas dan membersihkan tempat tinggal, menemani warga emas membeli belah dan membayar bil, membawa mereka ke hospital, mentatariaskan warga emas seperti membersihkan diri, menyikat, mendandan rambut, memotong kuku dan sebagainya di samping sebagai sahabat kepada warga emas tersebut.

Sebagai permulaan, seramai 170 orang sukarelawan terlibat dengan perkhidmatan *home help* di seluruh negara manakala seramai 836 orang warga emas mendapat manfaat daripada perkhidmatan ini;

- (iv) mengadakan sambutan hari warga emas di peringkat kebangsaan, negeri dan daerah pada 1 Oktober setiap tahun; dan
- (v) menjalinkan kerjasama strategik dengan pihak sekolah, kolej dan universiti dengan mengadakan program kesukarelaan di sembilan buah rumah Sri Kenangan dan dua buah rumah Ehsan sebagai aktiviti kokurikulum dan kemahiran insaniah; dan
- (vi) menganjurkan seminar mengeratkan kasih sayang antara generasi dengan kerjasama persatuan gerontologi Malaysia bertujuan untuk mewujudkan kesedaran kepentingan hubungan antara generasi.

■1130

Tuan Yang di-Pertua, bukti keprihatinan kerajaan dan golongan warga emas turut dizahirkan melalui bajet tahun 2012 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Parlimen pada 7 Oktober 2011 yang lalu. Antara pengumuman yang memberi manfaat terus kepada golongan warga emas adalah seperti berikut iaitu:

- (i) sebanyak RM460 juta akan disalurkan kepada warga emas yang memerlukan melalui bantuan orang tua di bawah program kebajikan rakyat 1Malaysia iaitu KARISMA;
- (ii) pengecualian caj pendaftaran pesakit luar di semua hospital dan klinik kesihatan termasuklah Klinik 1Malaysia serta klinik pergigian milik kerajaan;
- (iii) diskaun 50 peratus ke atas tambang LRT dan *Monorail*;
- (iv) bayaran khas sebanyak RM500 kepada pesara kerajaan pada bulan Disember 2011;
- (v) pelarasan pencen di bawah sistem persaraan baru perkhidmatan awam melibatkan peruntukan sebanyak RM600 juta dan manfaat ini akan dinikmati oleh seramai 600,000 orang pesara kerajaan;
- (vi) kenaikan tahun pencen pesara sebanyak dua peratus setahun tanpa perlu menunggu sebarang semakan sistem saraan ataupun pelarasan gaji mulai daripada tahun 2013;
- (vii) melanjutkan umur persaraan wajib daripada 58 tahun kepada 60 tahun bagi mengoptimumkan sumbangan pegawai perkhidmatan awam.

Sekian, terima kasih.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz]:

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

"Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai dibahas dan diputuskan D.R. 42/2011 - Rang Undang-undang Perhimpunan Aman 2011; D.R. 31/2011 - Rang Undang-undang Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (Pindaan) 2011; D.R. 32/2011 - Rang Undang-undang Pencen (Pindaan) 2011; D.R. 33/2011 - Rang Undang-undang Pencen Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan (Pindaan) 2011; D.R. 34/2011 - Rang Undang-undang Penyelarasan Pencen (Pindaan) 2011 dan D.R. 35/2011 - Rang Undang-undang Saraan Hakim (Pindaan) (No.2) 2011 seperti yang tertera di nombor satu hingga enam dalam Aturan Urusan Mesyuarat pada hari ini dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Rabu, 30 November 2011".

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato' Seri Douglas Uggah Embas]:

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERHIMPUNAN AMAN 2011

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbincangan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." **[24 November 2010]**

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta yang berhubungan dengan hak untuk berhimpun secara aman dan tanpa senjata dan untuk memperuntukkan sekatan-sekatan yang didapati perlu atau suai manfaat yang berhubungan dengan hak itu demi kepentingan keselamatan persekutuan atau mana-mana bahagiannya atau ketenteraman awam termasuk perlindungan hak dan kebebasan orang lain dan untuk memperuntukkan perkara-perkara yang berkaitan dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

11.35 pg.

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Minta maaf. Saya ingat tadi tentang, maklum tadi tentang pindaan. Okey, terima kasih.

Pertama sebelum saya terus dengan perbahasan Rang Undang-undang Perhimpunan Aman, saya hendak membuat satu teguran kesal tentang sikap kerajaan untuk menggesa diluluskan beberapa pindaan rang undang-undang penting dalam tempoh yang sangat terbatas.

Kita bahaskan Rang Undang-undang Perhimpunan Aman pada hari ini, Lembaga Hasil Dalam Negeri, Undang-undang Rang Pencen yang melibatkan pihak berkuasa termasuk Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan dan Rang Undang-undang Saraan Hakim yang menyentuh beberapa tunggak institusi negara dan aspek Perlembagaan yang penting. Bagaimana diharapkan Ahli-ahli Parlimen dengan masa yang terbatas sebegini untuk dipaksa memendekkan hujah dan kemudian dengan kuasa mutlak majoriti meluluskan undang-undang yang implikasinya cukup besar kepada negara dan perundangan negara.

Jadi saya ingin bantah cara pengelolaan Parlimen yang sedemikian rupa yang menghina proses demokrasi dan Parlimen dan bertentangan dengan jaminan lunak yang diberikan berulang kali oleh Perdana Menteri bahawa Parlimen dan hasrat kemudian demokrasi dipertahankan.

Tuan Yang di-Pertua, saya dalam melihat Rang Undang-undang Perhimpunan Aman dan juga pindaan dalam peringkat jawatankuasa yang akan dicadangkan oleh Menteri melihat kelemahan besar bertentangan dengan apa yang diumumkan oleh Perdana Menteri sebelum ini. Kita rujuk teguran yang tegas sebelum ini dan ini mungkin memaksa kabinet menilai semula beberapa peruntukan walaupun pada peringkat awal penyokong-penyokong kerajaan berikan sokongan kuat seolah-olah sudah sempurna rang undang-undang ini tetapi kerana gesaan dan bantahan yang begitu kuat maka dibuat, dikemukakan beberapa pindaan kecil.

Saya oleh yang demikian ingin turut berbahas rang undang-undang ini tetapi pertama merujuk kepada bab huraian kerana huraian yang disebut dalam undang-undang ini tidak lain daripada usaha untuk memberikan ruang kebebasan. Ini berkaitan dengan peruntukan perkara 10(1)(b) Perlembagaan yang menyatakan setiap warganegara mempunyai hak untuk berhimpun secara aman dan tanpa senjata. Pengumuman bahawa Akta Polis 1967 khususnya seksyen 27 dan seksyen 27(a) perlu digantikan tetapi kini digantikan dengan satu undang-undang yang cukup kuat menekan.

Ini saya akan kemukakan hujahnya termasuk beberapa peraturan dan undang-undang yang kita anggap amat kurang munasabah dan amat keterbelakangan berbanding dengan negara-negara maju. Dalam ucapan Perdana Menteri disebut bahawa tidak mahu jadikan Malaysia sebagai negara contoh demokrasi dunia.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Saya tidak tahu demokrasi mana kerana kalau ikut beberapa peruntukan dalam Perlembagaan ini bukan dengan Jepun atau Amerika atau negara Eropah tetapi kita kalah dengan Zimbabwe, *Myanmar* dan Hong Kong. Saya pasti perkara ini telah diteliti oleh sebahagian daripada kita kerana telah diberikan liputan luas. Kalau di Jerman, perhimpunan atau demonstrasi perlu didaftarkan dengan polis tidak kurang dua hari sebelum diadakan. Oh! Kita katakan bahawa kita bukan Jerman tetapi kena ingat Perdana Menteri menyebutkan kita harus menjadi contoh demokrasi terbaik dan terunggul di dunia.

■1140

United Kingdom digemburkan dalam tempoh enam hari sebelum protes atau demonstrasi diadakan dan boleh disingkatkan hanya satu hari sekiranya ada alasan yang munasabah. Jepun tiga hari tetapi Malaysia nampaknya lebih berminat untuk membandingkan dengan keadaan di Burma. Akan tetapi dalam hal ini Burma juga telah meminda undang-undang mereka dan diluluskan kerana *Myanmar* nampaknya juga terasa bahang perubahan rakyat di seluruh dunia yang menuntut supaya prinsip kebebasan dihormati.

Jadi, di rang undang-undang, di Burma hanya memerlukan pihak yang ingin menganjurkan perhimpunan memaklumkan kepada pihak yang berkenaan lima hari sebelumnya. Jadi, kita dalam hal ini ketinggalan berbanding dengan Burma. Satu lagi negara yang memang amat baik dengan pimpinan kerajaan ialah Zimbabwe. Zimbabwe, penganjur memerlukan notis bertulis tidak kurang tujuh hari kepada pihak polis. Pada tahun 2002, Zimbabwe dengan tekanan rakyat dan suara demokrasi yang meningkat di Afrika telah meluluskan pindaan *Public Order And Security Act (No.1) 2002* yang memendekkan notis kepada empat hari.

Malaysia dalam hal ini, dalam segi notis sahaja sudah nyata terkebelakang. Jadi, nampak seolah-olah ada kebimbangan satu negara yang mengaku *legitimate* dapat kuasa kononnya dari mandat rakyat tetapi bimbang dengan kebebasan yang mahu diberikan kepada rakyat. Semua Perhimpunan Aman itu termasuk BERSIH baru-baru ini, semua ditohmah sebagai satu gerakan gerombolan pengkhianat negara yang mahu menumbangkan kerajaan yang sah.

Mereka lupa sejarah sendiri tentang bagaimana Almarhum Dato' Onn Jaafar pada Februari 1946 mengetuai perarakan seramai 15,000 orang untuk membantah penubuhan *Malayan Union* yang mengabaikan kepentingan Raja-Raja Melayu dan orang-orang Melayu. Mantan Perdana Menteri Tun Abdullah bin Haji Ahmad Badawi sendiri memimpin 20,000 orang dalam satu perarakan, satu kilometer di Batu Pahat pada 27 Februari 2008. Akan tetapi, kalau dijalankan oleh mana-mana pihak yang bukan dari UMNO atau Barisan Nasional, sekali gus dibantah sebagai pengkhianat dan pengganas. Sebab itu Majlis Peguam, kerana prihatin mereka tentang permasalahan ini telah mengemukakan cadangan rang undang-undang yang sewajarnya diberikan penelitian oleh semua pihak di Dewan ini. Ini kerana mereka juga prihatin seperti mana yang berlaku pada tahun 2007 *Walk For Justice* yang menuntut ditubuhkan Suruhanjaya Diraja menyiasat klip video V.K. Lingam dan penubuhan Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman dan akhirnya ditubuhkan oleh kerajaan walaupun tindakan tidak diambil.

Saya rujuk sebelumnya bahawa ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan saya ingin ulang untuk tidak dianggap mengelirukan bahawa kata Perdana Menteri, *"Era kerajaan mengetahui segala-galanya dan memiliki monopoli terhadap kebijaksanaan sudah melewati tempohnya. Maka, Akta Polis 1967 mengambil kira peruntukan Perkara 10 Perlembagaan tentang kebebasan berhimpun dengan prinsip menentang sekeras-kerasnya demonstrasi jalanan. Namun, kebenaran berhimpun diberi selaras dengan kaedah yang akan ditetapkan kelak di samping mengambil kira norma-norma di peringkat antarabangsa."*

Norma di peringkat antarabangsa ini nampaknya lebih lemah dari Zimbabwe dan Burma. Jadi, peringkat antarabangsa mana saya tidak faham, norma mana yang diambil ini. Yakini bahawa ia satu kekuatan, bukan satu kelemahan untuk kita meletakkan kepercayaan kepada kebijaksanaan rakyat Malaysia membuat pilihan dalam mencorakkan hala tuju masa hadapan mereka sendiri. Ini yang disebut transformasi politik bahawa untuk menjadikan Malaysia sebagai suatu negara demokrasi unggul. Jadi, sukar bagi Yang Amat Berhormat Menteri hendak pertahankan ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan di samping itu masih berkeras mendesak supaya kita luluskan rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga merujuk kepada draf Rang Undang-undang Majlis Peguam supaya jangan ditohmah sebagai suatu rang undang-undang yang tidak bertanggungjawab. Saya di sini, peraturannya, syaratnya, dendanya, notis kepada polis semua diambil kira. Kita mungkin memilih untuk tidak bersetuju dengan beberapa cadangan peruntukan tetapi sewajarnya ia diberikan pertimbangan sebaiknya kerana pertamanya ternyata dan terbukti rang undang-undang yang dikemukakan dan disebut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri minggu lalu itu dibuat dengan gopoh gapah dan ternyata ada kesilapan beberapa peruntukan yang diakui sekarang merupakan kesilapan besar.

Kemudian, hari ini dicadangkan beberapa pindaan dan pindaan ini hanya berlaku kerana ada bantahan awal. Cuma, permintaan seperti biasa tidak memenuhi tuntutan rakyat dan hanya mengambil kira beberapa isu kecil. Itu pun seperti mana saya sebutkan dan saya ingin ulang telah jauh lebih lemah dari apa yang dilakukan di Burma, Hong Kong dan Zimbabwe.

Mengapa dalam satu kerajaan yang katanya demokratik begitu sulit dan sukar untuk memberikan ruang rakyat menyatakan pandangan dan bersuara? Ini tidak diberi penjelasan. Kalau isunya keganasan, isunya senjata digunakan kami tidak mempertikaikan. Akan tetapi untuk menggunakan undang-undang seperti mana yang disebut berulang kali oleh Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri sebelum ini *Patriot Act*. Saya tidak pertahankan *Patriot Act* tetapi *Patriot Act* tidak boleh digunakan sebagai hujah mempertahankan Akta Keselamatan Dalam Negeri atau pun *Denial of the Habeas Corpus* ataupun tahanan tanpa bicara kerana itu diguna pakai bagi bukan rakyat Amerika.

Akan tetapi oleh kerana kerajaan lebih cenderung menggunakan media diperbodohkan rakyat supaya rakyat tidak tahu beberapa peruntukan yang sebenarnya, ini yang di jaja dan di peringkat-peringkat cawangan dan saya percaya perwakilan dalam Perhimpunan UMNO akan mengatakan ya. Kita pun nampak bersetuju dengan beberapa peruntukan yang dibuat oleh *Patriot Act*.

Negara-negara yang paling takut kepada Perhimpunan Aman ini ialah negara-negara kuku besi. Hosni Mubarak. Sekarang Bashar Assad. Negeri Turki semasa pemerintahan tentera, paling ganas bertindak terhadap Perhimpunan Aman. Negeri Turki setelah proses demokrasi berjalan di bawah Perdana Menteri Tayyip Erdogan mengizinkan Perhimpunan Aman dan hanya menyekat kegiatan-kegiatan keganasan. Tunisia menyaksikan perubahan dan transformasi dalam masa singkat membenarkan Perhimpunan Aman menjalankan pilihan raya yang bebas dan adil. Maka, saya percaya SPR boleh hantar rombongan belajar dari Tunisia bagaimana hendak jalankan Perhimpunan Aman dan menjalankan pilihan raya bebas dan adil tanpa penipuan dan menimbulkan kecurigaan kepada mana-mana pihak.

■1150

Masalahnya sekarang ini Tuan Yang di-Pertua, kita mula dendanya itu jauh lebih tinggi walaupun kelonggaran hendak diberikan. Amaun denda yang disebut sebelum ni saya tidak mahu ulang kerana ini sudah menjadi makluman ramai. Notis perhimpunan kepada pegawai polis, kuasa Menteri, tidak ada perubahan. Yang diubah hanya jadual waktu, tempoh sahaja. Akan tetapi prinsipnya ialah prinsip perlembagaan dan keduanya contoh negara-negara yang telah memberikan izin dan tidak ada negara sebaik proses demokrasi berlaku. Tunisia, Turki, Indonesia negara jiran kita kerana di media kita bahan yang dilaporkan di Indonesia hanya yang negatif.

Akan tetapi kekuatan mereka setelah transformasi reformasi 98 dan institusi dibina, perhimpunan aman diizinkan dan tidak dipersulit. Apabila pemerintah itu *legitimate*, dia tidak takut dengan suara rakyat. Akan tetapi apabila pemerintah itu mahu melindungi rasuah berbilion-bilion ringgit, maka sekatan dibuat... [*Dewan riuh*][*Tepuk*] Ya! Mengapa Hosni Mubarak melarang semua perhimpunan bebas dan demokrasi? Kerana mahu melindungi USD70 bilion yang dihimpun untuk beliau, isterinya Susan dan anak-anaknya... [*Tepuk*] Mengapa Ben Ali dan Laila isterinya takut dengan suara rakyat? Takut dengan demokrasi?

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Sama macam Permatang Pauh.

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Sudah melakukan pilihan raya bebas dan adil kerana ternyata setelah beliau digulingkan, menyorok USD30 bilion dalam tabunganya dan ini berulang. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya..

Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Minta penjelasan.

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Mana negara di dunia yang melalui proses apakah reformasi, apakah transformasi, apakah perubahan dari sistem diktator dan autoritarianisme kepada demokrasi yang takut dengan suara rakyat?

Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Minta penjelasan Ahli Yang Berhormat Permatang Pauh... [*Dewan riuh*]

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Pimpinan UMNO dan Barisan Nasional sekarang ini nyata mengambil isu ini...[*Dewan riuh*] Ya, dan saya tidak hairan Tuan Yang di-Pertua, jeritan begitu kerana ini. Mereka jerit takut dengan suara rakyat.

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Sudahlah Ahli Yang Berhormat Permatang Pauh. Ahli Yang Berhormat Permatang Pauh retorik juga.

Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Minta penjelasan, minta penjelasan.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: [Bangun]

Seorang Ahli: Apa takut?

Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Baik, terima kasih Ahli Yang Berhormat Permatang Pauh. Saya ingin minta pandangan Ahli Yang Berhormat Permatang Pauh kerana merujuk kepada Jadual Pertama yang di bawah seksyen 3 ini, tempat-tempat larangan. Disenaraikan tempat-tempat larangan ini, empangan, takungan dan kawasan tadahan air, loji rawatan air, stesen penjana elektrik, stesen minyak, hospital, balai bomba, lapangan terbang, landasan kereta api, terminal pengangkutan awam darat, pelabuhan, terusan, limbung, dermaga, jeti, jambatan marina, tempat ibadat, tadika dan sekolah... [Dewan riuh] Jadi apa maksud daripada tempat larangan ini untuk kita disenaraikan kawasan-kawasan larangan ini? Minta pandangan Ahli Yang Berhormat Permatang Pauh.

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, tempat-tempat larangan ini termasuk tidak boleh diadakan perhimpunan dekat tadika, itu ikut peraturan perintah tentera Hosni Mubarak... [Dewan riuh] [Tepuk]

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Minta laluan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Ahli Yang Berhormat Permatang Pauh.

Saya ada beberapa perkara minta penjelasan daripada Ahli Yang Berhormat Permatang Pauh yang tadinya ada menyebut bahawa kerajaan yang *legitimate* tidak perlu takut kepada suara-suara rakyat dan tidak perlunya ada undang-undang yang boleh dikatakan menyekat kebebasan rakyat. Melalui pengalaman, kita punyai sejarah dalam politik yang begitu lama yang kita lalui bersama dan sejarah itu menjadi saksi yang tidak boleh kita ketepikan begitu sahaja.

Saya ingin bertanya kepada Ahli Yang Berhormat Permatang Pauh, bagaimana apabila berlakunya Operasi Lalang, tindakan ISA diambil kepada beberapa pemimpin termasuk saya tidak kesal, saya sendiri juga diambil tindakan. Ahli Yang Berhormat mendiamkan diri dan menyokong. Ahli Yang Berhormat tidak menunjukkan simpati kepada saya sebagai seorang yang ditahan walaupun Ahli Yang Berhormat masa itu seorang pemimpin besar dalam negara.

Saya bukan mahu bercakap soal peribadi tetapi perkara ini pernah dibawa kepada perhatian Ahli Yang Berhormat untuk mendapatkan perhatian dan pembelaan. Akan tetapi Ahli Yang Berhormat tidak menunjukkan sikap itu. Itu satu.

Keduanya, apabila Ahli Yang Berhormat memuji gerakan demokrasi dan demonstrasi di Egypt, di Tunisia serta di beberapa negara di Timur Tengah. Memuji begitu tinggi sekali pujian yang diberikan kepada kumpulan-kumpulan yang menentang kerajaan. Saya minta masa sedikit untuk bertanya dengan Ahli Yang Berhormat, apa sudah kejayaan yang dapat kita lihat daripada gerakan itu? Apa dia kejayaan yang berlaku kepada Egypt?... [Tepuk] Apa hasil yang dapat dinikmati oleh rakyat Iraq? Apa yang dinikmati oleh Tunisia melainkan kehancuran negara mereka! Pihak yang untung ialah Yahudi, Amerika! Inilah Ahli Yang Berhormat sedar atau tidak?... [Dewan riuh] Adakah ini contoh yang kita hendak gunakan di dalam negara kita ini?

Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat Ketua Pemuda Malaysia dahulu. Kita berjuang untuk negara, bangsa dan agama kita. Kita tidak peduli negara mana seperti Zimbabwe, Myanmar, Egypt, Jerman atau *United Kingdom*, ini bukan persoalannya! Persoalannya negara kita Malaysia yang kita hendak jaga keamanan dan ketenteramannya. Keselamatannya, masa hadapan generasi yang akan datang. Apa guna kita bercakap dengan sistem atau cara orang negara lain. Biarlah dia mundur, biarlah dia maju. Apa yang penting Malaysia. Kelangsungan Malaysia yang penting. Ini yang penting. Saya bukan mahu menyokong secara bulat-bulat kerajaan. Ahli Yang Berhormat tahu pendirian saya. Saya bercakap menyokong perkara yang benar, menyanggah perkara yang salah. Ahli Yang Berhormat jangan cuba hendak mempertikaikan kewibawaan saya dalam hal ini.

Beberapa Ahli: Duduklah, duduklah.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Ahli Yang Berhormat Pasir Salak.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Rekod, *track record* kerajaan kita membuktikan, apa juga undang-undang yang kita lakukan iaitu negara kita aman, negara kita berjaya, kita berada di sisi di atas kerajaan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Ahli Yang Berhormat Pasir Salak.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Walaupun apa undang-undang...

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat Pasir Salak.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Dan kita mahu memperbaiki lagi dengan usaha ini. Kita mahu memperbaiki lagi. Kita berdoa lah semoga usaha ini mendapat..

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat Pasir Salak..

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: ...Pertolongan dan keberkatan daripada Allah SWT. Jangan dituduh itu dan dituduh ini. Orang yang membuat tuduhan seperti ini..

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, cukuplah, panjang sangat.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, ingin saya ingatkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, kalau mencelah janganlah terlampau panjang sangat. Ini kerana masa Ahli Yang Berhormat yang sedang berhujah itu akan berjalan. Tidak elok Ahli-ahli Yang Berhormat. Sila Ahli Yang Berhormat Permatang Pauh.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Minta maaf.

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan saya ingin mengulas sedikit sahaja pandangan Yang Berhormat Pasir Salak. Saya tidak mempertikaikan keikhlasan. Saya hanya hendak hujah cara rasional iaitu pertama, kalau Operasi Lalang memang diketahui. Apa yang anehnya, Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional dia tidak pernah berani tegur tindakan orang yang memutuskan Operasi Lalang.

Saya tidak pernah dengar Ahli-ahli Parlimen UMNO atau BN hendak menegur bahawa Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri dan Perdana Menteri pada masa itu adalah Tun Dr. Mahathir yang mengambil tindakan. Tidak berani. Jadi tidak konsisten. Akan tetapi kalau pimpinan dan Yang Berhormat Pasir Salak harus tahu, kalau kata tidak simpati, tidak benar kerana umum mengetahui ramai yang tidak terlibat yang ditangkap untuk menyelamatkan Ketua Pemuda UMNO dan Ketua Pemuda MCA di masa itu.

■1200

Mengapa ini tidak disuarakan? Yang Berhormat Pasir Salak, untuk saya mengatakan tidak simpati, tidak benar. Ini kerana ada beberapa orang yang ditangkap dan memang saya dengan seorang Menteri lain yang pergi memohon pertimbangan Menteri Dalam Negeri pada masa itu. Akan tetapi itu soal sejarah, yang sekarang ini mengapa kita rujuk kepada Arab Spring dan juga Occupy Wall Street? Arab Spring itu Yang Berhormat Pasir Salak, itu suara ledakan rakyat yang mual kerana pemimpin bicara soal kebebasan. Pemimpin bicara soal anti rasuah tetapi memunggang kekayaan untuk diri dan keluarga mereka dan memiskinkan rakyat... [*Tepuk*] Itu isunya, ya. Akan tetapi cara masa itu dibangkit oleh Muammar Gaddafi yang saya kenal baik secara peribadi. Sekarang Bashar al-Assad, setiap ada bantahan, ini peranan sebagai ejen Amerika dan ejen negara asing. Kamu boleh merompak, membunuh dan tembak rakyat negara kamu. Bila orang bantah, ini kamu ejen negara asing. Ini kita dengar juga suara-suara seperti begini, ya. Melindungi *stench of corruption and crime in your own backyard*, dengan izin.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: [*Bangun*]

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Saya hendak habis situ sahaja sebentar, selepas itu Yang Berhormat boleh sambung. Jadi, saya tidak mahu mengatakan bahawa Malaysia harus semuanya pilih pengalaman Arab Spring. Jadi, Yang Berhormat Pasir Salak tepat kalau mengatakan jangan kita cedok semua. Akan tetapi soalnya, jangan juga kita menghina dan memperkecilkan usaha mereka. Tuan Yang di-Pertua, apabila kita merdeka, yang dijanjikan apa oleh Tunku Abdul Rahman dalam pengisytiharan kemerdekaan? Kebebasan dan keadilan rakyat. Ini yang termaktub dalam perlembagaan yang diterima oleh semua parti pada ketika itu. Ia bukan perlembagaan yang dipinda, dirosakkan dan mengikut istilah Bung Karno, 'dilacurkan' kerana perubahan-perubahan ini. Akan tetapi perlembagaan asal yang meletakkan kemurnian prinsip-prinsip keluhuran undang-undang, keadilan. Ini terbela bagi semua rakyat di negara ini.

Oleh sebab itu Tunku Abdul Rahman mendapat mandat. Bagaimana boleh kita katakan orang yang menutup kebebasan dunia Arab itu tidak ada asas atau apa yang mereka peroleh, beri ruang Yang Berhormat? Saya hendak beri contoh, banding Turki pada zaman pemerintahan militan dengan Turki sekarang. Politikanya, ekonominya, perundangannya jauh lebih baik. Belajar juga pengalaman daripada sahabat-sahabat kita, jangan kita anggap angkuh sangat bahawa kita ini negara terbaik di dunia dengan segala rasuah dan penindasan yang berlaku. Saya ingin menjawab juga kepada *occupy Wall Street*. Ia sama sentimennya iaitu apabila golongan penguasa atau pemodal kontrol semua, bank, insurans, kewangan dan khazanah mereka kontrol semua. Gaji mereka naik 100 kali ganda. Gaji rakyat? Gaji minimum pun tidak diberikan. Maka, suara rakyat bangkit. Ini yang hendak kita halang.

Jadi, apa yang kita bangkitkan dalam Rang Undang-undang Perhimpunan Aman ini Tuan Yang di-Pertua, ialah untuk mengembalikan haknya. Kita tidak mengatakan bahawa tidak harus ada undang-undang, peraturan dan ditarik semua kuasa polis. Ia tidak ada. Akan tetapi yang kita katakan undang-undang itu jangan jauh lebih menekan daripada seksyen 27 yang dibangkitkan. Perkara ini juga bukan perkara baru. Jawatankuasa Suruhanjaya Tun Zaidin membangkitkan isu ini sejak tahun 2002, tidak ada pelaksanaan. Jadi, seolah-olah perkara ini dianggap satu perkara baru. Perkara ini dituntut jauh lama sebelum *Arab Spring*. Jadi, jangan dibangkitkan *Arab Spring*. Saya hanya bangkitkan sebagai contoh negara yang paling takut kepada demokrasi, pemimpin yang paling takut kepada suara rakyat adalah pemimpin yang mahu melindungi rasuah dan kezaliman mereka. Yang Berhormat Shah Alam kemudian...

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Ya. Terima kasih Yang Berhormat Permatang Pauh dan Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa apa yang dizahirkan oleh Yang Berhormat Pasir Salak ini menggambarkan kepada kita percanggahan pemikiran yang wujud di dalam pentadbiran Barisan Nasional. Pada suatu ketika ada pemimpin yang kata hendak lakukan transformasi. Akan tetapi ada pada ketika yang sama pemikiran-pemikiran yang masih begitu berkuasa di dalam Barisan Nasional dan UMNO khususnya, yang menganggap bahawa persoalan transformasi ini adalah suatu perkara yang tidak relevan sama sekali dan mereka terus mempertahankan cara kepimpinan, pemerintahan dan pentadbiran yang ingin menindas rakyat dan mengongkong kebebasan rakyat. Mereka tidak memahami bahawa kebebasan bersuara adalah satu perkara yang sepatutnya dipertahankan oleh sebuah kerajaan yang dipilih oleh rakyat.

Saya hendak tanya Yang Berhormat Permatang Pauh, adakah ini merupakan satu bukti bahawa ucapan Perdana Menteri berhubung dengan transformasi dan sebagainya, itu semua retorik semata-mata. Orang yang cakap tentang retorik bukan daripada Pakatan Rakyat tetapi yang bercakap tentang retorik adalah pemimpin-pemimpin Barisan Nasional yang pada masa yang sama terus ingin mempertahankan budaya politik yang rakus yang selama ini telah membendung dan mengongkong rakyat di negara kita. Yang Berhormat Permatang Pauh, terima kasih.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Boleh sekali?

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Jawab dahulu.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Jawab dahulu... [Ketawa]

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab itu saya rujuk kedua-duanya. Pertama, ucapan pengisytiharan perlembagaan yang dibuat oleh Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj tentang hak asasi dan kebebasan sekalian rakyat untuk memajukan Persekutuan Tanah Melayu dengan aman dan damai. Ini jaminan awal tahun 1957. Kemudian saya ulang ucapan Perdana Menteri 15 September tahun ini yang menyatakan bahawa mahu menjadikan Malaysia negara demokrasi contoh transformasi politik. Kerajaan jangan monopoli, kata dia pandai sahaja, dengar juga rakyat.

Akan tetapi apabila lihat rang undang-undang ini lebih teruk daripada seksyen 27 yang diadakan dahulu. Ini kedua-duanya kalau kita rujuk kepada cadangan Majlis Peguam dan contoh, saya berikan tadi bukan sahaja negara-negara maju tetapi juga apakah alasan Malaysia yang nampak hendak lebih mempersulitkan perhimpunan aman? Apakah alasannya? Saya tidak masuk akal Tuan Yang di-Pertua, untuk lebih sulit daripada Zimbabwe dengan Burma.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bertanya, mengapa disulitkan? Kita tidak akan menyulitkan kalau aman. Apa yang masalahnya, yang kita hendak beri perhatian supaya mengelakkan daripada tidak aman. Ini kita lihat banyak demonstrasi dan banyak tunjuk perasaan daripada aman menjadi tidak aman. Yang Berhormat sendiri di Universiti Malaya. Pecah tingkap, pecah cermin Naib Canselor. Yang Berhormat jangan hendak lari diri. Yang Berhormat *has the potential*, dengan izin, *and the capacity to break everything*. Ini Timbalan PKR pun sudah *warning*, hendak pecah pintu apa?...

Beberapa Ahli: Penjara!

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Pintu penjara! Ini apa ini?

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin daripada Yang Berhormat Permatang Pauh. Ini masalahnya, Yang Berhormat Pasir Salak dengan Yang Berhormat Pekan ini tidak faham bahasa Malaysia!

Beberapa Ahli: Ya.

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Apa yang saya sebut, bukan saya hendak runtuhkan tembok itu secara fizikal... [*Dewan riu*] Apa yang saya sebut, saya dan anak-anak muda Malaysia hendak runtuhkan tembok kezaliman UMNO dan Barisan Nasional... [*Dewan riu*] Akan tetapi Yang Berhormat Pekan, Pagoh dan Pasir Salak tidak faham bahasa Malaysia. Sebab kezaliman dan kerakusan UMNO hari ini luar biasa.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Reformasi jalanan, siapa yang baling botol?

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Jadi, kita hendak runtuhkan...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Siapa yang baling batu dalam reformasi jalanan? Yang Berhormat Gombak, reformasi jalanan.

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Apa ini? Ini *floor* saya. Duduklah dahulu.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Yang Berhormat Permatang Pauh.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tahun 1998.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Permatang Pauh, teruskan.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Siapa yang baling batu?

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Saya hendak runtuhkan tembok kezaliman UMNO.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sudahlah Ahli-ahli Yang Berhormat.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Siapa yang buat provokasi? Siapa?

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Kalau bahasa Malaysia pun tidak faham, mahu jadi pejuang Melayu bagaimana?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Gombak, sudah. Sila, teruskan Permatang Pauh.

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Yang Berhormat Pasir Salak ini kawan lama. Dia bercerita di Universiti Malaya. Di Universiti Malaya, Yang Berhormat Pasir Salak itu pun dia ke depan juga. Dia Presiden AMSU dahulu. Saya PBMUM. Saya pertahankan bahasa Melayu dan dia mendewakan bahasa Inggeris.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

■1210

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Itu sahaja bezanya. Akan tetapi walau bagaimanapun, lama-kelamaan beliau mula terdidik dan mula mencintai bahasa. Cuma penguasaan bahasa beliau masih lagi belum tahap yang memuaskan... *[Ketawa]* Maka sebab itu bila kita katakan kita akan robohkan tembok kezaliman, beliau rasa kita pergi parang pecahkan... *[Ketawa]* Jadi biasalah. Jadi saya hendak sebut, bahasa Melayu ini kuat dengan ibarat dan sentuhan yang halus untuk menggambarkan keadaan sebenarnya. Akan tetapi tidaklah seperti mana retorik demokrasi terulung di dunia, lebih teruk daripada Zimbabwe... *[Ketawa]* Itu beza.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak beri laluanlah kepada teman-teman lain kerana...

Tuan Saifuddin Nasution Ismail [Machang]: Sedikit laluan. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Permatang Pauh terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan ini untuk memaklumkan bahawa saya tidak akan mengambil bahagian dalam perbahasan ini. Ini kerana saya punya pengalaman dengan sahabat saya Yang Berhormat Pasir Salak.

Tuan Yang di-Pertua, yang berlaku secara faktanya dalam sistem kita ini Tuan Yang di-Pertua ialah sebab saya pernah berada di sebelah sana pun. Untuk membatalkan satu-satu perkara yang memang kerajaan tentang, kerajaan halang, yang berlaku ialah pihak Kementerian Dalam Negeri dan polis sendiri yang akan merangka skripnya. Saya ambil contoh seperti dalam 'APCED 2', yang panggil saya dan Yang Berhormat Pasir Salak ialah Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri, yang hadir ialah pegawai-pegawai tinggi polis. Mesejnya mudah, gagalkan himpunan 'APCED' kerana di mana rakan-rakan saya sebahagiannya sewaktu itu saya belum kenal lagi, gagalkan *by hook or by crook*. Nah ini duit, ambil. Yang Berhormat Timbalan Menteri beri duit... *[Dewan riuh]*

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *[Ketawa]* Saya tidak ambil. *No, not me.*

Tuan Saifuddin Nasution Ismail [Machang]: Belum. Nanti dahulu Yang Berhormat Pasir Salak.

Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Rahsia pecah.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *Not me.*

Tuan Saifuddin Nasution Ismail [Machang]: Belum lagi. Beri saya habis. Itu yang pertama.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Selesaikan Yang Berhormat Pasir Salak itu.

Tuan Saifuddin Nasution Ismail [Machang]: Kedua Tuan Yang di-Pertua, dalam mesyuarat di dalam bilik Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri, pegawai-pegawai tinggi polis ada, skripnya ialah Pemuda UMNO akan dibantu oleh abang-abang Pemuda UMNO yang lama-lama rempuh hotel, arahnya.

Kemudian beberapa di kalangan kamu akan ditangkap, tetapi jangan risau peserta himpunan akan dimasukkan di balai polis dekat Stadium Merdeka, kamu akan dibawa ke Balai Polis Dang Wangi, tetapi kamu akan dilayan dengan baik... [Dewan riuh]

Itu berlaku. Oleh sebab itu yang ditangkap saya, Yang Berhormat Pasir Salak tidak kena, yang didenda RM1,500 saya. Kenapa saya? Ketua Pemuda UMNO berada di Accra Ghana bersama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir. Kemudian apa? Timbalan Ketua Pemuda berada di Pulau Sentosa, dialog dengan *PAP Young Leaders*. Ranking ketiga yang ada saya, Setiausaha Pemuda UMNO Malaysia sebab yang bendahari itu anak kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Beliau tidak boleh terlibat, maka saya. Yang ditangkap saya, yang didenda saya.

Tuan Yang di-Pertua, waktu itu sekembali Yang Amat Berhormat Perdana Menteri turun sahaja di Lapangan Terbang Subang, bilik VIP Bunga Mawar, Yang Berhormat Timbalan Menteri memperkenalkan saya, "*Mr Prime Minister, beliauah yang mengepalai himpunan untuk menyekat APCED itu berlangsung dan beliau telah ditangkap.*" Saya menerima ucapan tahniah oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Machang, cukuplah itu Yang Berhormat Machang. Cukup. Yang Berhormat Permatang Pauh.

Tuan Saifuddin Nasution Ismail [Machang]: Saya hendak sebut, moralnya ialah boleh buatlah rang undang-undang apa-apa pun. Sebenarnya ia dirancang dengan begitu cantik kalau kerajaan hendak menghalalkan tindakan. Itu sahaja ceritanya.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: [Bangun]

Tuan Saifuddin Nasution Ismail [Machang]: Jadi oleh sebab saya ada sedikit pengalaman Tuan Yang di-Pertua, tidak banyak, saya kira *enough is enough*. Hentikanlah lakonan wayang ini... [Ketawa] Bersikap jujurlah Yang Berhormat Pasir Salak. Saya dan Yang Berhormat Pasir Salak terlibat sama, Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi arahan, pegawai tertinggi polis *protect* kita waktu itu. Mengaku secara jujurlah Yang Berhormat Pasir Salak. Itu sahaja. Terima kasih.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Yang Berhormat Pasir Salak, tidak perlulah. Rahsia sudah bocor. Duduklah.

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Tuan Yang di-Pertua, saya...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Siapa Timbalan Perdana Menteri masa itu?... [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sudahlah itu Ahli-ahli Yang Berhormat.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Siapa Timbalan Perdana Menteri masa itu?... [Dewan riuh]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, kita ada enam akta untuk diselesaikan. Sila.

Tuan Gwo Burne Loh [Kelana Jaya]: Siapa Timbalan Perdana Menteri sekarang?

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya cukup terkesan dengan luahan perasaan Yang Berhormat Machang. Beliau terlibat dan beliau tidak mahu cara rakus zalim itu berulang. Ada kawan-kawan lain terlibat, mahu bukan sahaja berulang, lebih keras lagi. Yang Berhormat Pasir Salak, sudahlah. Itu yang disebut oleh Yang Berhormat Machang. Saya pun diberi maklum selepas itu tentang apa yang berlaku. Akan tetapi, pengalaman ini mengajar kita Tuan Yang di-Pertua iaitu kita boleh kaji rang undang-undang, tetapi jangan kita menganggap ini, hal yang pernah berlaku dahulu, kelemahan-kelemahan tidak harus diperbaiki. Saya tidak mengatakan semua undang-undang yang diluluskan dahulu itu punya cacatnya, ada kelemahannya. Keadaan rakyat pun kian matang. Merdeka lebih daripada setengah abad.

Jadi kita di Dewan ini dari pelbagai parti harus menerima kenyataan, kita anak merdeka dengan jasa dan undang-undang yang lalu. Oleh sebab itu, saya walau dicerca kawan-kawan belah sana, Dasar Ekonomi Baru saya tidak pernah pertikai hasrat mulia peringkat awal. Akta Keselamatan Dalam Negeri, peringkat awal takkanlah kita bertentang, berlawan dengan Komunis Militan. Saya tidak pertikai, tetapi dunia berubah. Rakyat kian matang, komunis militan tidak ada lagi, UMNO mengundang Parti Komunis China sebagai pemerhati dalam kongres dia... [Tepuk]

Kemudian kita diminta supaya mengekalkan cara undang-undang kejam dengan tujuan mengada-adakan masalah. Padahal yang disebut oleh Yang Berhormat Machang tentang APCED, itu dahulu. Akan tetapi kalau kita lihat di Pulau Pinang, gerombolan yang mingguan berhimpun menentang ketua menteri, itu juga diberi layanan oleh sebahagian daripada pasukan polis. Jadi, ini yang kita mahu hentikan. Boleh diadakan perhimpunan secara aman, tetapi janganlah menggunakan sekatan seperti mana dibuat dan ini saya rumuskan:

- (i) rang undang-undang ini bertentangan dengan Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan, *the spirit of that provision* Tuan Yang di-Pertua kerana semangat Perlembagaan 1957 yang kini harus kita hayati dengan kematangan rakyat;
- (ii) fasal 9, notis perhimpunan. Saya sudah sebut tadi, kita boleh pilih untuk menjadi demokrasi yang matang atau demokrasi ala Burma dan Zimbabwe; dan
- (iii) fasal yang menyentuh soal denda yang juga telah disentuh sebelum ini yang diambil kira oleh Kabinet dan Menteri dalam mengemukakan pindaan.

Saya juga telah meneliti rang undang-undang yang dicadangkan oleh Majlis Peguam yang saya percaya cukup teliti mengambil kira pandangan kerajaan dan pandangan Pakatan Rakyat dan kita harus teliti. Oleh yang demikian, saya cadangkan supaya sebaiknya Yang Berhormat Menteri gunakan Majlis ini, tarik balik rang undang-undang ini dan sebaiknya kemukakan dalam tempoh yang singkat untuk dikaji dan diteliti oleh Jawatankuasa Khas Parlimen, meneliti dan mengemukakan balik. Berikan satu contoh dalam memperkenalkan undang-undang yang begini penting, rundinglah. *Military Junta* Myanmar sendiri pun sekarang mula berunding dengan Aung San Suu Kyi. Akan tetapi di Malaysia, menggunakan *brute force of majority* untuk memaksa undang-undang yang begitu penting tanpa perbahasan yang panjang dan tanpa mengambil kira sentimen baru rakyat Malaysia yang menginginkan kebebasan.

■1220

Saya ingin menegaskan sikap kami Pakatan Rakyat untuk menuntut kerajaan menarik balik dan menyerahkan kepada Jawatankuasa *Parliamentary Select Committee* untuk menyegerakan perbincangan dan mengemukakan semula untuk pertimbangan Parlimen kerana tanpa itu sukar kami memberikan sokongan kepada cadangan Rang Undang-undang Perhimpunan Aman ini. Terima kasih.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Ahli Yang Berhormat pembahas daripada Barisan Nasional saya akan bagi masa sepanjang masa yang saya berikan kepada Ketua Pembangkang. Jadi saya kira pada jam satu harus berhenti kembali pembahas yang sama daripada pihak kerajaan dan pada tengah hari nanti saya akan kira berapa yang saya akan benarkan untuk berhujah dan berapa masa yang...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak pernah ingat kenapa Ketua Pembangkang biasanya ada *privilege* untuk berucap panjang, tetapi saya tidak nampak kenapa Speaker Barisan Nasional harus diberikan sama status dengan Ketua Pembangkang kerana *bill* ini datang daripada kerajaan dalam bacaan *bill* ini, rang undang-undang ini, kerajaan sudah menyampaikan semua hujah-hujah, dan bagi *Backbenchers* daripada Barisan Nasional...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Mahu bagi ucapan lagi.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: ...Untuk sokong.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat Batu mahu berucap lagi.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: ...Saya ingat tidak wajar kita membandingkan ucapan Ketua Pembangkang dengan ucapan daripada...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ah! Buang masalah!

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: ...Ahli biasa daripada...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Sudahlah Yang Berhormat Batu, duduklah.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: ...Kerajaan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Nanti Yang Berhormat Batu jadi Speaker lah.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya mencelah sedikit? Saya bangun untuk...

Tuan Yang di-Pertua: Yang ini... Ahli Yang Berhormat Subang duduk dahulu.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Dua minit.

Tuan Yang di-Pertua: Duduk dahulu Yang Berhormat.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: *No*, hendak...

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat Subang duduk dahulu Ahli Yang Berhormat...

Tuan R. Sivarasa [Subang]: *Just* peraturan mesyuarat, saya bangun untuk menyokong...

Tuan Yang di-Pertua: Peraturan mesyuarat mana Yang Berhormat?

Tuan R. Sivarasa [Subang]: ...Dengan hujah.

Tuan Yang di-Pertua: ...Saya belum respons, Yang Berhormat kalau saya kata duduk, duduk, Ahli Yang Berhormat duduklah.

Ahli Yang Berhormat, kalau umpamanya saya silap di mana dalam peraturan mesyuarat tunjuk kepada saya, ingatkan kepada saya, ajar saya. Akan tetapi kalau yang dihujahkan itu semata-mata untuk memanjangkan argumen sendiri saya mohon maaf kerana setiap perkara yang saya ambil keputusan saya tidak pandai *review* balik kerana keputusan saya adalah muktamad. Soal masa adalah budi bicara Speaker, soal sama ada seseorang wakil rakyat melanggar atau tidak apabila diminta oleh Ahli Yang Berhormat yang lain ditarik balik atau tidak itu budi bicara Speaker.

Sejak bila budi bicara Speaker ini dicampur aduk oleh Ahli Yang Berhormat sekalian, sejak bila? Jadi saya memohon kepada Ahli Yang Berhormat kalau umpamanya budi bicara itu adalah budi bicara Speaker tolonglah jangan campur adukkan dengan itu, kita masing-masing mempunyai persepsi. Yang Berhormat Subang peraturan mesyuarat yang mana Yang Berhormat Subang?

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Tentang budi bicara Tuan Speaker untuk...

Tuan Yang di-Pertua: Mana satu peraturan mesyuarat?

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Ada, Tuan Yang di-Pertua tahu ada peruntukan untuk Speaker untuk...

Tuan Yang di-Pertua: Mana satu? *Tell me*.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: ...Kita tahu itu ada, saya membangkitkan peraturan mesyuarat itu. Kita tidak mempertikaikan memang kuasa itu ada di dalam tangan Tuan Yang di-Pertua, isunya ialah amalannya kena adil dan juga mengikut amalan konvensyen Parlimen yang kita terima daripada Westminster yang kita katakan kita amalkan di sini, itulah isunya. Kita tidak mempertikaikan kuasa itu tetapi kuasa itu dilaksanakan secara konsisten, secara adil dan mengikut *Parliamentary practise* yang kita hormati, itu yang dipertikaikan sekarang. Jadi inilah seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Batu tadi, inilah *bill* daripada rang undang-undang daripada kerajaan. Menteri diberikan masa yang seluas-luasnya untuk membenteng, menerangkan itu kita tidak pertikaian.

Kita tidak boleh hadkan dan kita tidak berhasrat mengehadkan masa untuk menteri membenteng tetapi peluang itu sudah digunakan. Ketua Pembangkang sudah menjawab dalam ucapan utama daripada barisan pembangkang tetapi sekarang Tuan Yang di-Pertua sudah membuat keputusan masa yang sama diberikan untuk pembahas *backbenchers* yang datang daripada Barisan Nasional, itu yang membangkitkan persoalan. Kenapa sekarang kita...

Tuan Yang di-Pertua: *You, you point to me which one in our peraturan mesyuarat in which conversion that I cannot...*

Tuan R. Sivarasa [Subang]: *No, there is no...*

Tuan Yang di-Pertua: *Point to me.*

Tuan R. Sivarasa [Subang]: *There is no prohibition*

Tuan Yang di-Pertua: *I want to know.*

Tuan R. Sivarasa [Subang]: *There is no prohibition...*

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: *[Menyampuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat sudahlah.

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Sudahlah Yang Berhormat...

Tuan R. Sivarasa [Subang]: *[Menyampuk]* ...Tidak ada peraturan mesyuarat yang tidak boleh.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat Subang sudahlah.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Tiba-tiba kita tukar...

Tuan Yang di-Pertua: Sudahlah!

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Sudahlah Yang Berhormat.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: *So jadi kita minta...*

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat sudahlah.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Jadi saya habiskan...

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat sudahlah Ahli Yang Berhormat!

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Saya minta...

Tuan Yang di-Pertua: *It's enough!*

Tuan R. Sivarasa [Subang]: ...Ikut amalan yang kita telah buat, kita pakai amalan Westminster kita ikut konvensyen itu. Tiba-tiba kita tidak...

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat sudahlah Ahli Yang Berhormat, saya sudah dengar. Bukannya kali ini kali yang pertama saya bertindak sedemikian. Ahli-ahli Yang Berhormat kalau meminta *lecture* daripada saya boleh, soal ini telah pun diperbahaskan di luar sana berbulan-bulan, semua tahu di *House of Common* paling *controversial* punya *bill*, paling lama enam jam.

Soal ini cuma masa dan tempat, prinsip semua tahu, apa yang perlu diperbahasakan terlampau lama dan dipertikaikan berapa kerajaan boleh berucap kerana mereka mengatakan bahawa mereka majoriti, seharusnya mereka diperbanyakkan untuk bercakap... [Tepuk]

Di dalam mesyuarat juga peraturan mesyuarat – nanti dahulu Yang Berhormat Gombak, saya belum habis. Saya belum habis. Ini mengenai dengan soal masa. Bebas pun saya kasi masa untuk bercakap kerana saya mahu semuanya bercakap. Akan tetapi apabila masa yang begitu singkat pun Ahli-ahli Yang Berhormat juga bazirkan dengan hujah-hujah politik selepas itu saya pula yang kena tekanan, apa sebab? Sedangkan saya sentiasa mendengar walaupun kadang-kadang melanggar peraturan mesyuarat, yang sekarang ini kita sudah membazirkan 10 minit, 15 minit salah siapa lagi.

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Tuan Yang di-Pertua boleh saya...

Tuan Yang di-Pertua: Peraturan mesyuarat, Yang Berhormat saya benarkan.

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Ada kaitan tadi Tuan Yang di-Pertua dengan Yang Berhormat Subang. Saya faham saya percaya Tuan Yang di-Pertua juga faham bahawa ini undang-undang yang cukup penting untuk kita bahaskan. Saya masih ingat lagi, saya masih ingat apabila kita membuat pindaan terhadap Rang Undang-undang Kenaf. Kenaf pun kita bicarakan sampai dua hari Tuan Yang di-Pertua. Kalau undang-undang kenaf kita boleh bicarakan tidak sampai dua hari tidak kanlah undang-undang sepenting ini untuk menjamin hak asasi rakyat Malaysia dan menyuburkan demokrasi dalam negara ini hanya dibataskan...

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: ...Hanya dibahaskan beberapa jam...

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Gombak.

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Jadi saya meminta Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Gombak.

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: ...Mempertimbangkan semula supaya perkara ini...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Gombak terima kasih.

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: ...Secara menyeluruh, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mohon kefahaman dan kerjasama Ahli Yang Berhormat semua...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Kami faham.

Tuan Yang di-Pertua: Saya bertugas mengikut peraturan mesyuarat yang ada, kadang-kadang bukan lagi kadang-kadang selalu perasaan saya sendiri saya kesampingkan. Peraturan mesyuarat mengatakan bahawa Peraturan Mesyuarat 15, apa-apa pun urusan yang ditetapkan oleh kerajaan itu yang terpaksa diberikan *priority*, peraturan mesyuarat, jadi apabila sesuatu agenda sampai kepada Speaker, saya mengatur agenda mengikut kehendak kerajaan di bawah Peraturan Mesyuarat 15 dan mengikut masa yang ada pada saya, itu sebabnya saya buat Ahli Yang Berhormat. Sila.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tuan Yang di-Pertua, *point of order*, saya meminta panduan daripada Tuan Yang di-Pertua bukan hendak membuang masa mengenai pengumuman yang ada dibuat oleh...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *Point of order* mana?

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Ahli Yang Berhormat

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: ...Mengenai pengumuman yang dibuat...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *Point of order* apa?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Mengenai pengumuman yang ada dibuat oleh Tuan Yang di-Pertua...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: ...*Point of order* tidak ada pun, tidak adapun *point of order*, apa ini?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: ...Dan kita mahu tahu di bawah, kalau boleh nasihat daripada Tuan Yang di-Pertua di bawah apa-apa konvensyen-konvensyen...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Sudahlah!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: ...Di mana perbandingan ada dibuat menyamakan Ketua Pembangkang dengan wakil atau wakil BBC. Oleh sebab kalau mengikut apa-apa konvensyen yang ada perbandingan patut dibuat Ketua Pembangkang dengan Perdana Menteri... [*Tepuk*] Dan bukan dengan wakil BBC, kita harap ini boleh diperbetulkan

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Tuan Yang di-Pertua, saya meminta sedikit pandangan Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin memperbetulkan fakta. Tuan Yang di-Pertua tidak pun mengekang masa Ketua Pembangkang untuk berucap, itu yang penting. Tidak mengekang, kalau dia mengekang betul kata Yang Berhormat Ipoh Timur, kali ini Tuan Yang di-Pertua hanya membenarkan Ketua Pembangkang berucap sampai habis, itu adalah keadilan.

■1230

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak betulkan Yang Berhormat Kota Belud. Maaf. Isu bukan Tuan Yang di-Pertua bukan menyekat...

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat Subang, sudahlah Ahli Yang Berhormat.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: *No*. Kita perlu betulkan.

Tuan Yang di-Pertua: Saya faham.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Itu bukan isu.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, saya faham.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Isunya disamakan *Backbencher* dengan Ketua Pembangkang.

Tuan Yang di-Pertua: Saya faham apa yang diluahkan oleh Yang Berhormat. Saya faham. Masa adalah di bawah bidang kuasa saya. Bila saya hendak seseorang Ahli Yang Berhormat berhenti. Kalau umpama... Saya sudah katakan, Ahli Yang Berhormat Permatang Pauh sudah berhujah. Sekarang saya akan menjemput daripada wakil Barisan Nasional yang saya akan beri masa yang setimpal. Akan tetapi saya kata sebelah tengah hari nanti, saya akan lihat balik mengikut apa yang rang undang-undang lagi yang kita bahas, enam. Ataupun ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang terlampau faham dengan bahasa Malaysia ataupun bahasa Melayu saya ini terlampau baku Ahli-ahli Yang Berhormat tidak faham?

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua tidak sebut setimpal tadi. Tuan Yang di-Pertua sebut sama tempoh dengan Ketua Pembangkang.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Kita cakap bahasa Bajaulah Tuan Yang di-Pertua... [*Dewan riuh*]

Tuan Yang di-Pertua: Sudahlah Ahli Yang Berhormat. Sudahlah. Sudah Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Tuan Yang di-Pertua sebut secara jelas...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sudahlah Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Masa yang diberikan sama panjang dengan Ketua Pembangkang.

Tuan Yang di-Pertua: Jangan bertengkar dengan saya lagi Yang Berhormat. Sudahlah.

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Ini yang kami bantah.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan. Ahli Yang Berhormat, silakan. Sampai jam satu petang, Yang Berhormat Kota Belud. Selepas itu Yang Berhormat berhenti di situ.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Kalau tidak faham-faham, kita cakap Bajaulah Tuan Yang di-Pertua. Mungkin mereka faham.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kinabatangan, sudahlah Yang Berhormat. Bantu saya Yang Berhormat.

12.31 tgh.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Ya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya memulakan ucapan saya, saya ingin membuat komen sedikit tentang beberapa perkara yang diutarakan oleh Ketua Pembangkang.

Pertama sekali, beliau telah mengatakan bahawa rakyat itu bodoh. Bodoh kerana kononnya mendengar penjelasan daripada pihak kerajaan berkenaan dengan Rang Undang-undang Perhimpunan Aman ini. Baca *Hansard*. Saya dengar dengan teliti tadi. Beliau mengatakan bahawa oleh kerana kerajaan menggunakan media, memperbodohkan rakyat... [*Dewan riu*] Jadi, saya kira ini satu pandangan yang kurang tepat.

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Maknanya rakyat tidak bodoh. Kerajaan memperbodohkan rakyat.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Saya tidak ada mengganggu Ketua Pembangkang, Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat. Sudahlah Ahli Yang Berhormat. Masa tidak mengizinkan. Boleh saya biarkan Ahli Yang Berhormat bertengkar. Boleh. Saya diam sahaja. Boleh, sehingga jam 1 boleh. Tolonglah Ahli Yang Berhormat. Kalau Yang Berhormat ingin berbahas dengan isu yang penting, berbahaslah dengan cara penting.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Cuma saya ingin mengatakan berhati-hati kalau mengatakan bodoh kepada rakyat. Rakyat ini bodoh. Cuma saya ingin mengatakan juga, saya respons kepada Yang Berhormat Machang. Saya agak kecewa juga sebab dia adalah seorang pemimpin, bekas pemimpin, Setiausaha Pemuda UMNO Malaysia. Saya juga pernah menjadi Setiausaha Pemuda Malaysia tetapi berbeza sedikit. Maknanya apabila beliau ini menjadi seorang pemimpin di dalam UMNO, apabila di luar UMNO mengutuk. Maknanya dia tidak mempunyai satu pendirian, Tuan Yang di-Pertua. Hanya dimomokkan oleh orang, dibawa ke sana ke mari dan mengikut.

Tuan Yang di-Pertua, saya kecewa sedikit kerana kebanyakan masa yang dihabiskan oleh Ketua Pembangkang hanya retorik semata-mata. Ini kerana *bill* ini agak, rang undang-undang ini begitu hebat, begitu besar untuk dibahaskan tetapi Ketua Pembangkang menggunakan platform ini untuk beretorik. Beliau katakan tentang Mesir dan *Egypt*. Bagaimana Mesir, *Egypt*, Tunisia dan sebagainya itu membenarkan melalui *Arab Spring*. Saya hendak beritahu Tuan Yang di-Pertua. Di sana, bezanya di *Egypt*, di Tunisia dan negara-negara di Libya dan sebagainya dengan Malaysia ini. Di sana Tuan Yang di-Pertua, setelah mereka berdemonstrasi, mereka ini tidak cukup makan. Tidak cukup makan, dengan hanya dua dolar sehari... Ya, semua sudah lari... [*Ketawa*].

[*Ramai Ahli Yang Berhormat Pembangkang keluar Dewan*]

Tuan Yang di-Pertua: Sila, teruskan.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Ya. Terima kasih... [*Dewan riuh*] Jadi saya ingin hendak katakan kepada Tuan Yang di-Pertua. Yang bezanya di *Arab Spring* di sana dengan di Malaysia ini, di sana itu rakyatnya menderita. Tidak ada pilihan raya. Di sini, ketua-ketua ...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: [*Bangun*]

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Demonstrasi jalanan. Ini datang ke demonstrasi itu pakai *Mercedes Benz*.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat Kota Belud.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: ...Pakai *BMW*.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat Kota Belud.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Pakai *Volvo*. Pakai jam tangan *Rolex*. Selepas itu balik ke rumah, mahligai yang besar... [*Dewan riuh*] Makan dengan anak-anak di restoran lima bintang.

Datuk Wira Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Jam *Omega* lah.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Mempunyai perniagaan yang berjuta-juta ringgit.

Datuk Wira Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Jam *Omega* bukan *Rolex*.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat Kota Belud.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Di sini mereka katakan zalim. Akan tetapi sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, yang sebenarnya yang ingin memesonkan hati rakyat dan pemikiran rakyat adalah rakan-rakan kita daripada pembangkang... [*Tepuk*]. Saya beri kepada Yang Berhormat Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Kota Belud. Kita mendengar retorik selama 40 minit, yang mengaitkan cerita yang bukan-bukan. Hanya matlamatnya hendak memburukkan kerajaan hari ini. Membuat contoh-contoh yang boleh semuanya kita pertikaikan. Cuma di masa itu kita tidak hendak kacau. Biarlah dia bercakap. Kita tahu banyak cakap-cakapnya itu yang hari ini sebenarnya apa yang telah pun mereka lalui satu ketika dahulu. Sewaktu berkuasa, semuanya indah dan cantik. Hari ini sudah di luar kerajaan, semuanya hina dan begitu busuk dan sebagainya. Retorik.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: [*Bangun*]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: [*Menunjukkan isyarat tangan*]. Yang Berhormat Kota Belud baru hendak memulakan ucapan, hendak memfokuskan tentang perhimpunan aman ini, mereka keluar.

Inilah sifat bacul yang ada... [*Disampuk*] [*Tepuk*] Pada parti pembangkang. Sifat bacul yang ada pada parti pembangkang, tidak berani berdepan dengan kenyataan. Kita tadi mendengar dengan penuh sabar, sorak-sorai pihak sana yang kadang-kadang mencelahnya juga begitu janggal, kita sabar. Kita mendengar kerana kita menghormati seorang Ketua Pembangkang hendak bercakap. Akan tetapi oleh sebab penghormatan kita itu sebenarnya hampalah kerana apa yang diperkatakan ialah retorik politik yang dibuat dari luar Dewan sampai ke dalam Dewan dan hari ini sifat bacul... [*Disampuk*] Pemimpin-pemimpin pembangkang jelas di depan mata kita. Terima kasih.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: [*Bangun*]

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Yang Berhormat Sri Gading. Sekejap ya Yang Berhormat Kinabatangan, jawab dahulu Yang Berhormat Sri Gading kemudian saya beri.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Sama. Lebih kurang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Kota Belud, sedarkah dalam kita cuba membenteng Akta Perhimpunan Aman, *Bar Council* yang bacul itu pun membuat tunjuk perasaan di luar? Kalau betul dia *Bar Council*, kumpulan peguam yang bijak pandai, butakah mata mereka menganalisis akta ini dan selepas diluluskan, bolehlah mereka mengadakan perhimpunan aman di mana-mana yang mereka suka. Minta pandangan.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Permatang Pauh mengambil 16 tahun untuk menukar fikirannya. Katanya tadi ISA zalim, Dasar Ekonomi Baru tidak betul dan bermacam-macam lagi dasar kerajaan tetapi setelah beliau memunggah kekayaan sewaktu beliau menjadi Timbalan Perdana Menteri, kita tahu jangan... Kita tahu. Kita pun ada bukti.

Selama 16 tahun berada di dalam kerajaan; zalim, kuku besi dalam UMNO. Kita tahu. Barulah kononnya mahu menjadi orang yang *born again democrat*. *Poorah!* Ini seorang pemimpin yang tidak betul-betul bertanggungjawab... [Disampuk] Saya minta Tuan Yang di-Pertua oleh kerana saya ada banyak hujah, saya minta kepada kawan-kawan yang lain, oleh kerana pihak pembangkang pun tinggal seorang sahaja kawan dari Kubang Kerian yang tinggal, yang *gentleman*... [Disampuk] Oh! Ya. Dengan Presiden, Yang Berhormat Marang. Minta maaf. Yang lain mungkin ada peluang nanti.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin katakan di sini...

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat Kota Belud, duduk sekejap. Cuba saya lihat tangan berapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin berhujah. Sekarang saya tahu setidak-tidaknya saya boleh *adjust* masa. Jadi, siapa tadi yang angkat tangan itu tidak semestinya semua saya akan panggil. Akan tetapi *insya-Allah*, siapa yang perlu bercakap, akan dapat bercakap. Sila, teruskan.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya beritahu Tuan Yang di-Pertua, perbezaan yang besar di antara pandangan rakan-rakan kita di pihak pembangkang dan pihak kerajaan ialah tentang demonstrasi jalanan sahaja. Saya pernah beritahu Tuan Yang di-Pertua, di dalam Rang Undang-undang Perhimpunan Aman 2011 ini, sesiapa yang mahu berdemonstrasi boleh. Tidak menjadi masalah. Kalau orang yang mahu berdemonstrasi membuat secara spontan pun, tidak menjadi masalah. Tidak perlu memberikan notis kepada polis. Tidak perlu. Hanya buat dengan cara yang teratur. Apa perlu kita pergi ke jalanan untuk meluahkan perasaan kita. Apakah perlunya?

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: [Bangun]

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Saya rasa kiranya kalau mereka berkumpul di dalam keadaan dan tempat-tempat yang telah pun ditentukan oleh kerajaan, mereka boleh bercakap, suara mereka boleh didengar, kumpulan mereka boleh dilihat, bolehlah melalak sepanjang hari. Cumanya kita tidak mahu ialah tentang masalah *public order* dan *public security*. Yang Berhormat Jempol saya bagi 15 saat kalau boleh kerana masa saya agak terhad.

■1240

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Masa 15 saat sahaja... [Ketawa]

Dato' Lilah bin Yasin [Jempol]: Terima kasih Yang Berhormat Kota Belud. Demonstrasi jalanan, yang minat demonstrasi jalanan ini Yang Berhormat Kota Belud lebih kurang 28,000. Akan tetapi perlindungan akta ini yang dibuat, yang dibahaskan, yang akan diluluskan ialah melindungi kepentingan 28 juta rakyat Malaysia yang hendakkan hartanya dikawal, hendakkan kebebasan haknya untuk bergerak, hendak melawat teman yang sakit, hendak pergi tengok orang kahwin, hendak tengok orang kematian, mereka hendak berniaga. Oleh yang demikian dengan pindaan yang kita luluskan ini, kerajaan Barisan Nasional memberikan pembelaan kepada 28 juta rakyat Malaysia. Apa pandangan Yang Berhormat Kota Belud?

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Terima kasih Yang Berhormat Jempol. Satu pandangan yang cukup bernas dan mewakili pandangan kerajaan di dalam hal ini. Saya hendak beritahu Tuan Yang di-Pertua, apa masalah sangat dengan polis?

Ada yang mengatakan polis ini terlalu paranoid, Tuan Yang di-Pertua. Terlalu obsesi dengan keselamatan, apa salahnya? Apa salahnya polis merasakan paranoid atau *obsessive* terhadap keselamatan negara ini. Kekhawatiran polis ini bukan terjadi tiba-tiba begitu sahaja, 204 tahun sejarah polis ini. Mereka telah melalui banyak pengalaman daripada penjajahan Jepun kepada British, kepada konfrontasi Indonesia, kepada *insurgencies* komunis, *communist insurgency*, dengan izin. Kepada *Al-Maunah* dan macam-macam lagi yang telah mendewasakan pengalaman polis.

Sebab itu Tuan Yang di-Pertua, amat malang bagi pihak terutamanya Ketua Pembangkang cuba memperlekehkan polis dengan mengambil kira kemampuan mereka untuk menjaga keselamatan. Ini perkara pokok yang selalu menjadi perbalahan di antara pihak kerajaan dan pihak pembangkang. Mereka hanya mahukan kebebasan bersuara tanpa batasan, tanpa batasan.

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Kota Belud.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Oleh sebab itu saya ingin kalau katakan mereka ini mahu *gentlemen*, luahkan, *gentlemen*. Mereka mahu *Arab Spring* di Malaysia ini. Ini yang mereka mahu. Kalau kita tengok video rasmi Tuan Yang di-Pertua, video rasmi ini BERSIH 2.0. Video rasmi BERSIH 2.0 yang mahukan anak-anak muda bangkit, marah di jalan raya antara hasutan di dalam video rasmi BERSIH 2.0. Dengan izin saya ingin beri sedikit penerangan kepada Tuan Yang di-Pertua. Kata mereka dalam video 2.0, penganjur 2.0 BERSIH, "*Seluruh anak muda bangun dan tentang fitnah dan kezaliman ini kerana masa depan negara, masa depan negara ini berada di tangan kamu. Yang zalim dan kotor fikirannya adalah politikus tua bangka yang tidak sedarkan diri akan menemui ajal tidak beberapa lama lagi. Bangunlah wahai anak-anak muda lihat di sekeliling kamu, Mesir, Tunisia dan Singapura. Mereka berani, kamu juga mesti berani. Pemerintah ada wang dan kuasa, kita semua ada rakyat dan ada Allah SWT*".

Ini Tuan Yang di-Pertua adalah bukti yang cukup jelas yang mana mereka daripada pihak pembangkang mahukan demonstrasi jalanan ala *Arab Spring* mahu menggulingkan kerajaan dengan secara kekerasan. Saya hendak beritahu kepada Ketua Pembangkang, tadi dia mengatakan pada tahun 1946, Dato' Onn Jaafar berarak menuntut kebebasan menuntut kemerdekaan daripada Malaysia. Mungkin Yang Berhormat Permatang Pauh tidak tahu sejarah, pada waktu itu tidak ada pilihan raya. Pada waktu itu kita dijajah. Sekarang ini kita ada pilihan raya. Kita kehilangan negeri, lima negeri. Yang Berhormat Marang pernah menjadi Yang Amat Berhormat Menteri Besar, tidak menjadi masalah kepada kita. Tidak ada pun perkara-perkara yang kita buat. Tidak ada masalah.

Sekarang ini Tuan Yang di-Pertua, saya amat kesal kerana beberapa perkara yang dikatakan polis ini paranoid dan *obsessive* ini. Saya ingin hendak katakan Tuan Yang di-Pertua bahawa soal keselamatan, agensi yang paling bertanggungjawab dan paling kompeten, yang paling bertauliah, berlayak ialah Polis Diraja Malaysia...

Datuk Wira Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: [Bangun]

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Bukannya Yang Berhormat Permatang Pauh, bukannya Yang Berhormat Pokok Sena, bukannya *Amnesty International*, bukannya *Bar Council*. Itu bukan kepakaran mereka. Kepakaran polis adalah untuk menjaga keselamatan. *Give them the chances*. Masalahnya sekarang ini pembangkang terlalu menghina polis tetapi mereka lupa bahawa di dalam Global Peace Indeks 2011 Malaysia adalah negara yang teraman di Asia Tenggara ini. Nombor lima di Asia Pasifik, nombor 19 di seluruh dunia. Tidak akanlah polis terlalu zalim, polis tidak tahu buat kerja sehinggakan Malaysia ini menjadi di persada tertinggi keamanan dunia. *Please* lah kita harus faham dan harus memberi keprihatinan. Saya beri sekejap kepada Yang Berhormat Tangga Batu.

Datuk Wira Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua saya tahu Yang Berhormat pun mencari *next point* dan Yang Berhormat pun ada senaraikan tentang apa yang dituntut oleh Ketua Pembangkang tadi sebagai pentadbiran kuku besi. Saya hendak kongsi dengan Yang Berhormat satu peristiwa yang cukup dekat dengan saya, dan berlaku kepada diri saya, ini dua parti.

Yang Berhormat Permatang Pauh ketika itu salah seorang pemimpin Pemuda UMNO. Pada tahun 1984 bulan Julai bercakap di hadapan 620 orang pelajar-pelajar yang bakal melanjutkan pelajaran ke Amerika Syarikat dan memberitahu kepada kita semua dan ketika itu saya salah seorang daripada pelajar calon ke Amerika, beliau menyebut tentang hanya beliau yang mempunyai formula untuk menghuru-harakan negara. Beliau hanya perlu 13 orang Yang Berhormat Kota Belud dan kata-kata itu disambut dengan soalan saya kepada beliau ketika itu panggil dia abang. Abang Anwar kata Abang Anwar ada formula hendak huru-hara negara dan perlukan 13 orang. Jadi kalau negara ini huru-hara adalah disebabkan oleh Abang Anwar. Abang, Yang Berhormat, abang... [Ketawa]

Yang Berhormat Permatang Pauh dan Abang Anwar ketika itu tidak pernah menjelaskan kepada kita apakah formula untuk *refused* huru-hara negara. Untuk meredakan huru-hara negara, tidak pernah. Yang Berhormat tahu apa berlaku esoknya? Esoknya saya dipulaukan oleh seluruh peserta 612 orang. Saya dipulaukan dan mereka semua menghina saya dan saya dengar khabar arahan siapa, arahan Yang Berhormat Permatang Pauh ketika itu Abang Anwar. Arahan Abang Anwar kata itu seorang budak dia seperti penyus yang tidak tahu dari mana datang tiba-tiba naik ke pantai, tengok kiri kanan tidak ada orang dia menangis dan budak itu adalah hari ini Yang Berhormat Tangga Batu... [Dewan riuh]

Jadi saya lega. Saya lega Tuan Yang di-Pertua bila Yang Berhormat Permatang Pauh, Ketua Pembangkang hari ini pada bulan Julai yang lalu mengatakan di Dewan yang mulia ini tidak kenal siapa Yang Berhormat Tangga Batu dan saya isytihar saya tidak rapat kiri, kanan, depan dan belakang. *Alhamdulillah...* [Ketawa]

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Saya tidak boleh tambah lagi Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua ucapan tadi itu begitu bernas sampai tidak perlu diulas dan masukkan ke dalam ucapan saya. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak beri pandangan...

Datuk Wira Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Saya hendak beritahu sedikit kuasa yang ada padanya menggunakan kaedah kuku besi untuk meminggirkan seorang pelajar pada ketika itu. Yang Berhormat terima kasih.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Yang Berhormat, ini kuku besi ini adalah nama tengah Anwar Ibrahim. Anwar Kuku Besi Ibrahim. Ini bukan saya cakap, orang-orang Sabah. Oleh sebab cara dia mengambil jawatan Timbalan Presiden itu dahulu di negeri Sabah menggunakan cara kuku besi... [Dewan riuh]

Ini Tuan Yang di-Pertua, saya hendak beritahu, di Bangkok apabila demonstrasi jalanan diberi peluang untuk bertapak. Apa yang berlaku pada bulan Ogos, pada mula Mei, Mac-April-Mei dan sampailah Ogos pada tahun ini. Apa yang berlaku bila *red shirt* dengan *yellow shirt* menggunakan demonstrasi jalanan sebagai cara untuk mereka memberi pandangan kepada kerajaan. Mengugut kerajaan minta Parlimen dibubarkan. Minta Parlimen dibubarkan. Dewan yang mulia ini diminta supaya dibubarkan.

Saya hendak beritahu kepada Tuan Yang di-Pertua kos kesannya kepada ekonomi Thailand, mengikut surat khabar *The Bangkok Post* sebahagian kota raya Bangkok lumpuh terutamanya di Ratchaprasong. Ini macam Bukit Bintanglah. Bom meletup di beberapa kawasan. Sebanyak 70 hingga 100 bilion baht kerugian. Itu lebih kurang RM7 bilion hingga RM10 bilion. Pengguna *consumption* jatuh 20 hingga 30 bilion baht dalam masa beberapa bulan itu. Jumlahnya dalam ringgit dua hingga tiga bilion.

■1250

Pelancongan merudum sebanyak RM4 bilion hingga RM5 bilion. Saya gunakan ringgit, tetapi sebenarnya 40 baht, 50 baht. *Occupancy rate hotel* Tuan Yang di-Pertua daripada 70 peratus atau 80 peratus turun 30 peratus. *Direct investment* dikatakan turun sebanyak RM2 bilion dalam masa beberapa bulan itu. Kemudian kemusnahan premis-premis perniagaan besar seperti hotel, pusat membeli belah RM14 juta hingga RM135 juta sehari. Peniaga-peniaga kecil RM6 juta hingga RM15 juta kerugian sehari. Pelancong turun dari RM16 juta kepada RM12 juta. *Ratchaprasong area* sepatutnya mendapat pendapatan sebanyak RM50 juta hingga RM60 juta sehari, semuanya musnah akibat demonstrasi jalanan ini.

Jadi ini yang kita ingin kekang supaya suara rakyat itu masih boleh dengar tetapi tidak perlu supaya ada rusuhan ataupun demonstrasi jalanan, tidak perlu tidak payah notifikasi.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak beritahu sedikit lagi tentang penglibatan kanak-kanak di dalam akta ini. Akta atau rang undang-undang ini melindungi kanak-kanak. Saya faham ada sedikit hujah daripada rakan-rakan pihak pembangkang yang menyatakan ini bercanggah dengan CRC di mana United Nation memberi peluang kepada sesiapa yang berumur 15 tahun. Akan tetapi di dalam buku *Guideline to Peaceful Assembly* yang digunakan oleh *Organization of Security and Communication Europe*. Mereka memberi peluang kepada negara-negara di Eropah supaya meletakkan umur yang mana kerajaan rasakan mungkin tidak membolehkan kanak-kanak ini menjalankan tugas sebagai penganjur ataupun peserta.

Saya ingin ingatkan kepada mereka dan juga *Bar Council*. Kalau ada isu-isu yang berkaitan dengan kanak-kanak apa salahnya menggunakan sesiapa sahaja malah pihak pembangkang bagaimana mereka cuba menjuarai isu Teoh Beng Hock, mereka mampu. Kalau isu yang kaitan dengan kanak-kanak, saya rasa tidak ada masalah orang dewasa boleh menjuarai, boleh menjadi penganjur kepada isu tersebut. Tidak ada masalah tetapi kita jangan gunakan kanak-kanak sebagai pengadang atau sebagai tebusan. Seolah-olah kalau kerajaan bertindak terhadap demonstrasi seperti ini diletakkan kanak-kanak di hadapan supaya kerajaan dan polis dikatakan zalim kepada kanak-kanak. Ini taktik yang tidak betul.

Tidakkanlah umur anak tujuh tahun, lapan tahun hendak bawa demonstrasi. Bawa pergi *fun fair*, bawa pergi berkelah. Demonstrasi tidak betul. Oleh sebab itu kerajaan meletakkan kanak-kanak pada umur 15 tahun tidak boleh menjadi peserta di bawah dan 21 tahun ke bawah. Saya rasa itu adalah cukup adil kepada kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menceritakan tentang psikologi demonstrasi ini. Saya telah menulis dalam *blog* saya Tuan Yang di-Pertua tentang *physiology* demonstrasi. Kenapa polis begitu khatir dengan satu demonstrasi satu jumlah yang begitu besar jalanan ini. Ada sebabnya Tuan Yang di-Pertua kerana psikologi peserta di dalam demonstrasi ini begitu dinamik sekali. Apabila seorang individu itu Tuan Yang di-Pertua menjadi sebahagian kumpulan yang besar, kumpulan itu mempunyai pengaruh yang cukup besar terhadap individu tersebut. Setiap orang akan terpengaruh dengan cara berbeza. Ada yang *steady*, ada yang akan menjadi gila.

Memang ia agak bahawa kelakuan mereka akan berbeza dengan kelakuan seharian biasa mereka. itu sebabnya dalam demonstrasi jalanan seorang *lawyer* boleh jadi gila atau boleh jadi orang yang tidak siaman, padahal dia *lawyer*. Seorang guru yang mengajar disiplin kepada anak-anak boleh menjadi orang yang hilang fikiran di dalam demonstrasi kerana psikologi *mass demonstration*, *the mob effect* mempunyai pengaruh yang cukup kuat kepada individu-individu yang mengikuti demonstrasi tersebut.

Selepas itu Tuan Yang di-Pertua, apabila mereka berkumpul setiap individu dalam kumpulan ini mereka berasa kebal. Ini masalah. Secara individu dia takut tetapi apabila mereka berkumpul sehingga 1,000, 10,000, 100,000 setiap orang di situ akan merasakan satu kekebalan. Itu sebabnya mereka suka memaki membaling objek, berkelakuan tidak betul kerana dinamik pemikiran peserta-peserta demonstrasi jalanan ini dengan sekelip mata boleh berubah daripada satu demonstrasi aman kepada satu keganasan. Ini adalah satu kajian yang dibuat oleh semua universiti dan juga pakar-pakar yang hebat-hebat di Amerika tentera, polis.

This is the dynamic of demonstration. Oleh sebab itu dalam keadaan negara ini Tuan Yang di-Pertua yang mempunyai resipi yang cukup-cukup hebat untuk kekalutan, kacau bilau dan huru-hara. Negara yang berbilang kaum, negara yang berbilang agama yang mempunyai latar belakang ekonomi yang berbeza yang politiknya huru-hara. Sedikit sahaja Tuan Yang di-Pertua akan menyebabkan kekecohan berlaku dan pada waktu itu keselamatan negara ini bukan tanggungjawab pembangkang yang membangkang rang undang-undang ini. Bukan juga tanggungjawab *Bar Council* ataupun majlis peguam yang berdemonstrasi di luar sana. Bukan juga tanggungjawab *Amnesty International*, SUHAKAM, SUHARAM.

Pada waktu itu apabila kekecohan berlaku, pembunuhan ataupun macam-macam perkara yang berlaku, tugas itu dipikul oleh Polis Diraja Malaysia dan mereka harus diberi peluang untuk memastikan ianya tidak berlaku... [Tepuk]

Persoalannya Tuan Yang di-Pertua, pada saya ada kalangan rakan-rakan saya di barisan pembangkang yang mengatakan bahawa oh apa salahnya buat demonstrasi. Saya hendak bagi tahu kalau ada rakan-rakan dari parti pembangkang yang merasakan bawah tidak ada lagi usaha anasir-anasir tertentu di luar sana dan juga di dalam negara yang cuba untuk membuat *subjugation* ekonomi, politik, sosial bagi kita ataupun *infiltration* Tuan Yang di-Pertua, saya rasa mereka tidak layak menjadi pemimpin negara ini.

Saya ingatkan kepada rakan-rakan daripada pihak pembangkang saya tidak kisah kepada *Bar Council* kerana mereka bukan boleh jadi pemimpin. Akan tetapi pembangkang yang berusaha untuk menjadi kerajaan. Saya hendak beritahu kalau Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian merasakan tidak ada usaha daripada negara lain untuk penyerapan idea, *subjugation of ideology and economy of this country*, saya rasa Yang Berhormat-Yang Berhormat tidak layak menjadi pemimpin. Saya khuatir Tuan Yang di-Pertua, kalau inilah kalau mereka katakan kita tidak perlu berjaga-jaga berwaspada terhadap *subjugation of idea* daripada luar ini saya rasa Yang Berhormat-Yang Berhormat pihak pembangkang amat-amat salah dalam hal ini.

Tuan Yang di-Pertua: Dua minit lagi Yang Berhormat.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya menggulung. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin katakan di sini bawah kita perlu memberi peluang kepada rang undang-undang ini untuk dijalankan. Saya rasa telah membuat banyak kajian daripada beberapa negara di luar negara, saya pasti Yang Berhormat Menteri akan menjawab. Namun saya ingin ingatkan Tuan Yang di-Pertua untuk pengetahuan Tuan Yang di-Pertua, pihak pembangkang salah kalau mereka mengatakan oleh kerana desakan mereka atau *Bar Council* saya pasti ada wakil mereka di sini, saya ingin nyatakan di sini bahawa bukan atas desakan mereka kerajaan mengubah beberapa pindaan terhadap rang undang-undang ini.

Pada hari minggu lepas BN *Backbenchers* telah berbincang dengan Menteri, telah berbincang dengan *Attorney General*, telah berbincang dengan Menteri Dalam Negeri, di dalam itu kita memikirkan serta minta kepada kerajaan beberapa perkara yang ada di dalam rang undang-undang ini dipinda dan di antara lainnya ialah apa yang dipinda oleh kerajaan pada hari ini dan termasuk juga pindaan daripada saya yang saya tidak mahu dimasukkan perkataan tidak puas hati di dalam beberapa seksyen yang ada di dalam rang undang-undang ini. Jadi janganlah pihak pembangkang mengatakan mereka mahu menjadi hero. Sebenarnya yang mendesak dan meminta kerajaan untuk membina ini tidak lain tidak bukan adalah dari Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional... [Tepuk] Akan tetapi kita tidak bisung.

Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Yang Berhormat Kota Belud, Yang Berhormat Kota Belud, sedikit. Bukankah itu menunjukkan bahawa rang undang-undang ini di bawa ke Dewan dengan cara terburu-buru... [Dewan riuh]

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Sebagai penutup...

Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: ...Sehinggakan pihak kerajaan sendiri membantah - terburu-buru.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Beginilah perangai nanti di dalam demonstrasi jalanan nanti. Tidak ikut peraturan.

Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Terburu-buru. Seperti juga Yang Berhormat Kota Belud. Bawa rang undang-undang yang tidak membuat *preparation* yang cekap.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Saya ingin buat penjelasan sedikit sahaja Tuan Yang di-Pertua, tadi saya mendengar dengan khusyuk kata-kata Yang Berhormat Permatang pauh kononnya Zimbabwe, Myanmar ini jauh lebih baik dari Malaysia. Tolonglah. Hanya kerana Burma ataupun Myanmar mengubah sedikit peruntukan di dalam undang-undang mereka untuk memberikan peluang untuk membuat protes jalanan.

Saya cabar yang Permatang Pauh untuk mengatakan Myanmar itu lebih demokratik secara keseluruhannya daripada Malaysia. Jangan kerana sedikit itu mengatakan Myanmar dan Zimbabwe itu lebih bagus, lebih demokratik, lebih bebas daripada Malaysia. Ini adalah satu kenyataan yang tidak bertanggungjawab dan amat menyeleweng dalam keadaan begini.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya. Saya betul-betul menyokong rang undang-undang ini dan menyokong pindaan-pindaan yang telah diberi atas kebijaksanaan Kementerian dan juga kerajaan menangani isu-isu yang ada di negara kita. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Ahli-Ahli Yang Berhormat, Mesyuarat ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang nanti. Terima kasih.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.01 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Timbalan yang di-Pertua (Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar) mmpengerusikan Mesyuarat]

Timbalan yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya, Yang Berhormat Bagan.

2.32 ptg.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Di ambang Hari Malaysia yang ke-48 pada 15 September 2011, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengemukakan bahawa kerajaan akan mengkaji semula seksyen 27, Akta Polis untuk menyelaraskannya dengan artikel 10, Perlembagaan Persekutuan yang menjamin kebebasan rakyat untuk berhimpun secara aman dengan tidak bersenjata dan supaya mematuhi norma-norma antarabangsa. Malangnya, tidak disangka bahawa negara-negara antarabangsa yang dirujuk beliau merupakan negara-negara seperti Zimbabwe dan Myanmar. Namun, sekarang nampaknya negara Myanmar pun sudah menjadi sebuah negara yang lebih bebas jika dibandingkan dengan Malaysia. Rang undang-undang yang baru diluluskan oleh Parlimen Myanmar hanya memerlukan pemberitahuan awal pada pihak polis selama lima hari. Manakala rang undang-undang yang dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini memerlukan pemberitahuan yang jauh lebih lama.

Sungguhpun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengumumkan pindaan akan dibuat agar notis pemberitahuan dipendekkan daripada 30 hari kepada 10 hari, ia jauh lebih panjang daripada apa yang diamalkan daripada sebuah negara berkuku besi seperti Myanmar. Adakah Malaysia kini lebih teruk daripada Myanmar? Ini jelas membuktikan bahawa program transformasi politik yang diuar-uarkan adalah satu penipuan semata-mata. Dalam ucapannya tempoh hari, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyatakan bahawa rang undang-undang ini akan menjamin hak rakyat untuk berhimpun secara aman dan tanpa bersenjata tetapi hakikatnya rang undang-undang ini adalah satu cubaan untuk meningkatkan kawalan dan larangan ke atas hak rakyat untuk berhimpun secara aman.

Tuan Yang di-Pertua, jelas juga bahawa rang undang-undang yang dicadangkan ini telah mengambil petikan-petikan yang berbunyi merdu daripada undang-undang negara demokratik lain seperti Queensland di Australia dan United Kingdom dan telah memutarbelitkannya kepada alat untuk menindas rakyat. Saya ingin bertanya sama ada rang undang-undang ini diciplak daripada model *Queensland Peace World Assembly Act 1992* dan sekiranya ya, mengapa tidak mengikuti keseluruhannya yang berteraskan hak asasi manusia? Sebaliknya, yang baik tidak diikuti iaitu rang undang-undang ini hanya ambil yang keruh, buang yang jernih pula.

Dalam versi Queensland, hanya notis lima hari diperlukan di bawah seksyen 10 di mana ia dianggap diluluskan sekiranya tidak ada perintah mahkamah yang menghalang atau mengharamkannya iaitu, dengan izin, *if the assembly notice was given not less than five business days before the day of which the assembly is held, a Magistrate Court has not made an order, then the public assembly is taken to be approved.* Iaitu kalau hendak melarang, pihak berkuasa perlu memohon perintah mahkamah. Ini adalah jaminan hak asasi yang begitu teguh sekali tetapi kita lihat di sini tidak ada sebarang peruntukan untuk memberikan jaminan dari segi badan kehakiman untuk membenarkan hak asasi berhimpun secara aman dapat diamalkan.

Sebaliknya, ia bergantung kepada pihak polis dan kita tahu bahawa bukan sahaja pandangan Pakatan Rakyat bahawa keyakinan orang ramai terhadap kebebasan atau *neutrality* pihak polis saya rasa tidak wujud sama sekali. Bukan sahaja daripada parti politik seperti Pakatan Rakyat dan NGO tidak yakin ke atas sikap berkecualian ataupun kebebasan polis daripada campur tangan kerajaan BN, malah Majlis Peguam Negara juga menyatakan sekiranya rang undang-undang ini diluluskan, maka polis akan menjadi *judge* dan juri dalam aspek ini dan ini melanggar satu asas undang-undang iaitu *natural justice*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Keperluan untuk memberi pemberitahuan awal kepada pihak polis jelas bertujuan untuk menangguhkan perhimpunan selama mungkin supaya tujuan perhimpunan akan jadi lapuk. Ini adalah satu muslihat yang kotor dan apabila perkara ini dibangkitkan, kerajaan juga *gostan* ataupun undur dengan mengurangkan tempohnya daripada 30 hari kepada 10 hari. Menunjukkan bahawa bukan sahaja tidak ada rundingan awal dengan pihak-pihak NGO ataupun masyarakat madani (*civil society*) tetapi telah dibuat secara *after thought* hanya sebagai satu usaha melepaskan batuk di tangga sahaja untuk menunjukkan bahawa kerajaan memang bebas tetapi sebenarnya tidak bebas, menunjukkan mereka memang terbuka tetapi sebenarnya minda sudah tertutup.

Di *United Kingdom* dan Queensland, langsung tidak ada kewajipan untuk memberi pemberitahuan awal kepada pihak polis seperti yang saya sebut tadi dan kalau pun dibuat kurang daripada lima hari, sungguhpun tidak memenuhi peruntukan dalam akta *Peaceful Assembly Act 1992* di Queensland tetapi ia masih boleh diperolehi sekiranya satu perintah mahkamah dipohon oleh pihak penganjur. Ini secara amnya akan diberikan dan tidak ada juga sebarang hukuman denda dikenakan ke atas pihak penganjur ataupun mereka peserta-peserta demonstrasi dalam rang undang-undang sedemikian. Saya tidak lihat mengapa hukuman denda yang begitu berat, lagi berat daripada seksyen 27, Akta Polis sekarang yang hanya menetapkan had maksimum RM10,000 tetapi sekarang di sini ada dua jenis hukuman. Satu RM10,000 untuk pihak penganjur yang tidak memohon atau memberikan notifikasi, satu lagi untuk peserta-peserta yang ingkar mengikut arahan atau mematuhi arahan polis untuk bersurai dikenakan sampai maksimum RM20,000.

■1440

Berbanding dengan yang dulu, sekarang ada dua jenis hukuman yang melebihi apa yang wujud sekarang. So jelas sekali kalau kita lihat dari aspek denda, ia lebih teruk dari keadaan sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, definisi perhimpunan digunakan adalah terlalu luas sampai pelbagai acara yang biasa juga termasuk sebagai sesuatu perhimpunan dalam konteks rang undang-undang ini. Oleh kerana itu, jadual ketiga terpaksa ditambah untuk menjelaskan jenis-jenis perhimpunan awam yang dibenarkan tanpa pemberitahuan kepada pihak polis. Namun begitu, skop Jadual Ketiga ini jelas mempunyai pelbagai kekurangan. Sebagai contoh, perhimpunan keluarga dibenarkan tetapi bagaimana pula dengan perhimpunan sekumpulan sahabat. Perhimpunan perkahwinan dibenarkan tetapi bagaimana pula dengan majlis hari jadi yang tidak ternyata dalam Jadual Ketiga.

Mengikut rang undang-undang yang dibentangkan ini, pemberitahuan sepuluh hari perlu diberi kepada pihak polis jika sesiapa ingin mengadakan majlis ulang tahun perkahwinan atau majlis hari jadi di sesebuah tempat awam seperti hotel atau restoran kecuali jika tempat perhimpunan ini telah ditetapkan oleh Menteri. Saya sebut perkara ini kerana sebelum ini memang apabila kita hendak mengadakan program hari jadi pun diganggu oleh pihak berkuasa.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri mempunyai kuasa tanpa batasan meminda Jadual Ketiga untuk menetapkan atau menarik balik tetapan yang diberikan kepada sesuatu tempat. Apakah yang akan berlaku jika Yang Berhormat Menteri tiba-tiba membuat keputusan bahawa sesuatu majlis tidak boleh diadakan tanpa pemberitahuan kepada pihak polis bila ia diluluskan sebelum ini. Oleh itu saya rasa kuasa obituari yang terletak di tangan Menteri ini adalah tidak wajar sama sekali dan akan menimbulkan banyak masalah.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini juga memberikan pihak polis kuasa untuk mengenakan pelbagai sekatan dan syarat ke atas tarikh, masa, tempoh sesuatu perhimpunan, tempat perhimpunan, kaedah perhimpunan, kelakuan para peserta perhimpunan atau apa-apa perkara lain yang difikirkan perlu atau sesuai. Dalam erti kata lain, pihak polis akan mempunyai kuasa untuk memutuskan bila, berapa lama, siapa yang mengambil bahagian dan juga isi kandungan sesuatu ceramah atau perhimpunan. Jelas rang undang-undang ini bukan digubal untuk menggalakkan kebebasan untuk berhimpun tetapi sebaliknya menjadikan rakyat sebagai seakan-akan boneka polis. Rekod polis yang memihak kepada Barisan Nasional dan menentang PR tidak menimbulkan keyakinan orang ramai. Perhimpunan ganas oleh Barisan Nasional atau mereka yang pro Barisan Nasional dibiarkan tanpa sebarang tindakan manakala perhimpunan aman yang dianggap pro PR ataupun anti Barisan Nasional dikenakan tindakan ganas.

Lihatlah Perhimpunan Aman Bersih yang dikutuk kuat oleh seluruh dunia. Bandingkanlah dengan perhimpunan ganas oleh UMNO di KOMTAR di Pulau Pinang dan juga di tengah-tengah Jambatan Pulau Pinang pada 1 Julai tahun ini yang dihadiri oleh Senator UMNO Ezam Mohamad Nor. Dalam perhimpunan ganas itu, Ezam bukan sahaja mahu menggulingkan kerajaan negeri tanpa menunggu pilihan raya tetapi para demonstrasi telah menghentikan trafik di tengah Jambatan Pulau Pinang yang menyebabkan kesesakan trafik sepanjang 10 kilometer. Lagi teruk, dua wartawan yang meliputi demonstrasi itu dipukul oleh para demonstrasi. Sehingga sekarang, mereka serta samseng yang pukul wartawan tidak diambil tindakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Sila gulung Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Bolehkah pihak polis dipercayai bertindak adil dan bebas? Itulah sebabnya kalau kita lihat rang undang-undang yang dicadangkan oleh Majlis Peguam sebagai satu alternatif bahawa perkara ini diputuskan oleh satu *advisory board*, *assembly board* atau satu lembaga yang dianggotai oleh semua badan-badan NGO ataupun pihak yang bebas, saya percaya ia akan memastikan keadilan kepada semua pihak.

Di samping itu, bagi pihak Pakatan Rakyat, kita tidak menentang sebarang protes jalan raya atau perhimpunan sekiranya ia dijalankan secara aman. Kita menentang mereka yang mengganas dan tindakan keras harus diambil ke atas mereka. Akan tetapi kita hendak bertanya, mengapa perhimpunan aman dikenakan tindakan ganas sedangkan yang bertindak ganas sampai menghantar keranda, tiap-tiap minggu demonstrasi diadakan di Pulau Pinang Tuan Yang di-Pertua, tidak ia dibenarkan sampai mat rempit boleh membuat demonstrasi di Pulau Pinang. Kalau berlaku di negeri Barisan Nasional, mat rempit akan ditahan serta-merta tetapi di Pulau Pinang, mat rempit boleh membuat demonstrasi sampai di eskot oleh pihak polis. Itu kita tidak...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Baik Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Ya, sekejap lagi Tuan Yang di-Pertua. Kita pun tidak melarang tetapi kita tanya macam mana kita boleh pastikan keadilan dalam keadaan sedemikian. Itulah sebabnya kalau kita lihat larangan 50 meter di semua tempat, saya rasa susah untuk cari satu tempat untuk berhimpun secara aman. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Berhormat Menteri ada menyatakan cubalah kalau boleh buat di stadium tetapi stadium ialah untuk perhimpunan secara besar-besaran. Macam mana pula untuk mereka 50 atau 100 orang sahaja, saya rasa ini memang tidak adil kepada kumpulan kecil yang ingin menyampaikan hasrat dan masalah mereka kepada pihak berkuasa.

Oleh itu, saya ingin meminta pihak Barisan Nasional untuk mendengar suara rakyat, dengar hasrat semua masyarakat madani, tarik balik Rang Undang-undang Perhimpunan Aman ini kerana ia akan mengharamkan hak berhimpun, memberikan kuasa mutlak kepada polis yang memihak kepada Barisan Nasional untuk membenarkan atau tidak dan menghakiskan lagi hak asasi manusia. Jangan cemarkan imej negara Malaysia dengan meluluskan rang undang-undang ini. Rang undang-undang ini kalau diluluskan bukanlah Rang Undang-undang Perhimpunan Aman, sebaliknya harus dinamakan sebagai Rang Undang-undang Perhimpunan Haram dan kita tidak mahu negara Malaysia menjadi haram. Jangan halalkan yang haram dan haramkan yang halal.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon kalau boleh tarik balik rang undang-undang ini supaya kita dapat menegakkan hak asasi manusia. Sekian, terima kasih.

2.47 ptg.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi Awang [Marang]: *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, selamat sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menyertai perbincangan Rang Undang-undang Perhimpunan Aman yang dibentangkan ini, saya menegaskan bahawa demokrasi mewajibkan islah sepanjang masa. Masa berubah, masyarakat juga berubah termasuk dalam amalan demokrasi, hak rakyat berhimpun secara aman. Demokrasi bukan sahaja pilihan raya, termasuklah rakyat secara langsung boleh berhimpun secara aman untuk menunjukkan rasa mereka terhadap apa-apa kesilapan yang diatur kerajaan ataupun menyatakan tuntutan mereka. Dalam rang undang-undang masih terdapat ruang tindakan yang menghalang kerana hak bertindak sewenang-wenang dan peluang provokasi daripada pelbagai pihak masih wujud yang boleh menjejaskan keamanan mereka yang berdemonstrasi, bukan mereka yang salah tetapi orang lain yang salah. Boleh jadi provokasi berlaku di pihak kerajaan dan pihak yang lain.

Jadi tidak ada satu jaminan dalam undang-undang. Empat perkara telah dipinda lagi setelah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri membentangkan menandakan banyak ruang yang lemah menunjukkan betapa adanya kegapohan membentangkan rang undang-undang ini. Kita perlu menyedari bahawa banyak negara dalam dunia melakukan perubahan dalam amalan demokrasi mereka dan mereka tidak jumud, mereka melakukan islah ke arah yang lebih memberi dan menjamin hak rakyat, bukan ke arah menyempitkan hak rakyat dan menakutkan rakyat. Di negara-negara barat, perubahan demokrasi daripada demokrasi purba kepada demokrasi moden yang berlaku perubahan hari ini setelah kajian ilmuwan orientalis daripada kitab-kitab fikah politik Islam. Mukadimah Ibnu Khaldun, Hakam Sultaniah, yang terjemah dalam bahasa-bahasa Barat.

■1450

Dahulunya mereka mengubah kerajaan sehingga mengorbankan Raja, Menteri dan mengorbankan jutaan rakyat. Sekarang mereka buat perubahan melalui yang telah disebarkan. Apa yang penting mengapa kita yang menganut Islam yang memimpin kerajaan yang pasti memerintah UMNO yang menjadi tulang belakang Barisan Nasional tidak boleh menunjukkan satu contoh yang baik. Bukan sahaja untuk mengislahkan negara termasuk kepada kalangan masyarakat majmuk di negara ini. Mengikut Islam kerajaan adalah amanah, amanah kepada pemimpin, amanah kepada rakyat seluruhnya. Bukan sahaja amanah kepada pemimpin termasuk amanah kepada rakyat. Bukan sahaja pemimpin yang boleh membuat muhasabah terhadap rakyat termasuk rakyat juga boleh membuat muhasabah terhadap pemimpin.

Kerajaan jangan menganggap dia mahu memerintah dan berkuasa selamanya. Ini kerana yang Maha Suci hanyalah Allah SWT. Kerajaan manusia tetap mempunyai kelemahan yang wajib dibaiki dan wajib dikritik. Oleh kerana itu hak memerintah bukan sahaja hak amanah kepada kerajaan termasuk hak amanah kepada pemimpin, kepada rakyat.

Firman Allah SWT... *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* bermaksud, "Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya kamu menunaikan amanah, menyerahkan amanah kepada orang yang ahli dan apabila kamu menghukum mengendalikan hukuman di kalangan manusia hendaklah berlaku adil." Mengendalikan hukuman bukan sahaja di mahkamah termasuklah di medan rakyat.

Dalam Islam bagi memberi ruang kepada rakyat dan kerajaan dengan cara yang adil terdapat dua konsep iaitu konsep nasihat dan konsep amar makruf dan nahi mungkar. Dalam konsep nasihat, pernah dinyatakan oleh Nabi SAW. *[Membaca sepotong ayat dalam bahasa Arab]* Agama itu nasihat. Lalu ditanya... *[Membaca sepotong ayat dalam bahasa Arab]* Untuk siapa? Jawabnya... *[Membaca sepotong ayat dalam bahasa Arab]* Nasihat itu adalah bagi Allah bagi Rasul bagi habnya bagi pemimpin-pemimpin dan juga umum rakyat. Rakyat umumnya berhak untuk memberi nasihat kepada pemimpin. Dalam masa yang sama amar makruf nahi mungkar... *[Membaca sepotong ayat dalam bahasa Arab]* Sesiapa di kalangan kamu yang melihat perkara mungkar hendaklah diubah ingatan. Kalau tidak mampu dengan lidah, kalau tidak mampu dalam hati.

Perkataan sesiapa dalam bahasa Arab dengan makna individu dan makna umum. Makna perseorangan, kumpulan yang kecil, kumpulan yang besar melibatkan semua. Boleh menegur dengan lidah dan boleh menunjuk rasa. Menunjuk rasa di mana disebut menunjuk rasa dengan amanah. Ini satu konsep yang baik, akan tetapi kalau diletakkan perkara yang tidak adil membawa kepada keburukan. Sejarah Islam membuktikan contoh-contoh yang perlu diambil oleh kita semua.

Di antaranya apabila golongan Ansar penduduk Madinah pada zaman Nabi SAW tidak bersetuju dengan pembahagian habuan kerana habuan bantuan diberi kepada penduduk-penduduk pedalaman. Lalu mereka menunjuk rasa dan tidak dilarang. Bahkan nabi yang bertindak sebagai pemimpin negara bertemu dengan mereka mengatakan bahawa penduduk pedalaman didahulukan kerana mereka tinggal di tempat yang jauh. Mereka tidak faham tentang negara, mereka didahulukan.

Penduduk Madinah dekat dengan nabi sebagai pemimpin, Kerajaan Pusat. Di mana bahan-bahan boleh datang bila masa sahaja mereka suka hati dengan cara Islam. Wanita golongan Ansar keluar melakukan tunjuk rasa. Bila masih ada lagi saki baki keganasan suami, warisan zaman jahiliah. Mereka keluar dan memberitahu nabi bahawa suami-suami mereka bertindak menampar muka mereka. Lalu nabi keluar memberi ucapan di masjid mengatakan kepada orang ramai bahawa tidak layak bagi seorang suami yang bermaruah yang ada harga diri, yang merdeka memukul isterinya dengan zalim. Inilah contoh-contoh yang baik. Rang undang-undang ini terdapat kemungkinan-kemungkinan sebelum lagi ada tunjuk perasaan aman sudah bertindak. Belum lihat sudah bertindak, tidak diberi kebenaran. Ini boleh berlaku.

Setelah diadakan tunjuk perasaan boleh berlaku provokasi macam saya sebutkan tadi. Provokasi bukan pihak yang menunjuk perasaan, pihak yang lain. Maka berlakulah tindakan-tindakan yang zalim. Dalam Islam ada konsep Bughah. Bughah ini adalah golongan yang memberontak yang mengangkat senjata, menentang kerajaan. Bukan aman, itu pun ditangani. Mengikut Islam kerajaan telah berjumpa dengan wakil memberontak itu. Dengar aduan mereka. Sekiranya aduan mereka benar kerajaan yang salah, kerajaan wajib ikut. Sekiranya aduan mereka salah mereka degil baru bertindak. Ini cara di mana konsep ini kita tinggalkan khususnya dalam perkara aman, bantahan aman. Ini pun hendak buat macam penganugerahan, ini boleh berlaku.

Oleh kerana itu saya mengharap kerajaan jangan salah gunakan kuasa majoriti. Jangan salah gunakan kuasa majoriti yang ada Barisan Nasional dan mestilah lebih berhemat. Ini supaya lebih berhemat, saya minta supaya rang undang-undang ini ditarik balik. Tarik balik... *[Tepuk]* Pertama. Kedua kalau degil juga saya minta supaya dibawa kepada *Select Committee*... *[Tepuk]* Supaya mewakilkan daripada semua parti. Kalau boleh Tuan Yang di-Pertua sendiri kalau boleh buat keputusan alangkah baiknya dibuat *Select Committee*. Sekian.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Yang Berhormat Marang, saya ada pencilan sedikit.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang]: Ya sila.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Terima kasih Yang Berhormat Marang. Cadangan Yang Berhormat Marang supaya kerajaan menarik balik dan merujuk rang undang-undang ini kepada Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen sudah tentulah mempunyai asas yang cukup kukuh kerana kita melihat rang undang-undang yang dibentangkan ini lebih zalim daripada apa yang sedia ada... [Tepuk] Keduanya, ia juga memperlihatkan bahawa Perdana Menteri memperdayakan rakyat... [Tepuk] Membohongi rakyat dengan janji-janjinya menjelang Hari Malaysia yang lalu. Oleh sebab dalam ucapan Perdana Menteri, beliau menjanjikan sebuah negara yang lebih demokratik...

Beberapa Ahli: Ya!

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Akan tetapi apa yang kita lihat sebagai contoh, seksyen 27, Akta Polis hari ini menyatakan, "*Kita boleh memohon permit kalau ditolak oleh OCPD ianya akan dirujuk kepada CPO (Ketua Polis Negeri).*" Akan tetapi rang undang-undang yang dibekalkan kepada kita pada hari ini ianya tidak boleh dirayu kepada Ketua Polis Negeri terus kepada Menteri Dalam Negeri. Maknanya kita memberi kuasa mutlak kepada Menteri. Sedangkan kalau dirujuk satu-satunya negara yang membenarkan Menteri menimbang rayuan adalah Zimbabwe.

Ini menunjukkan Malaysia ini bukannya maju ke hadapan tetapi telah maju ke belakang dan taraf dengan Zimbabwe. Oleh sebab itu kita minta supaya cadangan Yang Berhormat Marang itu, kita tarik balik rang undang-undang ini... [Tepuk] Saya mintalah Ahli-Ahli Parlimen UMNO dan Barisan Nasional jangan mengambil kira kuasa majoriti kerana rakyat sedang melihat, sama ada kita ini pejuang hak rakyat ataupun pejuang Perdana Menteri. Ini sedang dilihat. Kalau tidak rang undang-undang yang diluluskan ini satu rang undang-undang yang zalim, Tuan Yang di-Pertua. Saya pohon kalau boleh Yang Berhormat Marang berkongsi mengapa kita harus tolak rang undang-undang ini dan merujuk kepada Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Marang.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang]: Terima kasih Yang Berhormat Gombak kerana masih dilihat kelemahan-kelemahan bahkan ada tambahan, ada pindaan lagi setelah di bentang. Ini tanda kegapohan. Keduanya macam saya sebut tadi masih ada ruang-ruang untuk bertindak. Untuk bertindak dengan sewenang-wenang. Tanda rakyat yang dizalimi yang dianiaya yang memerlukan maruah rasa mereka. Sebab itu perlunya satu jaminan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Marang sudah kata habis tadi Yang Berhormat. Sudah kata habis Yang Berhormat. Dia kata habis Yang Berhormat.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi Awang [Marang]: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Dia kata habis Yang Berhormat.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi Awang [Marang]: Ya, ya.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Saya minta penjelasan Yang Berhormat Marang.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi Awang [Marang]: Saya minta jangan sudah...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Dia kata sudah habis tadi Yang Berhormat.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Ya, Dia bagi laluan Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Dia beritahu saya. Tidak akan dia tarik balik apa yang dijanjikan kepada saya. Ini juga satu kesalahan Yang Berhormat.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Sedikit minta penjelasan Yang Berhormat Marang, sedikit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Pasir Mas.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Belum habis lagi, boleh minta penjelasan lagi.

2.59 ptg.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Saya merujuk kepada Rang Undang-undang Perhimpunan Awam 2011. Saya mengingatkan diri saya Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, apabila membahar rang undang-undang ini mudah-mudahan saya tidak tergolong daripada bersikap *double standard*, hipokrit ataupun munafik...

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Perkasa hendak buat perhimpunan, orang tidak turun.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Pergi sekolah tidak mahu dengar kebenaran.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Sudah panggil orang, orang tidak turun.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Sudah ditutup telinganya. Telinga sudah ditutup. Telinga telah ditutup... *[Dewan riuh]*

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Perhimpunan satu juta tidak sampai lima ribu.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Apa pasal, takutkah?

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Inilah telinga ditutup daripada mahu dengar kebenaran.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *[Ketawa]* Takut!

Seorang Ahli: Pengecut!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, tidak apa Yang Berhormat, Yang Berhormat.

■1500

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Tuan Yang di-Pertua, waktu membahaskan Rang Undang-undang Pengguguran Darurat baru-baru ini saya ada menyebut mengenai sokongan terhadap Rang Undang-undang Perhimpunan Aman ini tetapi meminta kerajaan mengkaji tempoh pemberitahuan 30 hari. Saya mengucapkan kita terima kasih sebab ada pindaan yang dibawa di hadapan kita di mana beberapa fasal dipinda untuk memendekkan masa pemberitahuan. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya percaya...

[Ramai ahli Pembangkang keluar meninggalkan Dewan]

[Dewan riuh]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, tidak payah buat komen Yang Berhormat. Sila Yang Berhormat Pasir Mas.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Tuan Yang di-Pertua, saya percaya...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat Pasir Mas.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Nanti dahulu, baru *start* mukadimah baru.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ya, baru *start* itulah saya hendak masuk ini.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Silakan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat Pasir Mas, kalau kita lihat gelagat pembangkang dalam Dewan ini, sekejap duduk, sekejap keluar. Sebenarnya perjuangan mereka ini perjuangan apa? Apakah Parlimen ini juga hendak dibuat sebagai pentas sandiwara yang macam dibuat oleh mereka di luar? Ini jenis macam Yang Berhormat Marang bercakap tadi, ini jenis kalau hendak kita mandikan dia balik, kita boleh mandikan dengan ucapan dia kerana ucapan dia sebenarnya boleh terkena pada batang hidung, batang diri dia sendiri. Saya tidak hendak mencelah sebab dia tidak beri laluan untuk beri pandangan.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Okey, ringkas sahaja saya jawab Yang Berhormat Sri Gading. Ini Ahli-ahli Parlimen sarkas. Jadi Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya percaya kalau pihak kerajaan ingin mencari publisiti.

Seorang Ahli Pembangkang: [*Menyampuk*]

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Apa dia? Pakai songkok pun tidak guna kalau perangai hodoh, betul tidak? Ini orang PAS. Tadi pun Ahli Parlimen Marang ada sebut yang maha suci adalah Allah SWT, bukan main lagi dia sebut tadi. Maknanya agama di sisi Allah ialah Islam dan apabila Islam dicaci dan dihina, tidak ada buat apa pun. Sekarang mari hendak bercakap.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Malah ada Ahli Parlimen PAS pergi hina Islam.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Ya betul. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyebut bahawasanya saya percaya kalau kerajaan hendak bermain politik mendapat publisiti dengan rakyat apatah lagi di saat-saat Pilihan Raya Ke-13 menjelang tiba, memang kerajaan boleh tarik semua undang-undang bagi perhimpunan secara terbuka, ikut apa hendak jadi dalam negara kita, huru-harakah, biarkan. Itu untuk mencari publisiti tetapi *alhamdulillah* saya ucap tahniah kepada kerajaan kerana kerajaan bertanggungjawab walaupun terpaksa menghadapi spin politik yang dimainkan oleh pembangkang kononnya memperjuangkan demokrasi dan mengatakan ini satu tindakan zalim.

Saya percaya, kerajaan mesti mempertahankan perkara yang baik walaupun terpaksa menghadapi risiko dalam Pilihan Raya Ke-13 nanti sebab kerajaan yang bertanggungjawab adalah kerajaan yang meletakkan undang-undang atas daripada segala-galanya dan bukan perhitungan undi semata-mata. Akan tetapi kita tahu Tuan Yang di-Pertua pada Ketua Pembangkang apabila saya bangun, dia keluar. Apa yang dia *allergic* sangat dengan Pasir Mas ini? Rakan kongsi di Kamunting dahulu selama dua tahun.

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Pasir Mas tahu banyak rahsia.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Akan tetapi saya hendak beri jaminan tidak ada apa-apa berlaku dalam masa dua tahun itu... [*Ketawa*]

Dua tahun tetapi kenapa apabila saya bangun, dia keluar. Saya hendak suruh dia dengar saya bercakap. Dahulu saya sudah bercakap dalam majlis tertinggi sewaktu beliau dipecat sebagai timbalan presiden berdepan dengan Ketua Pembangkang. Saya tidak hendak lagi sejarah dan cukuplah dan apa yang penting kita hendak pandang ke hadapan, yang penting masa depan negara, yang penting saya hendak beritahu kepada rakyat Malaysia bukan kepentingan Ketua Pembangkang daripada Permatang Pauh tetapi yang penting ialah keselamatan rakyat negara kita... [*Tepuk*]

Jadi Tuan Yang di-Pertua dan bagi mereka ini buat apa sahaja pun mereka tidak akan setuju Yang Berhormat Sri Gading sehingga Ketua Pembangkang jadi Perdana Menteri. Selagi dia tidak dapat memerintah, jadi Perdana Menteri untuk menyelesaikan masalah-masalah peribadinya, selagi itu dia tidak bersetuju. Memanglah dia seorang yang bijak daripada seorang *oriental*, boleh bercakap, bagaimana dia jawab masalah Operasi Lalang tadi. Saya hendak jawab nanti...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: [*Bangun*]

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Okey.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih. Masa banyak, jangan takut. Tidak ada yang mengacau dan ganggu-gugat kita. Jadi Yang Berhormat Pasir Mas tenang sedikit tetapi belasah... [Ketawa] Saya mahu tanya Yang Berhormat Pasir Mas, pagi tadi kumpulan NGO daripada golongan profesional, peguam-peguam *Bar Council*, mereka memekik-memekik di luar tetapi yang mereka hendak laungkan pertama tidak bersetuju dengan akta yang dibawa ini iaitu Perhimpunan Aman. Kedua, mereka juga meminta kebebasan seks.

Jadi apa sebenarnya yang mereka hendak, kebebasan macam mana dan untuk berhimpun ini mereka tolak tetapi kebebasan yang itu mereka hendak. Adakah ini ada apa-apa agenda mereka untuk mengheret kerajaan sehingga tuntutan mereka kita harus penuhi.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Tuan Yang di-Pertua, ini soalan sudah tahu bertanya pula. Jadi Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan Majlis Peguam, memang saya hendak sampai ke situ pun. Memang Majlis Peguam ataupun mana-mana NGO dalam sebuah negara demokrasi boleh memberi pandangan, boleh menghantar memorandum tetapi tidak bererti dia boleh memaksa, memekik dan menimbulkan huru-hara untuk memaksa apa yang mereka rasakan betul pada mereka.

Majlis Peguam hanya melihat dari segi sudut undang-undang. Majlis Peguam tidak tahu urusan keselamatan. Jadi kalau berlaku masalah huru-hara apabila ada perhimpunan, maka yang keluarkan kenyataan dan mengkritik dan membantai ialah pihak Majlis Peguam juga.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Okey, minta sedikit Yang Berhormat Pasir Mas.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Kota Belud dahulu.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Yang Berhormat Kota Belud bangun dahulu.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya dahulu tentang Majlis Peguam ini. Selama ini saya pandang Majlis Peguam ini orang profesional, hendak menegakkan undang-undang. Hari ini tembelang mereka benar-benar terlonjol di mata dunia. Rupa-rupanya Majlis Peguam ini pendiriannya bolehlah saya anggap dan kita tukar nama mereka Majlis Peguam Pembangkang, kena tambah belakang dan saya cabar Majlis Peguam Pembangkang ini daftarkan majlis itu sebagai parti politik dan kalau dia benar-benar anak jantan, masuk dalam Pilihan Raya Ke-13 sebagai parti politik kalau benar-benar dia anak jantan. Apa pendapat Yang Berhormat Pasir Mas?

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Ya, Yang Berhormat Kota Belud, pendek sikit.

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Terima kasih Yang Berhormat Pasir Mas.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat ada 10 minit sahaja Yang Berhormat.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Ya, sekejap sahaja. Yang Berhormat Pasir Mas, saya minta pandangan sedikit. Dalam draf *Peaceful Assembly Bill* ini yang dibuat oleh *Bar Council* yang kononnya menjadi cadangan mereka, mereka mahu menubuhkan satu lembaga ataupun dipanggil *Peaceful Assembly Board*. Dalam lembaga ini yang kononnya boleh mendengar dan boleh memutuskan sama ada himpunan jalanan boleh diteruskan atau tidak. Saya hendak beritahu kepada Yang Berhormat lima *members* ahli daripada lembaga ini diusulkan oleh Perdana Menteri, lima lagi daripada Ketua Pembangkang, lima orang daripada SUHAKAM, lima orang daripada *Chief Justice of Malaysia* dan lima orang daripada cadangan Presiden Malaysian Bar.

Jadi kalau kira-kira dari sini, *leader of the position* lima orang, SUHAKAM lima orang yang tidak pernah pun menyokong kedudukan kerajaan dan juga Presiden Malaysian Bar lima orang. Sebanyak 15 daripada 25 orang ahli lembaga ini memang *confirm* tidak mahu bersetuju dengan kerajaan. Saya minta pandangan Yang Berhormat, bagaimana ini?

■1510

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Ya, kalau kita jawab dengan cara yang kasar nanti orang kata kita tidak berhemah tetapi kalau tengok perilaku mereka-mereka ini kalau kita hendak cat pun boleh. Saya setuju dengan Yang Berhormat Sri Gading, Majlis Peguam pembangkang, hendak tambah sedikit lagi taik minyak... [Ketawa] Samalah juga apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kota Belud tadi kalau tengok pada cadangan-cadangan. Saya minta selepas ini jangan ganggu lagi. Saya hendak habiskan apa yang saya hendak bercakap ini. Minta tolong.

Tuan Yang di-Pertua, urusan keselamatan yang saya katakan tadi ialah urusan pihak polis. Kita tahu dunia sekarang ini ancaman, *terrorism*, pengganas dan dalam negara kita ini negara masyarakat majmuk. Akhir-akhir ini macam-macam isu berbangkit sehingga kepada perkara-perkara yang berkaitan dengan sensitiviti agama. Kemudian kita tahu juga di negara kita ini tidak sedikit pendatang asing, pekerja-pekerja asing, yang halal, yang haram. Macam-macam boleh berlaku kalau ada perhimpunan yang tidak terkawal, yang tidak dijamin bahawa ianya perhimpunan aman. Oleh sebab itu rang undang-undang ini dibawa untuk jamin perkara itu.

Saya orang Bebas! Jangan ingat saya bercakap ini saya hendak semata-mata beri sokongan kepada kerajaan pimpinan Barisan Nasional. Kalau secara kebetulan perkara yang baik, saya sokong. Ini perkara yang baik sebab kita meletakkan soal keselamatan atas pada segala-galanya. Urusan menjejak mereka yang hendak melakukan huru-hara ini. Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *it is not an easy matter*. Dia ada rangkaiannya, pengganas-pengganas ini sebab itu saya kata daripada dahulu lagi bahawa prinsip dan roh ISA walaupun dimansuhkan mesti dipertahankan.

Saya percaya majoriti rakyat Malaysia memahami akan niat baik kerajaan ini. Oleh sebab itu daripada awal lagi saya kata kalau kerajaan hendak mencari populariti dia ikut apa sahaja yang dikatakan oleh pihak pembangkang. Ikut sahaja asal mana berlawanan untuk mencari sokongan dan populariti daripada segi sokongan rakyat tetapi *alhamdulillah* nampaknya kerajaan meletakkan keselamatan dan kepentingan majoriti rakyat lebih daripada permainan politik pembangkang. Pembangkang sekarang ini memang dalam keadaan yang cukup gelisah.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menjawab sedikit sahaja yang dibangkitkan oleh Ketua Pembangkang. Dia timbulkan tadi isu Libya, demokrasi Indonesia, hal operasi lalang, Majlis Peguam sudah sebut tadi. Selepas itu cerita Burma, cerita Zimbabwe. Bukan main lagi! Kalau dengar hebatnya Ketua Pembangkang ini bercakap. Saya hendak beritahu Tuan Yang di-Pertua, Ketua Pembangkang ini dia sudah keluar.

Kalau dia tidak ada, saya hendak kata, saya hendak tunjuk dengan tangan saya. Inilah ahli politik yang saya kira *double standard*, munafik dan memang hipokrit! [Tepuk] Hipokrit, *double standard the first degree, the highest degree*. Memang semua orang tahu! Cakap kononnya bila Yang Berhormat Pasir Salak sebut soal Operasi Lalang, dia tidak pernah bela. Dia bangun, jawab memutar belit. Kononnya dia turut membela. Dia persoalan pula kenapa tidak ada di kalangan Barisan Nasional ini mempersoalkan tindakan Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir sewaktu menjadi Perdana Menteri. Kenapa tidak ada siapa yang bantah? Orang lain tidak bantah tidak bercakap tidak mengapa, dia tidak bercakap pun. Dia ini Timbalan Perdana Menteri pada waktu itu Bercakaplah! Senyap! Lari pula itu. Saya percaya kalau dia di dalam kerajaan dia pun penyokong ini... [Ketawa] Mungkin lebih kuat daripada yang lain.

Letihlah dengan dia ni. Habis orang letih dengan kawan kita ini. Bila hendak insaf dan sedar pun saya tidak tahu. Sebut Libya, tengok dia hendak bandingkan kenapa kebangkitan rakyat Libya, Tuan Yang di-Pertua. Ini kerana ditekan, dizalimi, begitu begini, begitu begini. Kalau ada kezaliman di Libya, Muammar Gaddafi dengan rakyatnya, biar rakyat dialah urus. Selesai. Ini apa yang NATO masuk campur ini? Yang kita menentang NATO masuk campur. NATO ini pembelakang Amerika. Memanglah Ketua Pembangkang pun Amerika di belakang... [Ketawa]

Dia kalau negara Kuwait, Bahrain, Arab Saudi ini tempat dialah. Sekarang ini Iran, Algeria dia sudah tidak pergi dah. Sudah tidak ada Hasan al-Banna, Syed Qutb. Yang ada sekarang ini siapa dia?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya, baik Yang Berhormat.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Nanti dahulu, belum habis lagi Tuan Yang di-Pertua... [Ketawa] Nanti saya baru hendak *start*. Okey, itu Libya. Indonesia dia kata hebat, begitu, begini. Baru-baru ini *team* bola pun mati dua orang beli tiket. [Ketawa] Dibakarnya stadium. Ringkas Tuan Yang di-Pertua tidak masa, yang pergi hasut di Indonesia ini – inilah dia. Mana dia tidak nampak, mana pergi?... [Ketawa] Yang pergi hasut ialah Ketua Pembangkang, Anwar! Yang Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim dari Permatang Pauh keluar gambar. Bercakap setiap dua bulan sekali pergi hasut orang Indonesia. Orang-orang Indonesia kena tangkap, kena rotan, kena hamun, kena baling, macam-macam. Jadi dia juga. Selepas itu dia banding Burma dengan Zimbabwe. Burma dengan Zimbabwe ini saya belum dengar lagi ada orang anjur *sexuality* merdeka... [Ketawa] Belum saya dengar lagi! Jadi adakah kita hendak bebas, hendak ukur *benchmark* negara kita dari segi demokrasi ini, hendak buat perhimpunan mesti dua hari. Kalau di United Kingdom dalam keadaan tertentu boleh sehari. Demokrasi kita ada waktu terpimpin. Kita kena tengok latar belakang sejarah negara kita. Jangan kita sewenang-wenangnya hendak banding dengan pihak-pihak ini.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, kita tahu kalau ada perhimpunan..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya Yang Berhormat, saya minta gulung Yang Berhormat.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Belum habis lagi. Ini gangguan tadi. Saya hendak beritahu Tuan Yang di-Pertua, kalau ada perhimpunan. Dahulu saya hendak ingatkan, saya sebut atau tidak di dalam Dewan, saya sudah lupa. Waktu perhimpunan 3 Disember isu Baling yang Ketua Pembangkang turut terlibat. Dia pergi bersyarah "*kita berjuang kerana kemiskinan.*" Sebenarnya, saya mengaku Tuan Yang di-Pertua, saya salah seorang penganjur tunjuk perasaan Baling. Ketua Pembangkang duduk luar lagi. Dia balik empat hari baru dia pergi ke Masjid Negara. Dia bersyarah, ambil alih. Dialah jadi heronya. Dia bersyarah rata-rata. Dialah pejuang Baling...

Tuan Haji Salleh Kalbi [Silam]: [Menyampuk]

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Penganjurnya Ahli Parlimen Pasir Mas!... [Ketawa] Saya ingat Tuan Yang di-Pertua, pada waktu itu tengah saya berucap di Stadium Negara pada tahun 1974, tengah duduk berucap ada orang baling cermin di Masjid Negara. Ini kumpulan sosialis yang lepas itu kawan ini lari ke luar negara. Jadi maknanya bila ada perhimpunan tidak terkawal. Penyamun, perompak, komunis, macam-macam pihak boleh ambil kesempatan menghuru-harakan negara. Kita tengok apa yang berlaku di London baru-baru ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Sudah hendak habis ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, jangan macam ini Yang Berhormat.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Okey, terima kasih. Jadi Tuan Yang di-Pertua, di London pun kita tengok apa yang berlaku baru-baru ini. Jadi itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong. Terima kasih sebab kalau terlebih sedikit, saya minta maaf. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Hulu Selangor.

3.18 ptg.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan [Hulu Selangor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya mengambil bahagian dalam perbincangan Rang Undang-undang Perhimpunan Aman 2011.

Terlebih dahulu saya ingin dengan izin memaklumkan bahawa rang undang-undang ini diwujudkan untuk memastikan bahawa semua warganegara mempunyai hak untuk menganjurkan perhimpunan atau menyertai perhimpunan secara aman tanpa senjata. Pada masa yang sama secara aman tanpa senjata tertakluk hanya kepada sekatan-sekatan yang didapati perlu atau suai manfaat dalam suatu masyarakat demokrasi demi kepentingan keselamatan persekutuan atau mana-mana bahagiannya atau ketenteraman awam termasuk perlindungan hak dan kebebasan orang lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya teringat kata Roman dengan izin, "*Salus populi suprema lex esto*". Maksudnya biarlah kebajikan rakyat menjadi undang-undang yang tertinggi. Perhimpunan aman ini merupakan rang undang-undang yang memberi keutamaan kepada kebajikan rakyat kerana ialah akan menjadi undang-undang tertinggi untuk memastikan perhimpunan aman ini dapat dijalankan. Saya juga ingin merujuk kepada fasal 9 dalam rang undang-undang ini di mana ada yang mengatakan bahawa semua perhimpunan aman harus diberi maklumat dalam masa sepuluh hari. Tidak juga benar kerana mereka hanya membaca perkara-perkara yang mereka ingin membaca. Mereka hanya membaca rang undang-undang ini untuk memesongkan pendapat rakyat. Dalam rang undang-undang ini fasal 9(2)...

■1520

Puan Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Yang Berhormat Hulu Selangor.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan [Hulu Selangor]: Sebentar, sebentar ya. Fasal 9(2) menyatakan sekiranya satu perhimpunan yang diadakan di tempat perhimpunan yang ditetapkan, fasal 9(2)(1) tidak terpakai lagi. Ini bermakna sekiranya perhimpunan aman ini diadakan di satu kawasan yang ditetapkan, mereka tidak perlu memberi maklumat kepada sesiapa dan boleh menganjurkan tanpa memaklumkan kepada sesiapa.

Oleh yang demikian, notis lima hari atau notis 10 hari ini tidak dikenakan langsung sekiranya perhimpunan aman ini dijalankan di tempat-tempat yang telah pun ditetapkan. Oleh yang demikian, saya tidak nampak di mana kejarnya kerajaan Barisan Nasional kerana kita memberikan izin kepada mereka menganjurkan perhimpunan ini di tempat-tempat yang ditetapkan. Saya baru terima satu SMS daripada seorang rakan saya yang juga seorang peguam yang menggunakan Jalan Parlimen untuk pergi satu mesyuarat. Dia kata mengapa ada *traffic jam* yang begitu teruk di Parlimen. Saya memberi maklumat ini kepada dia dan dia mengatakan kepada saya, membuang masa. Ini bukan tempat untuk kita buat perhimpunan aman. Yang Berhormat Batang Sadong.

Puan Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Terima kasih Yang Berhormat Hulu Selangor. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini sebenarnya tadi apabila Yang Berhormat Hulu Selangor menyentuh mengenai fasal 9 itu, saya rasa perlu ditekankan lagi sebab kalau kita dengar tadi pembangkang berbahas, perkara ini tidak disentuh langsung mengenai di mana fasal 9 ini kalau - Sebenarnya kita menekankan bahawa apabila mereka hendak berhimpun di kawasan yang telah dinyatakan di dalam rang undang-undang tersebut, ia tidak memerlukan masa yang begitu lama untuk memberitahu.

Jadi, ini tidak ditekankan oleh rakan kita di sebelah sana tadi. Jadi, ada beberapa perkara di mana mereka hanya mengambil perkara itu sebagai satu yang negatif. Apa yang kita hendak lihat di sini bahawa rang undang-undang ini adalah membantu dan memberi kemudahan untuk usaha sesiapa sahaja yang ingin menganjurkan perhimpunan secara aman. Saya mengharapkan kalau boleh Yang Berhormat Hulu Selangor menjelaskan dengan terang lagi supaya di luar sana mereka memahami rang undang-undang ini adalah untuk membantu dan memudahkan mereka yang ingin menganjurkan.

Ini saya sentuh jugalah tadi, Yang Berhormat Bagan ada menyentuh mengenai *birthday party*, dengan izin. Itu pun dikatakan sukarlah juga. Nyata di dalam rang undang-undang ini perkara seperti itu tidak diperlukan untuk mendapatkan kebenaran. Kenapa mereka hendak mengelirukan rakyat di luar sana? Terima kasih.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan [Hulu Selangor]: Memang benar Yang Berhormat Batang Sadong kerana mereka ini pakar putar belit. Mereka ini pakar memberi fitnah kepada rakyat. Hakikatnya penganjur hanya perlu maklumkan sahaja kepada pihak polis. Tidak perlu tunggu sampai 10 hari pun. Dalam masa 24 jam boleh sekiranya mereka menganjurkan perhimpunan itu di tempat-tempat yang telah ditetapkan. Mereka tidak akan sebut benda-benda ini kerana sekiranya mereka menyebut fakta-fakta tersebut maka mereka tidak ada modal untuk berkempen dalam pilihan raya ini nanti. Itulah cara mereka hendak menang pilihan raya. Fitnah!

Saya teruskan ucapan saya Tuan Yang di-Pertua. Lima fakta yang ingin saya menghapuskan pembbohongan mereka. Pertama, adakah benar Rang Undang-undang Perhimpunan Aman 2011 ini tidak demokratik? Jawapannya tidak sama sekali kerana pembentangan rang undang-undang ini di Parlimen pada hari ini secara telus kepada semua Ahli-Ahli Parlimen untuk dibahaskan oleh Ahli-Ahli Parlimen yang dipilih oleh rakyat dan kemudiannya akan ditentukan oleh Ahli-Ahli Parlimen. Ini dengan jelas menunjukkan demokrasi bekerja dengan cekap dan efektif di Parlimen ini.

Kedua, adakah benar penindasan berlaku dalam Rang Undang-undang Perhimpunan Aman 2011 ini. Sekali lagi jawapannya tidak sama sekali kerana rang undang-undang ini lebih baik daripada Akta Polis yang dipakai guna sebelum ini kerana sekarang sesiapa pun boleh berhimpun tanpa permit polis. Hanya beri maklumat pada masa-masa yang ditentukan kepada pihak polis maka ia boleh dijalankan dan dianjurkan seperti keperluan mereka.

Ketiga, adakah benar Rang Undang-undang Perhimpunan Awam 2011 tidak mengikuti lunas-lunas Perlembagaan Persekutuan. Sekali lagi mereka silap dan membuat fitnah kerana hakikatnya ia mengikut segala lunas-lunas Perlembagaan Persekutuan iaitu Perkara 10(1)(a), Perkara 10(1)(b), Perkara 10(2)(a) serta Perkara 10(2)(b) dan Perkara 10(2)(c).

Tuan Yang di-Pertua, fakta yang keempat, adakah Rang Undang-undang Perhimpunan Aman ini bertentangan dengan *Universal Declaration of Human Rights* (UDHR). Sekali lagi fitnah mereka tidak berkesan kerana Artikel 20 dalam UDHR itu sama seperti perkara dalam Perlembagaan Persekutuan iaitu Perkara 10(1)(a). Lagi pun setelah saya membaca artikel tersebut, artikel UDHR dan 30 artikel yang tersenarai dalam UDHR tersebut, tidak ada satu pun artikel yang mentakrifkan demonstrasi jalanan sebagai perhimpunan aman. Menipu lagi. Mungkin itulah latar belakang perjuangan politik mereka.

Kelima, adakah Rang Undang-undang Perhimpunan Aman 2011 bercanggah kerana adanya kawasan-kawasan tempat larangan. Sekali lagi fitnah mereka tidak berkesan kerana Rang Undang-undang Perhimpunan Aman 2011 tidak sama sekali bercanggah kerana dengan Perlembagaan Persekutuan kerana Akta 298 Kawasan Larangan dan Tempat Larangan 1959, (4)(1) dan (5)(1) yang masih diguna pakai telah pun memberi kuasa kepada Menteri untuk mengenal pasti kawasan-kawasan dan tempat-tempat larangan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan [Hulu Selangor]: Hendak habiskan dalam beberapa minit lagi Tuan Yang di-Pertua. Minta maaf ya. Tuan Yang di-Pertua, pada 9 Julai, ramai rakyat Malaysia tersekat dalam perhimpunan yang dijalankan pada hari itu. Encik Mohd Ridzuan Abdullah, Presiden Pertubuhan Ikatan Usahawan Kecil dan Sederhana Malaysia (IKHLAS) menyatakan peniaga-peniaga kecil Malaysia mengalami kerugian sekitar RM100 juta. Siapa hendak bayar ganti rugi ini? Encik Abu Bakar Sidek, peniaga barang kemas menganggarkan kerugian sebanyak RM200,000 sehari sekiranya demonstrasi jalanan diadakan di kawasan Masjid India. Siapa hendak memberikan ganti rugi ini?

Encik Yong Fa Chin seorang peniaga kedai kasut di jalan Tuanku Abdul Rahman, beliau mengatakan *I quote* dengan izin “*rakyat mempunyai kebebasan untuk mengadakan perhimpunan namun ia haruslah diadakan di tempat yang sesuai*”. Inilah kerajaan Barisan Nasional mencadangkan. Garis panduan kebebasan berkumpul secara damai yang diedarkan oleh *Office for Democratic Institution and Human Rights* (ODIHR), Poland juga menetapkan dalam seksyen A3, larangan-larangan dikenakan dalam berkumpul secara damai contohnya di tempat-tempat awam.

Di Finland juga begitu, di Scotland juga begitu. Saya mengambil kesempatan ini juga untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada kementerian kerana mengambil kira prinsip Rukun Negara yang pertama iaitu Kepercayaan Kepada Tuhan diberi penekanan dalam rang undang-undang ini. Di antara perhimpunan yang mana perhimpunan bagi pemberitahu tidak dikehendaki ialah perhimpunan keagamaan. Ini merupakan satu berita gembira kepada penganut-penganut agama Hindu kerana mereka adakan perarakan keagamaan. Saya harap kementerian dapat memberi pertimbangan untuk memasukkan sekali perarakan serta perhimpunan agama ini.

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, ramai mengatakan undang-undang ini *draconian*. Kepada mereka yang mengamalkan undang-undang *draconian*, ini memang *draconian*. Mereka yang menyingkir ahli mereka kerana tidak menunjukkan kasih sayang kepada pucuk pimpinan parti... [*Tepuk*] Ini *draconian*. Kepada mereka, kepada seorang pemimpin yang tidak boleh dicabar, tidak boleh ditanding tetapi boleh menjadi Ketua Umum, ini *draconian* kepada mereka. Saya memang setuju dengan pendapat pembangkang, kalau inilah konsep *draconian* maka itulah yang *draconiannya* mereka. Dengan kata-kata itu, saya mohon menyokong Rang Undang-undang Perhimpunan Aman 2011. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Minta Yang Berhormat Menteri menjawab.

3.29 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz]:

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasihlah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian khususnya kepada Yang Berhormat Pasir Mas, Yang Berhormat Kota Belud dan juga Yang Berhormat Hulu Selangor yang begitu matang telah memberikan penjelasan tentang perkara-perkara yang tidak matang yang dibangkit oleh pihak pembangkang sebentar tadi.

Sebelum saya menjawab semua Yang Berhormat, saya hendak nyatakan pakaian saya pada hari ini, pakai baju Melayu hitam ada di luar bercakap dia kata Padang Rengas ini cari bomoh untuk menjawab pada hari ini... [*Ketawa*] Itu sebab mereka semua lari. Akan tetapi sebenarnya pagi tadi saya pergi ke Istana sebab Yang di-Pertua Sarawak diberikan *extension* sebagai gabenor dua tahun lagi. Jadi, kita tidak main bomoh tetapi tidak tahulah mungkin Yang Berhormat Permatang Pauh, dia memang kaki bomoh.

■1530

Saya dengar banyak di Indonesia. Saya dengar ya. Tuan Yang di-Pertua mereka bangkit, Yang Berhormat Permatang Pauh lah, saya tadi bagi pesanan pada pegawai dia. Saya kata pagi tadi dia berhujah saya duduk dan dengar. Jadi saya minta kepada dia 3.30 petang saya berhujah datang lah dengar tapi jelas nampaklah itu bahawa dia takut dengan Barisan Nasional dalam kita membentangkan rang undang-undang ini yang sememangnya mempunyai asas mengapa kita bentangkan rang undang-undang ini.

Dia telah bangkit berkenaan dengan perkara perlembagaan. Saya ingat perangai mereka ini sememangnya kalau baca ayat al-Quran, baca setengah. Jadi begitu juga apabila dia baca perlembagaan dia hanya menyebut, saya baca dengan izin dalam bahasa Inggeris...

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Dia baca suku sahaja.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Ya, dia tidak boleh baca lebih daripada itu, kalau lebih daripada tiga suku. Oleh sebab itu dia baca suku sahaja.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat dalam Perlembagaan Persekutuan iaitu Perkara 10(1), kalau kita baca betul-betul dia kata dengan izin *subject 10(1)* iaitu "*Freedom of Speech, assembly and association*". Perkara 10(1) dengan izin *subject to clauses (2), (3) and (4)*- Dia ada *subject to clauses (2), (3) and (4)*. Kalau perkara 10(1)(b) mengatakan "*all citizens have the right to assemble peaceably and without arms.*" Kalau dia baca sekerat betul lah. Makna dia betul lah.

Akan tetapi kita kena baca *subject to clauses (2), (3) and (4)*. Jadi kalau kita baca iaitu *clauses 2(b)*, "*Parliament may by law impose - (a) on the rights conferred by paragraph (a)...*" yang tadi *peaceably assembly* tadi; "*..of clause (1), such restrictions as it deems necessary or expedient in the interest of the security of the Federation or any part thereof... public order.*" Ketenteraman awam. Kita boleh *enact laws*. Maknanya kalau kita baca betul-betul perlembagaan, apa yang kerajaan buat pada hari ini tidak melanggar langsung Perlembagaan Malaysia. Inilah penipuan pertama yang dilakukan oleh pihak pembangkang.

Kita kena faham iaitu inti pati penting rang undang-undang ini ialah untuk memberi nafas, *breath life* kepada Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan dengan memasukkan elemen-elemen perlaksanaan berkaitan dengan kebebasan berhimpun secara aman. Hak untuk berhimpun secara aman dan tanpa senjata yang diperuntukkan oleh Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan bukan lah mutlak atau dengan izin, *absolute* kerana Perlembagaan Persekutuan *envisage* ataupun membenarkan sekatan dibuat seperti yang telah saya sebut sebentar tadi.

Kemudian saya hendak pergi kepada perkara yang berkaitan dengan notis. Jadi, Ketua Pembangkang sebentar tadi dalam dia punya perbincangan dia ada merujuk kepada apa yang dikatakan memorandum ataupun satu *draft* rang undang-undang yang disediakan oleh pihak *Bar Council*. Pihak *Bar Council* ini, dia tidak setuju dengan notis. Akan tetapi apa yang menghairankan saya waktu pagi tadi, dia hendak berkumpul dia sudah bagi polis tujuh hari notis sudah. Kita sudah tahu dia hendak kumpul. Akan tetapi dalam masa yang sama dalam rang undang-undang kita hendak bagi notis dia marah.

Inilah kalau dia kata kepada kita bahawa rang undang-undang kita ini *mess up*, saya ingat kepala *Bar Council* ini yang *mess up*. Kalau tidak suka beri notis mengapa beri notis kepada polis iaitu bahawa mereka akan berkumpul 11.30 pagi. Satu Malaysia tahu. Satu Malaysia tahu makna apa? Makna dia mahu perlindungan daripada pihak polis. Takut kalau ada usaha provokasi daripada kumpulan lain dalam dia hendak berkumpul pada hari ini. Jadi betul lah kita tentang bagi notis. Bagi notis ini saya hendak beritahu, bukan hendak sekat. Bagi notis ini hendak jaga mereka, hendak lindung dia. Ini yang *Bar Council* tahu kerana kalau dia bagi notis, dia dapat perlindungan daripada polis. Sebab itulah pada hari ini kita kata notis hendaklah diberikan.

Memang dahulu kita letak 30 hari, jadi kita turun kepada 10 hari kerana menunjukkan itu bahawa kita dengar pandangan daripada rakyat iaitu wakil rakyat Barisan Nasional dalam perjumpaan kita membangkitkan perkara ini. Jadi janganlah duduk perasan lah pembangkang... [*Disampuk*] Perasan lebih. Perasan lebih kononnya kita turun. Akan tetapi perangai pembangkang ini kalau kita tidak dengar cakap rakyat dia kata kita zalim. Zalim. Akan tetapi kalau kita dengar cakap rakyat kita pinda, *flip flop*.

Ini perangai pembangkang sememangnya dia sendiri pun kaki penipu besar, duduk dalam Dewan jadi wakil rakyat, penipu besar. Memang penipu besar saya hendak beritahu. Cakap benda yang tidak betul seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat Perdana Menteri dalam surat khabar *The Sun* hari ini, mereka sengaja membangkitkan perkara, ya, Yang Berhormat Sungai Siput...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Sampai kalah pembangkang penipu.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Memang penipu. Perdana Menteri kata mereka membangkitkan perkara untuk mengelirukan rakyat. Inilah yang dikatakan Pakatan Rakyat (PR) yang bermaksud 'penipu rakyat' saya hendak beritahu pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, sepuluh hari ini saya hendak sebut notis ya. Notis yang kita minta... [*Dewan riuh*]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tidak boleh kalah. Penipu rakyat lah. PR, PR. Penipu rakyatlah.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Ini yang dikatakan orang yang promosi demokrasi. Dia berucap Menteri dengar. Menteri hendak jawab, lari, takut. Tidak mahu dengar. Apa demokrasi ini?

Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]: Pengecut dia.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, dalam menggubal rang undang-undang ini kerajaan sedia maklum bahawa rang undang-undang sedia ada di negara-negara lain memperuntukkan tempoh masa yang berbeza-beza mengenai notis perhimpunan yang perlu diberi kepada pihak berkuasa. Contohnya, enam hari di *United Kingdom*, 48 jam di Malta, lima hari di *Moldova* dan enam hari di *Queensland*, Australia. Suka juga dimaklumkan bahawa di *Northern Ireland* rang undang-undang *Public Assemblies Parade and Protest*, dengan izin, menetapkan tempoh 37 hari untuk memberi notis kepada pihak berkuasa. Meneliti tempoh-tempoh yang dinyatakan di atas, tiada tempoh masa yang boleh dianggap sebagai munasabah atau ideal bagi pengumuman notis perhimpunan.

Malahan garis panduan yang dirujuk iaitu *Organization for Security and Cooperation in Europe*, saya hendak bercakap tentang *Europe* ya bukan tentang *Myanmar* ataupun *Zimbabwe*. Akan tetapi *Zimbabwe* ini dibangkit Ketua Pembangkang tadi yang dia cerita iaitu kita berkawan dengan *Zimbabwe*. Akan tetapi berkawan itu tahun 90-an dahulu. Perdana Menteri nya bukan yang sekarang. Akan tetapi Timbalan Menteri siapa dia? Dialah. Apa fasal kita pula hendak bagi pandangan kepada Perdana Menteri walhal dia Timbalan Perdana Menteri. Kenapa kita pula? Dialah patut cakap jangan berkawan dengan Mugabe, jangan berkawan dengan *Myanmar*. Akan tetapi hari ini berdiri kononnya dialah orang yang menentang hubungan kita dengan *Zimbabwe* tapi suatu masa dulu dia Timbalan Perdana Menteri menyokong supaya kita menyokong *Zimbabwe*, Mugabe pada ketika itu. Ini *double standard* yang saya hendak beritahu Yang Berhormat bangkit sebentar tadi yang bapa segala *double standard* yang kita tahu dalam negara kita ini Yang Berhormat Pasir Mas tidak lain tidak bukan siapa dia?... [Dewan riuh]

Tuan Yang di-Pertua, garis panduan yang dirujuk oleh OSCE, *Guidelines on Freedom of Peaceful Assembly, Europe* dengan jelas memberikan budi bicara kepada sesuatu negara untuk menetapkan tempoh masa yang munasabah. *Paragraph 41* saya baca dengan izin, "The period of notice should not be unnecessary lengthy, but should still allow adequate time for the relevant state authorities to make the necessary plan and preparation to satisfy their positive obligation". Ini *Europe* bukan *Zimbabwe*. Bukan Permatang Pauh. Ini *Europe*. Kalau dah *Europe* ini pun tidak boleh dianggap sebagai contoh yang baik kita hendak rujuk kepada apa lagi. Bulan, bintang, PAS?

Seorang Ahli: [Menyampuk]

■1540

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Bulan tidak boleh pakai. Jadi, kita hendak rujuk kepada siapa? Kita rujuk kepada apa yang telah ditentukan oleh OSCE. Dalam perkara ini, fasal 9(1) hendaklah dibaca bersama dengan fasal 14 bahawa apabila polis menerima notis pemberitahuan perhimpunan daripada penganjur, polis perlu memberi *respond* dalam masa lima hari sahaja. Sekiranya polis gagal untuk memberi *respond* terhadap pemberitahuan itu, perhimpunan itu hendaklah diteruskan. Itu dia, bagi polis lima hari untuk *responds*.

Kalau lima hari polis tidak *respond*, buatlah. Apa yang *problem* nya. Yang ini dia tidak sebut kepada rakyat sebab dia kaki penipu. PR - Penipu Rakyat. Jadi, dalam masa lima hari ini perkara-perkara berikut hendaklah dilakukan:

- (i) perjumpaan pihak polis dengan penganjur sebaik sahaja diberitahu tentang perhimpunan yang akan diadakan seperti yang diperuntukkan dalam fasal 13;
- (ii) PDRM untuk memaklumkan kepada orang yang mempunyai kepentingan dalam tempoh 24 jam; dan

- (iii) orang-orang yang mempunyai kepentingan memaklumkan sebarang kebimbangan atau bantahan terhadap perhimpunan kepada PDRM dalam tempoh 48 jam;

Tadi Yang Berhormat Bagan. Saya dengar ucapannya. Dia kompelin dia kata di Pulau Pinang selalu, tiap-tiap hari, tiap-tiap minggu apa yang dikatakan perhimpunan haram. Tadi dia merintih, kompelin, merayu. Inilah yang berlaku. Kita hendak tolong dia lah sebab itu kita kata bagi notis. Kalau bagi notis dekat kita, bolehlah kita halang. Ini masalahnya Yang Berhormat Bagan. Dia bercakap, dia tikam diri dia sendiri. Dia bercakap tadi, dia rintih tadi. Jadi, hendak bantu dia lah kita buat rang undang-undang ini sebab itu saya kata kalau hendak menipu biar menipu betul-betul. Jadi, tadi menipu tidak betul. Menipu kena diri sendiri balik sebab itu lari habis semua sebab dia tahu dia kaki penipu. Tidak boleh pertahankan dah. Lubang ini, kita hendak tutup kena gali lubang lain. Gali lagi *last-last* lubang depankah, lubang belakangkah sapu semua sekali... [Ketawa] Itu masalahnya.

Tuan Yang di-Pertua, dia bercakap tentang kononnya Dato' Onn Jaafar. Ini pun Lim Chee Wee, dia ini pun satu hal. Hendak jadi Ahli Parlimen, lawanlah. Daftarliah *Bar Council* sebagai satu parti politik, boleh lawan kita. Lawan di Padang Rengas, lawan di Sri Gading, lawan Kinabatangan kalau ada telur. Masalahnya tidak ada. Jadi, pandai sahaja bercakap. Kononnya dia bangkit, dia kata dahulu sebelum dia merdeka, 15,000 orang-orang UMNO, orang Melayu yang dipimpin oleh Dato' Onn Jaafar menentang kerajaan pada ketika itu, keluar beramai-ramai. Kononnya hendak meyakinkan kita, hendak tipu kita Ahli UMNO supaya pada hari ini kita pun benarkan perhimpunan besar-besaran tanpa notis.

Akan tetapi Lim Chee Wee, saya hendak beritahu kerajaan dahulu kerajaan penjajah. Bukan dipilih oleh rakyat sebab itu UMNO keluar menentang dia. Ini bezanya. Sekarang kerajaan dipilih oleh rakyat. Kalau tidak puas hati, hadapi kita dalam pilihan raya. Tidak payah hendak kumpul orang ramai. Kalau jantan, lawan kita dalam pilihan raya. Ini bezanya... [Tepuk] Kalau hendak bagi contoh biar contoh betullah, jangan cuba hendak tipu.

Ahli UMNO hari ini berkumpul di PWTC. Dia hendak tipu Ahli UMNO. Dia ingat kita ini bodoh sangat. Saya hendak beritahu Kerajaan Barisan Nasional yang ada pada hari ini ialah kerajaan yang 12 kali yang telah dipilih oleh rakyat setiap kali pilihan raya diadakan... [Tepuk] Bukan kerajaan penjajah yang zalim yang dia hendak bandingkan kita bersama dengan penjajah Inggeris pada ketika itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak beritahu lagi. Semua ini kaki penipu belaka ini. Ini denda. Denda macam mana tidak menipu. Sebutnya RM10,000, RM20,000 jadi kalau orang dengar memanglah kerajaan zalim. Kalau tidak lapor pun hendak kena RM10,000 tetapi baca betul-betul. Maksudnya *up to maximum of RM10,000. Up to maximum of RM20,000*. Bermakna denda itu boleh jadi seringggit, dua ringgit, tiga ringgit. Yang pergi sebut maksimum itu buat apa? Sebut yang minimum itu seringggit sahaja. Zalimkah? Seringggit sahaja tetapi hendak sebut maksimum RM10,000, RM20,000. Sebenarnya, kita kenakan denda ini *up to RM10,000, up to RM20,000*. Ini sememangnya juga dalam Akta Polis, seksyen 27 maksimum denda pun RM10,000 *and then minimum* RM3,000 dalam seksyen 27 tetapi kita tidak kata minimum RM3,000. Kita cuma kata *up to* RM10,000 sahaja. Bermakna denda itu boleh dikenakan seringggit, dua ringgit. Itu pertama.

Keduanya denda ini bukan denda yang dikenakan oleh pihak polis. Denda ini dikenakan oleh mahkamah. Saya dengar dalam hujah Yang Berhormat Bagan sebentar tadi dia mengatakan itu bahawa kalau sekiranya pihak Menteri tidak membenarkan supaya diadakan perhimpunan aman ini, maka sepatutnya mestilah mahkamah memutuskan. Jadi, saya hendak katakan kepada dia *be consistent* lah dalam hal hendak menentukan, hendak bagi sama ada rayuan perhimpunan aman ini bolehkah tidak boleh serah pada mahkamah. Akan tetapi bila mari denda *up to* RM10,000 tidak percaya pada mahkamah. Ini apa benda ini, apa benda ini? Tadi baru sahaja bercakap. Dia kata apa pasal rayu pada Menteri, sepatutnya mahkamah. Oh percaya pada mahkamah tetapi mari hendak denda, tidak percaya pada mahkamah...

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Kalau seludup belakang saya tidak tahu, masuk jellah. Akan tetapi yang saya hendak sebut yang kedua ialah untuk menghukum berapa denda itu adalah mahkamah bukan polis.

Ketiga Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini kita sudah tiada jel. Tidak ada jel dah, bacalah dalam *draft bill*. Mana ada jel. Jadi, untuk menggantikan jel supaya kalaulah berlaku keadaan di mana suasana itu begitu teruk sebab itulah kita kenakan *up to maximum of RM20,000*. Ganti tidak ada jel dalam rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mendengar ucapan daripada Ketua Pembangkang. Saya dukacita sekali Yang Berhormat Machang. Inilah masalahnya, menceritakan semua apa yang berlaku waktu dia menjadi Setiausaha Pemuda Malaysia pada ketika itu. Akan tetapi saya hendak beritahu ikut saya punya pemikiran. Saya pun pemangku Ketua Pemuda. Benda-benda macam ini waktu Tun Mahathir jadi Perdana Menteri dan Encik Ghafar jadi Timbalan Perdana Menteri tidak pernah berlaku pun. Kita tidak pernah fikir pun benda ini tetapi benda ini berlaku walaupun Yang Berhormat Timbalan Menteri yang katakan panggil dia tetapi saya percaya yang di belakang itu Timbalan Perdana Menteri pada ketika itu sebab Tun Mahathir tidak reti semua itu. Tun Mahathir seorang yang berprinsip, dia tidak reti main belakang semua, saya hendak beritahu.

Akan tetapi yang main pusing, yang mengajar ini tidak lain tidak bukan saya percaya Timbalan Perdana Menteri. Pada ketika itu siapa?

Beberapa Ahli: Yang Berhormat Permatang Pauh.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tun Mahathir tidak reti. Kita kenal Tun Mahathir *straight*, orang yang *straight*. Tidak reti hendak buat semua ini. Hendak buat demonstrasi jalanan, Tun Mahathir tidak pernah. Siapa yang selalu buat demonstrasi jalanan?

Beberapa Ahli: Yang Berhormat Permatang Pauh.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Siapa yang suka pergi berucap dengan retoriknya, menjerit-jerit, siapa dia?

Beberapa Ahli: Yang Berhormat Permatang Pauh.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Jadi, dialah yang mengajar semua ini. Jadi, Yang Berhormat Machang lain kali kalau hendak bercakap itu jangan sampai tikam diri sendiri. Kena ingat kerana daripada belakang pun orang pun boleh tikam juga. Jaga-jaga sedikit di sebelah sana.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyatakan di sini iaitu perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bagan sebentar tadi dia bangkitkan tentang mengapa Menteri ada kuasa untuk membuat rayuan, mengapa tidak CPO? Kita kata, jangan CPO sebab OCPD dengan CPO sama tak? Sama, polis. Dua-dua polis. Jadi kalau polis buat keputusan, hendak merayu kepada polis nanti orang kata ada *conflict of interest*. Jadi sebab itu kita kata Menteri. Itu sahaja, itu sahaja.

■1550

Kalau tidak sekalipun, kalau CPO yang buat rayuan, kalau CPO tolak, boleh rayuan lagi kepada Menteri. Akhirnya pergi kepada Menteri juga. Saya ingat Ahli Yang Berhormat Kota Tinggi, dia Menteri Dalam Negeri dahulu. *Security of the federation must be in the hands of executive*. Ya, suka atau tak kerana akhirnya nanti *the bark stop at the executive*. Oleh sebab itu kita kata, walaupun kalau kata CPO kita benarkan buat rayuan, akhirnya dia akan juga pergi kepada pihak Menteri. Itu biasa. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya kira mereka pun sudah cabut lari, takut... [Ketawa]

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: [Bangun]

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Yang mana yang lain yang bangkit itu, yang...

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Minta...

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Oh, ini kena hormat. Sebab dia orang yang berpengalaman, kena tahan demonstrasi jalanan tetapi dia menyokong rang undang-undang kita. Sila... [*Tepuk*]

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memang saya ada perbezaan dengan ketua Pembangkang, Anwar ini sebab apa yang saya buat, saya mengaku. Berani buat, berani tanggung. Akan tetapi masalah pembangkang ini, berani buat tidak berani tanggung. Cuma soalan saya Tuan Yang di-Pertua, kita sudah dengar hujah-hujah. Saya hendak tanya dari segi *political will* kerajaan. Bila kita ada undang-undang seumpama ini, saya hendak tanya sejauh manakah janji kerajaan untuk mengambil tindakan jika ada perkara-perkara yang berlaku melanggar undang-undang seumpama yang kita bincang pada hari ini ataupun sebelum ini. Kita tahu sebelum ini Ketua Pembangkang menghadapi kes liwat dengan Saiful Bukhari. Saya dengar *tape recorder*. Saya pernah pergi dengar dia ceramah. Saya duduk dalam kereta, saya buka cermin saya dengar sebiji, sebiji. Dia bercakap, dia bela diri dia, dialah hakim, dialah peguam, semua dia... [*Ketawa*] Pada saya, memang walaupun saya tidak belajar undang-undang, saya setakat belajar dekat *Holiday Inn* sahaja. Dia ada *Temple Inn*, dia ada *Lincoln's Inn*, saya belajar *Holiday Inn* sahaja. Akan tetapi saya dengar, betul-betul *contempt of court*. Memang boleh didakwa di bawah penghinaan mahkamah. Akan tetapi saya tengok, tak tahulah mungkin peguam negarakah, poliskah, siapa bertanggungjawab macam tidak ada *political will*.

Oleh sebab itu bukan masalah rakyat tidak menyokong kerajaan. Saya hendak bagi keyakinan kepada kerajaan. Apa yang rakyat duduk tengok sekarang ini, kerajaan serba-salah. Maknanya nak tak nak, nak tak nak, sorong tarik, gelisah, takut tidak mendapat sokongan. Akan tetapi rakyat hendak tengok kerajaan tegas. Jadi saya hendak tengok dari segi *political will*, selepas sahaja rang undang-undang diluluskan, digazet, bagaimana tindakan? Saya hendak bagi rangsangan kepada Yang Berhormat Menteri. Ini kita baru, ini sedikit sahaja. Kita baru menyambut Maal Hijrah, baru dua hari lepas. Ia bintang tahun ini bintang Sham iaitu matahari di mana saya tanya oranglah. Di mana tahun ini dari segi Hijrah, tahun ini bintang macam ini, matahari. Raja dan kerajaan, akan mendapat kemenangan menentang kezaliman di mana kezaliman ini datang daripada orang yang menuduh. Orang zalim tetapi dia sebenarnya zalim. Jadi kena ada *political will*. Sekian, terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Ya, saya sokong mengenai dengan apa Yang Berhormat Pasir Mas sebut. Saya pernah nampak tanda-tanda itu, penghijrahan. Oleh sebab itu pada hari ini kita tengok, penghijrahan ramai-ramai daripada pembangkang daripada dalam Dewan ke luar Dewan. Itu tanda-tandalah. Apa Yang Berhormat cakapkan itu betul. Sudah ada, sudah ada tanda-tanda kemenangan bagi kita. Sebab penghijrahan tanpa dipaksa. Dia sendiri sahaja keluar. Memang sudah ada, itu tanda dia-dia. Yang Berhormat, saya hendak beritahu iaitu bahawa kita akan ambil tindakan. Apabila rang undang-undang ini dijadikan sebagai akta, seperti akta-akta lain, kita akan ambil tindakan.

Cuma apa Yang Berhormat bangkitkan perkara tadi, itu proses. *Due process* ini dalam undang-undang ini kita benarkan ia berlalu. Saya tahu iaitu bahawa ada yang dia berkata di luar yang boleh dianggapkan sebagai *contempt of court*. Saya tahu Yang Berhormat memang di *Holiday Inn* selalu walaupun tidak di *Lincoln's Inn*. Memang *Holiday Inn* ada, *Quality Inn* ada, semua *Inn* yang luar itu dia ada... [*Ketawa*]

Jadi, dia *due process of law* kita kena ikut. Kalau ada *contempt of court*, kita kena tunggu dahulu, tidak apalah. Selesaikan kes ini dahulu. *The due process must continue*. Kalau kita ambil *contempt of court* sekarang, ini bercelaru dan rakyat tidak begitu memahami tentang undang-undang. Jadi, ia akan jadi bercelaru. Biar kita selesai satu per satu. Sampai masa nanti, saya kira kalau cukup dengan tuduhan dan buktinya, *contempt of court* akan diambil tindakan terhadap beliau. Akan tetapi *the due process* mesti dibenarkan untuk berjalan. Yang Berhormat sabar, tidak apa. *Insya-Allah*, bintang...

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: [*Bangun*]

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Apa lagi?

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Yang Berhormat, bukan soal sabar. Kalau hendak tunggu macam itu, ini *contempt of court*. Kemudian, pendakwaan hendak siasat video yang mirip muka Ketua Pembangkang. Saya hendak tengok, saya sudah umur 61 tahun. Saya takut kita sudah tidak ada dah... [Ketawa] Biarlah awal sikit. Kena cepat sikit. Kalau tidak, saya pun tergantung-gantung. Esok-esok, kalau saya meninggal esok-esok, ditanya oleh Munkar Nakir, "Apa keputusan?" Tidak tahu, belum lagi... [Ketawa]

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Saya,

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Keputusan tanggung...

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Okey, okey..

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Mana boleh? Saya hendak jawab ke Mungkar Nakir, "Beres!". Orang-orang yang melakukan kata betul, sudah pun dihukum. Begitu! Okey? Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Saya pun bimbang tadi apabila dia kata mungkin tidak sempat. Akan tetapi dia kata mungkin dia meninggal dunia. Bukan kerana kita kalah. Tidak ya? Tidak. Saya pun percaya, Yang Berhormat akan kekal *insya-Allah* dalam Parlimen akan datang ini, ada, ada di sini... [Tepuk] Yang Berhormat, apa pun saya faham perasaan kita. Akan tetapi seperti mana saya sebut sebentar tadi, ini *due process* mesti kita lalui. Kalau saya bercakap lebih, nanti dia kata kita menguasai mahkamah pula. Jadi biarlah, ataupun menguasai Peguam Negara. Jadi biarlah kita serah kepada mereka untuk memikirkan dan mengambil tindakan yang sewajarnya dalam kes-kes yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat. Jadi Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Ya.

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bangkitkan sedikit perkara sebab tidak berpeluang hendak berucap tadi. Apa yang saya hendak tanya, adakah kita ini sudah kaji, buat kajian sama ada masyarakat kita, rakyat kita sudah bersedia dengan 'kebebasan' ini. Kalau melihat pada gelagat pembangkang. Kita tengok tadi pun, *Bar Council*, tengok. Itu peguam, profesional sepatutnya. Akan tetapi tengok cara-cara dia menjerit macam beruk... [Ketawa] Adakah itu yang kita hendak? Saya pernah bangkitkan, baru minggu lepas saya bangkitkan kebebasan yang diberi. Masalah dengan mereka ini, mereka ini tidak matang. Dia akan salah guna kebebasan yang diberi.

Baru-baru ini kita dengar ucapan hendak pecahkan penjara. Begitu cinta dan sayang kepada Ketua Pembangkang dia. Sanggup pecahkan penjara. Ini jangankan Zimbabwe, orang zoo pun tidak buat... [Ketawa] Betul! Mana pernah dengar orang hendak pecahkan penjara sebab hendak selamatkan ketua dia, tidak ada. Akan tetapi yang masalah dia sekarang ini Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri, adakah mereka ini sudah bersedia dengan kematangan politik untuk mendapatkan kebebasan itu? Saya bangkitkan di minggu lepas sejarah bagaimana di dalam kebebasan yang sedikit diberi itu, mereka adakan perarakan.

Saya hendak baca balik yang Tuan Yang di-Pertua pun tegur saya. Akan tetapi itu hakikat sejarah. Bagaimana bila mereka diberi kebebasan, mereka lakukan perarakan keliling Kuala Lumpur, tengok apa kebebasan yang mereka gunakan? Mereka panggil kita "Malai si". "Mampus Melayu." Mereka guna bahasa-bahasa kesat yang semua ini terkandung dalam Laporan MAGERAN.

Saya baca balik Tuan Yang di-Pertua supaya jangan marah sebab ini adalah hakikat sejarah yang membuatnya berlakunya 13 Mei. Tengok antara perkataan yang mereka guna, "Apa polis boleh buat, kita sudah Raja. Buang semua polis Melayu. Mati Melayu. Sakai masuk hutan. KL sekarang Cina punya. Melayu balik kampung. Melayu sekarang tak dak kuasa. Sekarang kita Cina kontrol. Melayu keluar dari duduk sini, apa lagi kita hantam lu, sekarang kita ada kuasa. Semua Melayu kasi habis. Kasi halau semua Melayu. Apa ini Melayu, kita sudah perintah dia negeri. Ini negeri bukan Melayu punya. Mata-mata lancau. Butuh Melayu, Malai si. Pigi mati Melayu. Ini negeri bukan Melayu punya. Kita halau semua Melayu."

Ini kebebasan bila diberi, ini yang mereka buat. Jadi adakah kita bersedia? Rakyat sudah bersediakah untuk menerima kenyataan-kenyataan seperti ini? Adakah mereka berubah? Mereka tidak berubah. Paling baru beberapa minggu lepas, ADUN KOMTAR, tengoklah kenyataan dia. Bagaimana dia maki hamun orang-orang Melayu?

■1600

Kita lihat lagi satu Tuan Yang di-Pertua, adakah kita bersedia dengan kebebasan yang kita hendak beri ini. Contohnya yang terbaru berlaku di Pulau Pinang. Ini orang Johor dengar baik-baik. Ia berlaku di Pulau Pinang, 9 November 2011 di Dewan JKKK Kampung Baru Sungai Ara, Bayan Lepas. Ucapan oleh ayam tambatan baru PAS, Bob Lokman yang sekarang ditabalkan sebagai ustaz, sebab masuk PAS jadi ustaz walaupun sebelum itu adalah artis.

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Sebelum itu artis. Itu PAS, pakai serban masuk PAS, isi borang bukan sahaja jadi ustaz masuk syurga terus. Cuba Yang Berhormat Menteri banding dengan kebebasan yang sedikit kita beri itu dia boleh buat kenyataan orang Johor yang kerja di Singapura semua murtad. Senang-senang dia boleh hukum orang dengan kebebasan yang sedikit diberi. Ini kerana apa alasannya? Ia cukup mudah sahaja. Orang Johor yang bekerja di Singapura bangun lima pagi sampai Singapura tujuh pagi entah bila dia solat, semua habis murtad dia kata. Dengan sekali lafaz habis orang Johor yang bekerja di Singapura murtad hanya dengan kebebasan suara yang kita beri sedikit itu.

Jadi masalahnya sekarang ini, satu adakah rakyat Malaysia bersedia hendak menerima kebebasan seperti ini? Kedua, adakah pembangkang kita yang mempunyai kematangan politik atau pun pembangkang kita yang seperti Yang Berhormat Gombak sanggup pecahkan penjara untuk menyelamatkan orang tersayang itu. Minta pendapat Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Ada perbezaan sedikit, ya. Rakyat sebenarnya bersedia kalau kita memberikan satu kebebasan kepada mereka. Akan tetapi tidak sedia yang ini. Oleh sebab itu kita perlu ada rang undang-undang ini. Dia ini tidak sedia dan yang satu lagi tidak bersedia yang buruk dekat luar tadi kononnya peguam. Akan tetapi perangai bukan seperti peguam, memalukan. Saya peguam, saya malu lihat perangai mereka. Ini yang tidak bersedia. Oleh sebab itulah kita kata kerajaan mengadakan rang undang-undang ini kerana pembangkang dengan NGO yang menyokong mereka dengan *Bar Council* mereka tidak bersedia. Jadi oleh sebab itu kita bentangkan rang undang-undang ini.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itu sahaja saya hendak jawab. Sebenarnya mereka ini lari sebab mereka fikir perangai saya. Apabila dia lari saya tutup cepat awal-awal. Dia akan *spin* kata, "*Hah! Lihatlah Yang Berhormat Menteri tidak jawab langsung apa yang dibangkit*". Akan tetapi kita lebih cerdik daripada dia sebab itu saya ambil masa juga dalam 40 minit untuk menggulung dan mengelak daripada mereka *spin* iaitu bahawa kita gugur sahaja rang undang-undang ini. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan...
[Tepuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan dipersetujukan.

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua sekarang dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar] **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

Fasal-fasal 1 hingga 5 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Fasal-fasal 6 dan 7 [Pindaan] -

4.03 ptg.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya mengusulkan pindaan kepada fasal 6 dan fasal 7 iaitu memotong perkataan "perasaan tidak puas hati" dalam perenggan 6(2)(b) dan juga sub perenggan 7(a)(iii) yang juga memotong perkataan "perasaan tidak puas hati".

Tuan Pengerusi, saya berpendapat dan mengatakan bahawa dalam ungkapan perasaan tidak puas hati ini, saya berpendapat jika ada sekumpulan rakyat kita yang ingin membuat demonstrasi atau pun himpunan aman, ianya adalah kerana kaitannya dengan perasaan tidak puas hati terhadap sesuatu dasar kerajaan atau apa-apa juga yang ingin mereka luahkan. Oleh sebab itu, pada pandangan saya, perasaan tidak puas hati itu hendaklah dibuang supaya ayat itu lebih jelas dan supaya kalau orang yang menjadi peserta kepada perhimpunan itu meluahkan perasaan tidak puas hati, tidak melanggar peraturan sebagai tanggungjawab penganjur dan tanggungjawab peserta.

Oleh sebab itu saya berpendapat bahawa perkataan dan ungkapan ini perlu diubah walaupun kami memahami kehendak kerajaan. Akan tetapi untuk meletakkan penjelasan yang lebih tepat kepada semangat rang undang-undang ini, maka ungkapan itu perlu diubah. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam Kertas Pindaan oleh Yang Berhormat Kota Belud yang telah dibentangkan sekarang ini terbuka untuk dibahas.

[Tiada perbahasan]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Kota Belud dalam Kertas Pindaan hendaklah disetujui.

Pindaan dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui.

Fasal-fasal 6 dan 7 sebagaimana dipinda diperintahkan jadi sebahagian rang undang-undang.

Fasal 8 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Fasal 9 [Pindaan] -

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tuan Pengerusi, pindaan dalam sub fasal 9(1) bertujuan untuk menggantikan perkataan iaitu dalam tempoh 30 hari dengan perkataan sepuluh hari. Pindaan bertujuan untuk memendekkan tempoh yang diperlukan bagi penganjur untuk mengemukakan pemberitahuan perhimpunan kepada pegawai yang menjaga daerah polis.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam Kertas Pindaan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang telah dibentangkan sekarang ini terbuka untuk dibahas.

[Tiada perbahasan]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dalam Kertas Pindaan hendaklah dipersetujui.

Pindaan dikemukakan bagi diputuskan; dan dipersetujui.

Fasal 9 sebagaimana dipinda diperintahkan jadi sebahagian rang undang-undang.

Fasal-fasal 10 hingga 11 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Fasal 12 [Pindaan] -

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Pindaan dalam sub fasal 12(1) bertujuan untuk menggantikan perkataan 48 jam dengan perkataan 24 jam dan pindaan sub fasal 12(2) bertujuan untuk menggantikan perkataan lima hari dengan perkataan 48 jam. Pindaan adalah berbangkit daripada pindaan kepada fasal 9.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam Kertas Pindaan oleh Yang Berhormat Menteri di-Jabatan Perdana Menteri yang telah dibentangkan sekarang ini terbuka untuk dibahas.

[Tiada perbincangan]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dalam Kertas Pindaan hendaklah dipersetujui.

Pindaan dikemukakan bagi diputuskan; dan dipersetujui.

Fasal 12 sebagaimana dipinda diperintahkan jadi sebahagian rang undang-undang.

Fasal 13 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Fasal 14 [Pindaan] -

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Pindaan dalam sub fasal 14(1) bertujuan untuk menggantikan perkataan 12 hari dengan perkataan lima hari. Pindaan adalah berbangkit daripada pindaan kepada fasal 9.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam Kertas Pindaan oleh Yang Berhormat Menteri di-Jabatan Perdana Menteri yang telah dibentangkan sekarang ini terbuka untuk dibahas.

[Tiada perbincangan]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dalam Kertas Pindaan hendaklah dipersetujui.

Pindaan dikemukakan bagi diputuskan; dan dipersetujui.

Fasal 14 sebagaimana dipinda diperintahkan jadi sebahagian rang undang-undang.

Fasal 15 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

■1610

Fasal 16 [Pindaan] -

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz]: Pindaan dalam sub fasal 16(1) bertujuan untuk menggantikan perkataan "empat hari" dengan perkataan "48 jam" dan pindaan dalam sub fasal 16(2) bertujuan untuk menggantikan sub fasal 2 dengan sub fasal yang berikut:

“(2) Menteri hendaklah memberikan keputusan dalam tempoh 48 jam dari penerimaan rayuan di bawah subseksyen (1).”

Pindaan adalah berbangkit daripada pindaan kepada fasal 9.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam Kertas Pindaan oleh Yang Berhormat Menteri di-Jabatan Perdana Menteri yang telah dibentangkan sekarang ini terbuka untuk dibahas.

[Tiada perbahasan]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dalam Kertas Pindaan hendaklah dipersetujukan.

Pindaan dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui.

Fasal 16 sebagaimana dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Fasal-fasal 17 hingga 20 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Fasal 21 [Pindaan] -

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Tuan Pengerusi, saya ingin mengusulkan untuk membuang ungkapan “perasaan tidak puas hati” di dalam seksyen 21(1)(c) kerana sekali lagi ia untuk memberi ruang yang jelas dan menunjukkan bahawa apabila ada perhimpunan aman, ia adalah untuk meluahkan perasaan tidak puas hati. Jika ungkapan ini tidak disebut, tidak dimasukkan dalam rang undang-undang ini akan memberikan penjelasan yang lebih tepat bagi pihak kerajaan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam Kertas Pindaan oleh Yang Berhormat Kota Belud yang telah dibentangkan sekarang ini terbuka untuk dibahas.

[Tiada perbahasan]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Kota Belud dalam Kertas Pindaan hendaklah disetujui.

Pindaan dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui.

Fasal 21 sebagaimana dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Fasal-fasal 22 hingga 27 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Jadual diperintah jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang undang-undang dilaporkan dengan ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI
MALAYSIA (PINDAAN) 2011**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.17 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan II [Dato' Donald Lim Siang Chai]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu akta yang bernama Rang Undang-undang Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (Pindaan) 2011 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk mencadangkan Rang Undang-undang Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (Pindaan) 2011. Pindaan ini bertujuan untuk meminda Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) (Akta 533) untuk:

- (i) mewujudkan jawatan baru Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif LHDNM di bawah seksyen 6A; dan
- (ii) memasukkan seksyen baru 10B yang memberi fungsi tambahan kepada Lembaga.

Tuan Yang di-Pertua, secara ringkas Rang Undang-undang Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (Pindaan) 2011 memperuntukkan seperti berikut:

- (a) Fasal 2 untuk meminda seksyen 6A [Akta 533] untuk mewujudkan jawatan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif dalam Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Subseksyen baru 1A memberi kuasa kepada Lembaga untuk melantik dua atau lebih Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif selepas berunding dengan Ketua Pegawai Eksekutif. Dalam keadaan Ketua Pegawai Eksekutif buat sementara waktu tidak dapat menjalankan tugas, menteri hendaklah atas soal Lembaga melantik salah seorang daripada Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif untuk menjalankan tugas-tugas Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia dalam tempoh ketidakdayaan itu; dan
- (b) Fasal 3 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 10B untuk membenarkan Lembaga melaksanakan mana-mana fungsi tambahan sebagaimana yang boleh diarahkan oleh Menteri termasuklah pengurusan wang dan pembayaran wang itu kepada mana-mana orang.

Saya dengan ini memohon supaya Rang Undang-undang Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (Pindaan) 2011 seperti yang dijelaskan sebentar tadi diluluskan oleh Dewan. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ada sesiapa yang menyokong?

Timbalan Menteri Pelancongan [Dato' Dr. James Dawos Mamit]: Saya mohon menyokong Tuan Yang di-Pertua.

■1620

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang undang-undang bernama satu Akta untuk meminda Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia 1995 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ahli-ahli Yang Berhormat...

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: [Bangun]

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Yang Berhormat Indera Mahkota..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Oh, maaf sila Yang Berhormat Indera Mahkota.

4.21 ptg.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan untuk menyatakan pandangan kita berkenaan dengan cadangan untuk meminda rang undang-undang berkenaan dengan Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia 1995 seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri baru sebentar tadi. Apa yang disebutkan tentang pindaan yang dibawa ini ialah kerana kerajaan telah bercadang untuk memperluaskan kuasa dan juga fungsi Lembaga Hasil Dalam Negeri daripada fungsi tradisi iaitu sebagai badan ataupun lembaga yang menguruskan sistem pencukaaian negara daripada sudut penaksirannya, pengutipannya dan juga mengadakan elemen-elemen pematuhan kepada undang-undang percukaaian di dalam negara kita.

Saya baru mendengar baru sekejap tadi pihak Menteri menyatakan dengan spesifik beberapa isu dan frasa kerana inilah kali pertama kerajaan kita mengusulkan atau mencadangkan satu rang undang-undang di mana pihak berkuasa percukaaian dalam negara kita iaitu Lembaga Hasil Dalam Negeri diminta untuk memainkan peranan yang di luar tradisi. Sebelum pada ini tidak pernah ada bidang ataupun tugas yang seperti yang dicadangkan dan perkara ini tidak lain dan tidak bukan kerana pada baru-baru ini dalam pembentangan belanjawan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan, Perdana Menteri menyatakan kerajaan berhasrat menggunakan Lembaga Hasil Dalam Negeri sebagai badan untuk menyalurkan atau membuat pembayaran wang kepada rakyat Malaysia menerusi beberapa kaedah dan cadangan termasuk untuk menjadikan Lembaga Hasil Dalam Negeri ini mempunyai kedudukan untuk mengagihkan wang sebanyak RM500 dan RM1,000.

Kita juga diberitahu bahawa selain daripada hendak menunjukkan niat kerajaan untuk memberikan wang secara tunai kepada rakyat Malaysia atas sebab untuk meringankan beban keluarga. Kebetulan kita dikatakan dalam keadaan krisis kenaikan harga barang, krisis perbelanjaan rumah tangga yang begitu berat jadi sebagai langkah yang dikatakan untuk meringankan sedikit, kerajaan bercadang untuk menyalurkan atau membuat secara langsung atau secara *direct* kepada rakyat Malaysia dan dikatakan bahawa pembayaran itu akan dibuat seberapa segera yang boleh. Ada di antara bayaran-bayaran itu dibuat lebih awal sebagai contoh kerajaan telah pun melalui Kementerian Pelajaran telah pun membuat pembayaran RM100 bagi setiap murid sebagai contoh.

Lanjutan kepada itu kerajaan juga membuat pengumuman bahawa setiap keluarga miskin yang mempunyai pendapatan di bawah daripada RM3,000 akan dijadikan sasaran untuk diberikan wang sebanyak RM1,000 dan RM500 dan kaedah ini menganggarkan bahawa ada 3.5 juta isi rumah yang bakal menerima jumlah wang sebanyak RM500 dan RM1,000. Tugas pelaksanaan untuk memberikan atau mengagihkan wang ini saya dengar diletakkan di bahu Lembaga Hasil Dalam Negeri dan oleh sebab itu kerajaan terpaksa membawa pindaan undang-undang ini kerana tugas untuk memberikan wang secara langsung kepada rakyat Malaysia sebenarnya tidak ada dan tidak pernah menjadi tugas ataupun tanggungjawab yang diletakkan oleh atau kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri mahupun Jabatan Hasil Dalam Negeri sebelum pada ini.

Tugas ini dilihat agak bercanggah kerana kepentingan Lembaga Hasil Dalam Negeri ataupun Jabatan Hasil Dalam Negeri sebelum pada ini bukanlah berfungsi sebagai medium ataupun saluran untuk memberi wang tunai kepada rakyat Malaysia. Ini kerana institusi ini diamanahkan oleh kerajaan sebagai institusi untuk mengutip cukai ataupun mengira cukai atau melaksanakan tanggungjawab percukaaian kepada syarikat-syarikat dalam negara kita, perniagaan-perniagaan dalam negara kita serta rakyat Malaysia yang layak ataupun patut dikenakan cukai dan sejajar dengan ikrar ataupun garis panduan yang dikenakan kepada institusi ini.

Mereka tidak boleh mengutip ataupun mengira ataupun mengenakan, tidak boleh satu sen lebih tinggi ataupun satu sen lebih rendah maka saya sekali lagi melihat ini adalah satu-satunya kepentingan untuk menjadikan tugas asal mereka iaitu mentadbir undang-undang percukaaian kepada fungsi baru iaitu menjadi agensi untuk memberi bayaran ataupun membuat pembayaran.

Tuan Yang di-Pertua, fungsi-fungsi seperti memulangkan balik hasil, fungsi seperti mengambil kira kenangan yang dianggap melampau atau tidak bertepatan kaedah percukaian memang ada seperti fungsi untuk membuat bayaran balik, untuk menunda sesetengah bayaran ataupun juga fungsi untuk mengambil kira cukai yang telah terlebih dikutip dan dipegang terutama apabila adanya keadaan-keadaan *withholding* yang pegang dalam satu tempoh masa yang agak lama.

Saya mendapati fungsi ini langsung tidak disentuh dalam pindaan rang undang-undang ini sedangkan Perdana Menteri atau Menteri Kewangan telah menawarkan kepada Dewan dan juga bakal dilaksanakan kepada rakyat Malaysia dikatakan akan diwujudkan satu sistem di mana bayaran *interest* atau bayaran kadar bunga kepada jumlah wang yang dikutip terlebih dan tersimpan untuk masa-masa tertentu ada satu tawaran untuk mengira dalam masa untuk dituntut atau diberikan pembayaran semula kita kenakan atau kita mengadakan kadar *interest* yang ditawarkan kepada rakyat Malaysia.

Sebagai contoh kalau ada cukai yang terlebih dibayar untuk tempoh satu bulan, kiraan satu kadar peratusan *interest* ditawarkan untuk tujuan pembayar yang membayar lebih tersebut boleh menikmati keuntungan sedikit, ini sejajar dengan aspek pelaburan yang boleh dianggap, yang dibayar terlebih dalam satu masa, tersimpan tanpa apa-apa faedah yang dinikmati oleh seseorang pembayar cukai adalah dilihat tidak adil dari sudut dipegang atau disimpan atau tersimpan tanpa mendapat apa-apa faedah, maka kerajaan mengemukakan tawaran itu.

Namun untuk melaksanakan tawaran yang dilihat baik atau disambut baik oleh kebanyakan pembayar cukai di Malaysia terutamanya badan korporat yang menjadi penyumbang utama kepada jumlah pengutipan cukai ataupun pengiraan cukai yang tinggi tidak dinyatakan dalam rang undang-undang ini, maka sekali lagi saya merasakan tujuan sebenar yang ditawarkan dalam pembentangan belanjawan itu tidak boleh diterjemahkan antara perkara yang didahulukan ataupun yang diutamakan. Saya lihat pada hari ini terbukti bahawa kerajaan telah bergesa-gesa untuk mengusulkan satu pindaan rang undang-undang atau mengadakan satu undang-undang baru untuk tujuan yang sebelum ini tidak pernah terfikir.

Sebagai contoh baru sekejap tadi kita baru meluluskan Rang undang-undang Perhimpunan Aman yang sebelum ini tidak ada sedikit pun dari segi kegunaan atau dari segi kepentingannya, tetapi Parlimen kita telah secara tergesa-gesa tidak ada ribut, tidak ada apa masukkan kegunaan ataupun kepentingan untuk membahaskan dan meluluskan rang undang-undang ini pada kadar yang segera sehingga kita sanggup mengehadakan tempoh perbahasan. Baru sekejap, beberapa minit yang lepas, kita telah pun meluluskan rang undang-undang tersebut.

■1630

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Yang Berhormat.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Dari sudut ini, saya merasakan rakan di Barisan Nasional juga sepatutnya merasa sedikit malu terhadap kepentingan. Kalau betul Yang Berhormat Kota Belud merasakan Parlimen ini patut digunakan untuk menterjemahkan kerajaan atau pemerintah mengutamakan kepentingan rakyat, mengapakah janji yang kita buat untuk memberikan kelebihan atau memberikan sedikit manfaat kepada rakyat Malaysia itu terutama dalam kes ini, pembayar cukai, mengapa kita ke belakangkan?

Saya tidak tahu bila agaknya perkara ini akan dibawa untuk membolehkan Kerajaan Malaysia benar-benar menjadikan manfaat yang dijanjikan itu boleh dinikmati oleh rakyat ataupun pembayar cukai.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiangdee) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Ini disebabkan tidak ada. Dalam rang undang-undang ini tidak ada pindaan. Pindaan itu sangat mustahak untuk dibentang dan diluluskan untuk membolehkan mereka itu mendapat manfaat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak beri jalan Yang Berhormat?

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Boleh.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma ingin komen sedikit Yang Berhormat Indera Mahkota. Kata tadi Perhimpunan Aman 2011 itu dibuat secara tergesa-gesa tanpa ribut, tanpa apa-apa, Kerajaan Barisan Nasional membawanya ke Parlimen. Mungkin Yang Berhormat tidur dalam masa enam bulan ini. Dalam perutusan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 15 September, jelas dan nyata beliau ada mengatakan bahawa satu undang-undang akan dibawa ke dalam Parlimen dan undang-undang itu akan dinamakan dan yang akan mengenal pasti peruntukan-peruntukan untuk perhimpunan aman. Jadi, rasanya Yang Berhormat tidur mungkin.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Terima kasih. Soal saya tidur atau tidak, saya tidak tahu. Akan tetapi saya ingat dalam kes ini Yang Berhormat Kota Belud yang tidur nyenyak. Saya berdasarkan pada kertas aturan mesyuarat yang kita berikan setiap hari. Kalau Yang Berhormat... *[Merujuk kepada YB Kota Belud]* Jangan keluar dahulu!

Ini disebabkan kalau Yang Berhormat Kota Belud perhatikan seminggu yang lepas, daripada seminggu yang lalu, tidak ada pun peraturan mesyuarat yang diletakkan dalam aturan mesyuarat, rang undang-undang yang berkenaan dengan perhimpunan aman, tidak ada. Yang adanya, semua rang undang-undang yang berkenaan dengan pencen, kewangan, Lembaga Hasil Dalam Negeri, Rang Undang-undang Penyelarasan Pencen Saraan Hakim dan juga rang undang-undang berkenaan dengan kewangan. Tidak ada Rang Undang-undang Perhimpunan Aman. Itu daripada dua minggu atau seminggu yang lepas, dalam aturan mesyuarat.

Akan tetapi minggu lepas, hujung minggu lepas, Rang Undang-undang Perhimpunan Aman dimasukkan dalam aturan mesyuarat. Saya tidak tidur. Memang saya perhatikan dan saya pernah bertanya kepada Yang Berhormat Menteri yang menjaga Parlimen, mengapa rang undang-undang ini tiba-tiba dimasukkan sedangkan dalam kertas aturan mesyuarat, sejak dua minggu lalu, tidak tercatat sama sekali... *[Disampuk]* Tidak ada. Rang undang-undang GST pun ada, daripada tahun lepas lagi kita bawa, ditangguhkan satu-persatu, sehingga ke sekarang. Akan tetapi Rang Undang-undang Perhimpunan Aman tidak ada...

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: *[Bangun]*

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Kalau itu, saya hendak beritahu, tidur, masalah tidur itu mungkin tidak.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: *[Bangun]*

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Akan tetapi Yang Berhormat Kota Belud, saya rasa mungkin tidak tidur. Cuma tidak berapa endah pada kertas peraturan mesyuarat yang kita berikan ini. Memang tidak ada.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Saya membaca ikut...

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Akan tetapi tidak mengapalah.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Ya. Saya membaca tetapi tidak salah Yang Berhormat, kalau pun dibuat...

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Mengenai perhimpunan aman ini... *[Disampuk]* Yang Berhormat Kota Belud sendiri pun sudah beri pindaan tadi, kalau hendak keluar pun bolehlah. Terima kasih.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Boleh Yang Berhormat Indera Mahkota? Bertanya sedikit sahaja. Sahaja perbincangan ilmiah, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Indera Mahkota. Walaupun dia kata dibawa tergesa-gesa, saya menjadi Ahli Parlimen sejak tahun 1986. Ada di waktu dan ada kalanya memang rang undang-undang dibawa begini. Dalam hal Rang Undang-undang Akta Perhimpunan Aman ini, dibentangkan pada hari Khamis baru-baru ini. Kemudian hari Jumaat, hari Sabtu, hari Ahad cuti. Ada tiga hari. Jadi, maknanya lebih mencukupi kalau hendak membaca, hendak meneliti untuk dibahaskan pada hari ini. Jadi, saya rasa tidak berbangkit kecuali kalau kita hendak menjadikannya isu. Terima kasih.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Terima kasih Yang Berhormat Pasir Mas. Saya tidak kata perkara ini tidak boleh sebab kerajaan boleh mengusulkan apa yang ia rasakan berkepentingan untuk kepentingan kerajaan. Tidak mengapa. Dalam masa dua hari pun boleh buat. Saya tidak mempertikaikan perkara itu. Cuma saya katakan Ahli-ahli Dewan tidak diberitahu dalam kertas aturan mesyuarat pada mana-mana yang meneliti aturannya, sekurang-kurangnya dua minggu ataupun sepuluh hari terkebelakang. Ini disebabkan kita perlukan persediaan. Saya rasa kebanyakan daripada Ahli Dewan kita ingin juga meneliti sesuatu rang undang-undang yang bakal kita persetujui ataupun bakal kita tolak. Kita perlu juga masa untuk menelitinya.

Soal berkenaan dengan kurang daripada satu minggu notis tersebut, saya tidak menjadi halangan... *[Disampuk]* Saya tidak mahu cerita pasal Rang Undang-undang Perhimpunan Aman... *[Disampuk]* *[Dewan riuh]* kerana Yang Berhormat Kota Belud yang bertanya. Saya tidak berminat...

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Tidak payah cakap perhimpunan amanlah. Tadi tidak mahu bercakap. Cakap bab lainlah.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Saya tidak berminat.

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Bab undang-undang sekarang. Tadi tidak mahu cakap. Mengapa lari tadi.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Yang Berhormat Lenggong, bangun, bangun. Saya berikan peluang kepada Yang Berhormat Lenggong.

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Tidak perlulah.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Saya berikan peluang.

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Tidak mahu cakaplah. Tidak mahu dengar.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: *You* hendak bercakap atau tidak mahu?

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Tidak mahu.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Kalau tidak mahu mendengar, tidak mengapa. Saya tidak berminat... *[Disampuk]* Hendak bercerita, bercakap tentang rang undang-undang yang memang kerajaan atau Barisan Nasional luluskan baru sekejap dalam keadaan tergesa-gesa. Cukup setakat itu saya kata.

Saya hendak bertanya kepada menteri yang bertanggungjawab tentang rang undang-undang sekarang iaitu tujuan kita hendak meminda, hendak memasukkan perkara 10B yang sebelum ini tidak ada di bawah Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri. Kita tahu tujuannya memang hendak menjadikan Lembaga Hasil Dalam Negeri sebagai medium ataupun saluran ataupun kaedah mereka hendak membayar wang kepada rakyat. Itu kita sokong. Bukan kita tidak sokong. Saya tidak mengatakan kita menentang perkara ini. Cuma saya katakan mengapa kerajaan hendak membayar atau hendak memberikan duit kepada rakyat RM100 sehingga RM1,000 tetapi menggunakan Lembaga Hasil Dalam Negeri dan kita tahu proses untuk terima RM500 dan RM1,000 itu menjadi lebih rumit dari sebelum ini. Itu persoalannya, mengapa digunakan Lembaga Hasil Dalam Negeri?

Saya hendak bertanya dengan pasti, pagi tadi Menteri yang menjaga kementerian ini ada memberikan gambaran bahawa mungkin keputusan untuk melaksanakan, memberi RM500 dan RM1,000 ini akan diubah.

Maknanya, ada kemungkinan Lembaga Hasil Dalam Negeri tidak jadi digunakan untuk tujuan beri duit kepada orang sebanyak RM500 atau RM1,000, hendak menggunakan kaedah lain untuk membuat pembayaran. Kalau betul kaedah itu hendak digunakan atas sebab baru-baru ini ada rungutan daripada rakyat mengatakan bahawa kalau betul hendak beri RM1,000 atau RM500 kepada rakyat miskin, mengapa hendak mensyaratkan rakyat perlu pergi mendaftar dahulu, mendaftar diri, mengisi segala dokumen yang perlu diisi di Lembaga Hasil Dalam Negeri? Mengapa?

Kalau betul, niat kita betul untuk meringankan beban rakyat terutama apabila katanya untuk meringankan hendak memulakan sesi persekolahan dan sebagainya, RM1,000, RM500, betul. Hendak beri serta-merta dengan segera kepada rakyat tetapi mengapa disyaratkan supaya pergi berdaftar dahulu dengan Lembaga Hasil Dalam Negeri? Pernah dahulu dibangkitkan golongan miskin yang ada di dalam negara kita yang disasarkan oleh pihak kementerian, kata ada 3.5 juta orang. Ini sasaran yang kita hendak buat. Cuba bayangkan bagaimana huru-harunya 3.5 juta rakyat Malaysia yang dianggap layak, yang menjadi sasaran untuk diberikan RM1,000 dan RM500, kita mensyaratkan mereka beratur ke Lembaga Hasil Dalam Negeri, di negeri-negeri ataupun di peringkat Pusat di Jalan Duta untuk tujuan mendaftar dan mendapatkan nama, alamat serta maklumat mereka dicatat atau didaftarkan dalam daftar pangkalan data Lembaga Hasil Dalam Negeri untuk diproses, barulah mereka dianggap layak untuk menerima RM500 dan RM1,000.

Saya pernah bangkitkan. Ramai Ahli-ahli Yang Berhormat membangkitkan. Kita bimbang prosedur untuk mengikat atau mensyaratkan mereka ini mesti berdaftar dahulu untuk melayakkan mereka mendapat RM500 atau RM1,000 mengakibatkan beban itu lebih teruk daripada sebelum dia mendapat RM500 ke RM1,000. Kaedah yang diamalkan apabila seseorang itu mendaftar, maklumat peribadi dan maklumat berkenaan dengan bakal pembayar cukai itu perlu diproses, perlu dilihat. Bukan sahaja dari sudut identiti mereka. Lembaga Hasil Dalam Negeri perlu menjalankan tugas tradisi, tugas asas, tugas yang memang menjadi tugas hakiki mereka. Mereka perlu mengkaji sama ada seseorang itu layak dikenakan cukai atau tidak. Ini perkara yang asas. Kalau tujuan untuk mengambil data seseorang itu untuk tujuan penyimpanan data, itu bukan tugas Lembaga Hasil Dalam Negeri.

■1640

Kita tidak membuat pindaan rang undang-undang untuk membolehkan Lembaga Hasil Dalam Negeri mengutip dan mewajibkan seseorang itu mendaftar dan menyerahkan maklumat mereka kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri untuk tujuan menerima RM500 atau RM1,000. Ini tidak ada di dalam pindaan. Pindaan ini hanya dikatakan untuk meluaskan tugas lembaga itu sendiri iaitu Pengerusinya ataupun Timbalan Pengerusinya yang bakal dilantik oleh kuasa yang ada di dalam lembaga. Itu tidak dinyatakan sama sekali.

Maka saya sendiri juga hendak tahu, rakan-rakan saya juga mungkin hendak tahu, pindaan itu bila hendak dibuat. Yang hendak membolehkan seorang rakyat Malaysia pergi mendaftarkan diri untuk tujuan menerima wang. Ini tidak ditumpukan juga dalam pindaan ini. Maka janji kerajaan untuk hendak beri wang RM500 dengan RM1,000 bila hendak dibuat? Adakah benar janji kerajaan mengatakan hendak buat perkara ini serta-merta ataupun 1 Januari atau 2 Januari 2012 benar-benar dijanjikan akan terlaksana. Kalau pindaan ini tidak dibuat hari ini, bila lagi Kerajaan Barisan Nasional hendak membuat pindaan itu untuk tujuan beri benar-benar wang kepada rakyat seperti yang dijanjikan.

Kalau tidak ada pindaan, saya berani katakan kerajaan berbohong. Kerajaan cuma hendak beri rakyat sedap hati sahaja. Hendak beri RM500 dan RM1,000 sedangkan pindaan tidak dibuat. Kalau pindaan itu tidak dibuat, makanya Lembaga Hasil Dalam Negeri tidak boleh memainkan peranan untuk tujuan mengagihkan wang tersebut. Kalau begitu kedudukannya Tuan Yang di-Pertua, maka sah apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tugas ini sebenarnya tidak sebagaimana yang disebut atau dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri/Menteri Kewangan.

Kalau begitu tidak salah kalau saya katakan apa yang dijanjikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri/Menteri Kewangan adalah *flip flop* dan tidak betul. Tidak ada.

Itu janji yang disebut dalam pembentangan belanjawan yang hendak dibuat tidak ada. Maka kalau begitu apa guna kita *announce*, kita isytiharkan yang kerajaan prihatin, kerajaan merasa beban rakyat meningkat dan sebagainya maka kerajaan mengusulkan RM500 hendak diberi serta-merta, RM1,000 kepada berpendapatan golongan berpendapatan RM3,000 ke bawah serta-merta dan jumlahnya adalah RM1.3 bilion. Ini juga yang diumumkan dalam Belanjawan 2012 yang telah pun kita lulus. Kita sama-sama luluskan. Jadi yang di manakah sebenarnya jumlah RM1.3 bilion yang diperuntukkan untuk diberi kepada rakyat hendak dibuat sedangkan pindaan tidak ada. Hendak digunakan kuasa apa untuk diberi kepada rakyat?

Jadi saya rasa tidak apa kalau rakan-rakan Barisan Nasional mengatakan mereka tidak endah tidak apa, baiklah. Saya minta Dewan ini merekod, tidak ada seorang pun rakan-rakan di bahagian Barisan Nasional memikirkan janji yang sepatutnya Barisan Nasional kotakan kepada rakyat, memberikan RM500 dan RM1,000 sebenarnya tidak ada seorang pun yang membangkitkan perkara ini malah saya bangkitkan mereka minta supaya berhenti bercakap mengenai berkenaan dengan usul ini.

Kita boleh rekod. Saya berani rekodkan perkara ini memang tidak ada seorang pun hendak memperbetulkan perkara ini dan Yang Berhormat Timbalan Menteri faham sekiranya tidak ada pindaan yang dibuat maka kerajaan tidak boleh melaksanakan urusan ini kerana undang-undang itu mereka yang tadbir, bukan kita. Kalau kita yang menjalankan urusan hendak memberikan duit kepada rakyat saya rasa kita tidak perlu gunakan Lembaga Hasil Dalam Negeri untuk tujuan pendaftaran.

Saya mendapat maklumat juga, ada di antara ejen-ejen yang sekarang ini Tuan Yang di-Pertua, sedang menawarkan diri kepada golongan miskin yang sekarang tertanyanya, bilakah mereka akan dapat RM500 dengan RM1,000. Mereka berhasrat dan berharap benar perkara ini mereka boleh dapat. Mereka tidak tahu hendak buat bagaimana. Ada setengah itu mereka didekati dan mereka menawarkan khidmat kata saya boleh tolong untuk mendapatkan RM500 dan RM1,000. Cara mendaftarnya boleh beri saya salinan kad pengenalan, beri saya maklumat itu dan ini dan saya boleh tolong daftarkan untuk membolehkan saudara atau siapa-siapa mendapat menjadi orang yang boleh mendapat RM1,000 atau RM500.

Apa yang berlaku mereka ini sebenarnya ejen-ejen yang bertauliah bukannya tidak bertauliah. Ejen-ejen yang boleh kita lantik ataupun dilantik untuk tujuan ini tetapi mereka akan kenakan bayaran perkhidmatan. Mereka bukan buat kerja percuma. Mereka akan kenakan bayaran. Jadi sekarang ini apakah kita hendak biarkan isu ini berlarutan tanpa ada satu pengumuman yang betul-betul tegas dan betul-betul terang ataupun jelas. Adakah kita hendak biarkan suasana ini berterusan sehingga tahun hadapan. Bilakah agaknya kerajaan benar-benar hendak nyatakan, memang hendak beri, hendak bantu rakyat. Kemudian cara membantu rakyat itu ialah jangan benarkan ada unsur penyelewengan atau unsur ada orang yang mengambil kesempatan pula terhadap orang yang sedia ada miskin dan sedia ada susah.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang menjaga EPU sendiri mengakui bahawa 67 peratus rakyat Malaysia sekarang duduk di bawah paras pendapatan RM2,700 sahaja sebulan. Kalau ini diambil kira sebab beliau mengatakan jumlah ini telah pun meningkat dari semasa ke semasa kerana kajian semula telah dibuat untuk mengenal pasti golongan yang patut menerima dan boleh diterima. Kerajaan boleh buat secara serta-merta. Ulangan yang disebut secara berkali-kali kerajaan bercadang untuk mengeluarkan bayaran ini secara serta-merta. Maknanya kalau tahun hadapan itu dianggap boleh dikata lebih daripada 60 peratus golongan sasarannya telah pun menerima ataupun telah mendapat wang yang telah dijanjikan oleh kerajaan ini.

Akan tetapi sekarang ini sudah pun hampir memasuki bulan 12 dan kita tidak ada nampak bayangan di mana perkara ini boleh dilaksanakan dengan segera. Sebab itu saya mengambil kira apa yang saya dengar, kerajaan nampak gaya ada satu kaedah lain pula bukan menggunakan saluran seperti mana yang dilaporkan. Dia kata hendak buat melalui Lembaga Hasil Dalam Negeri dan juga Pejabat Pos seperti di dalam ucapan Belanjawan yang dibaca oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Perkara ini memang perlu saya rasa kalau atas sifat membantu golongan miskin memang lebih perlu disegerakan berbanding dengan hendak segerakan menyekat atau mengusulkan Rang Undang-undang Perhimpunan Aman untuk diluluskan pada hari ini. Maaf, Tuan Yang di-Pertua jumlah tadi sebenarnya RM1.8 bilion bukan RM1.3 bilion yang dijanjikan. Ini ada diberitahu dalam buku pembentangan belanjawan kita yang saya masih lagi simpan.

Begitu juga dengan pentadbiran dan pelaksanaan undang-undang percukaian yang lain. Baru-baru ini juga disebut dan ditanya berkali-kali Yang Berhormat Menteri memberi jaminan dan memberi janji jawapan itu akan diberi sebelum habis atau sebelum tamat persidangan pada hari ini. Namun sehingga sekarang bayang pun saya tidak nampak. Sehingga saya tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri dia pun lupa sudah soalan itu. Bukan kata hendak jawab atau hendak beri jawapan, soalan pun sudah lupa sudah. Saya tanya bagaimana pengumuman kerajaan berkenaan dengan pengecualian duit setem untuk rumah yang dijanjikan akan ada jawapan atau diberitahu semula kerana tugas membayar setem duit juga akan dipungut oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri seperti mana yang dibincangkan pada hari ini. Sepatutnya ada pindaan dibuat kerana ini selaras dengan gendang yang kerajaan pukul kuat-kuat kata kerajaan hendak wujudkan, hendak bina banyak perumahan bawah Skim Perumahan PR1MA, yang dikatakan untuk tujuan membantu golongan yang miskin dan tidak pernah ada rumah dalam negara kita.

Ini pagi tadi pun Yang Berhormat Menteri menjawab, Menteri yang bertanggungjawab pada perumahan pun menjawab bahawa Dasar Perumahan Negara disebut. Semua media perdana siarkan berita tengah hari tadi. Kesungguhan kerajaan hendak galakkan rakyat Malaysia boleh beli rumah sebab itu kerajaan kata usulkan supaya ada pengecualian dalam pungutan duit setem atas surat cara perjanjian pembelian rumah untuk Skim Rumah Pertamaku yang disebut.

Dahulu dikatakan rumah yang bernilai kurang daripada RM300,000 sehingga RM350,000 diberikan pengecualian 50 peratus. Kemudian baru-baru ini untuk galakkan lagi naikkan pinjaman sehingga RM400,000 untuk pengecualian kepada 100 peratus. Saya bertanyakan tentang soalan itu sampai sekarang. Yang mana satu yang betul pun tidak ada. Sampai sekarang itu janji, yang tidak janji tidak usah kiralah. Ini dijanji sendiri.

■1650

Saya tanya kali kedua kepada pihak yang bertanggungjawab, soalan pun lupa. Tidak usah kata hendak ada satu pengumuman untuk memberi kepastian yang masa satu had yang dibenarkan oleh undang-undang. Itu pun juga dalam pembentangan rang undang-undang ataupun memasukkan beberapa frasa untuk meminda perkara tidak langsung dimasukkan, tidak ada. Sekali lagi saya katakan rang undang-undang pada hari ini Rang Undang-Undang Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia 1995 hanya hendak beri kuasa, hendak minta kuasa untuk pengerusinya melantik satu timbalan atau lebih timbalan kerana untuk tugas-tugas tertentu.

Keputusan kerajaan untuk beri pengecualian, beri kemudahan kuasa untuk membayar wang memberi wang kepada rakyat tidak didahulukan. Mungkin ada kemudian, saya tidak tahu. Mungkin sidang lain yang saya hendak buat. Akan tetapi kita cuma ada dua hari sahaja, esok Rabu dan lusa Khamis. Kalau hari ini sudah sah tidak ada perkara ini dimasukkan di dalam aturan mesyuarat. Sebab itu saya katakan perkara yang disebut dengan jelas dalam Dewan Ini berkenaan dengan janji Kerajaan Barisan Nasional dan UMNO untuk beri kemudahan kepada rakyat hendak ringankan beban rakyat, termasuk berkenaan dengan hendak berikan galakan pengecualian untuk menggalakkan rakyat Malaysia beli rumah untuk golongan yang miskin sebenarnya janji sahaja. Janji yang tidak mungkin akan ditunaikan sehingga hari ini tidak ada.

Dalam aturan mesyuarat hari ini tidak dimasukkan pindaan untuk membolehkan perkara itu dilaksanakan. Kalau tidak ada pindaan macam mana pentadbir cukai hendak laksanakan peraturan itu? Pentadbir Cukai Lembaga Hasil Dalam Negeri tidak mungkin hendak melaksanakan perkara itu tanpa ada pindaan rang undang-undang yang jelas memberi kuasa mereka untuk melaksanakan.

Saya tidak faham dan saya sangat tidak faham sebab terbukti hari ini rakan-rakan Barisan Nasional yang duduk sebelah sana yang mustahak kepada mereka adalah mengikut sahaja apa yang disuruh, sokong, sokong. Yang tidak suruh sokong, tidak sokong. Oleh sebab itu saya katakan setakat ini tidak ada seorang pun Tuan Yang di-Pertua yang cuba mengingatkan kita semua yang kerajaan sendiri hendak buat sebenarnya masih tidak boleh dibuat kerana kita belum lagi mengemukakan satu rang undang-undang pindaan untuk membolehkan cadangan itu dilaksanakan. Tidak ada seorang pun. Seorang pun tidak ada sehingga petang ini, satu orang pun tidak ada sebelah penyokong kerajaan.

Saya katakan semua rakan-rakan dalam Barisan Nasional di sebelah sana memang bunyinya menyokong tetapi sebenarnya menyebabkan kerajaan menjadi tercemar dan tercalar imej dia. Macam mana kita boleh usulkan kononnya untuk membantu rakyat meringankan beban rakyat sedangkan pindaan undang-undang tidak dibawa. Adakah kita hendak langgar atau hendak putus sahaja seperti mana kita putus rang undang-undang pagi tadi? Ini perkara yang tidak munasabah. Saya bukanlah pakar atau bukanlah orang yang tahu mengenai rang undang-undang dan mahir. Akan tetapi perkara ini tidak perlu seorang pakar pun bagaimana kita hendak laksanakan satu perkara yang undang-undang kita tidak pinda atau tidak diberi kuasa? Ada banyak lagi, 21 perkara yang menyentuh tentang bidang cukai yang akan dilaksanakan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri. Lain kuasa atau bidang ini tidak duduk pada pihak lain.

Kalau meneliti buku rang undang-undang yang dibentangkan ini ada 21 perkara dan diletakkan dalam lampiran semuanya berkenaan dengan pindaan memberi kuasa meminda dan meningkatkan keupayaan sehingga kata kesemuanya ialah untuk menambah baik sistem pentadbiran dan pematuhan yang akan dilaksanakan oleh pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri sehingga petang ini tidak ada pembentangan dan tidak ada cadangan diberi. Saya hendak tanya kepada pihak Menteri, mana yang lebih mustahak. Hendak beri Lembaga Hasil kuasa untuk melantik Timbalan Pengerusi dalam lembaga sahaja atau lebih mustahak membawa pindaan rang undang-undang untuk membolehkan rakyat menikmati apa-apa janji serta kebaikan ataupun kemudahan sedikit bising tawarkan kita hebah rakyat akan dapat.

Mana lebih mustahak. Mengutamakan yang ini ke hendak utamakan pindaan yang sedikit. Di mana pergi janji kata rakyat diutamakan, di mana? Kalau hal ini saya tetap mengatakan sehingga petang ini tidak ada sedikit pun sehingga habis sidang hari ini masih tidak ada sedikit pun gaya nampak yang kerajaan hendak bawa pindaan rang undang-undang itu untuk membolehkan rakyat dibantu sebagaimana yang di janji setidak-tidaknya untuk dua perkara iaitu pemberian wang tunai, wang saku RM500 atau RM1,000 secara langsung kepada rakyat dan juga untuk pengecualian duti setem kepada pinjaman perumahan Skim Perumahan Pertamaku. Kedua-dua ini langsung tidak ada. Saya ada beberapa perkara lain yang saya hendak sebut, saya tidak tahu sama ada saya terdekat dengan waktu yang dibolehkan...

Dato' Ibrahim bin Ali [Pasir Mas]: Sudah panjang...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Boleh habiskan.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Saya katakan perkara dengan aspek *refunding* dan *repayment* setakat ini Timbalan Menteri juga menyebut berkali-kali bahawa perkara ini hendak ditimbang dan dirumuskan semula. Saya tidak tahu apa maksud disebutkan oleh Timbalan Menteri aspek *refunding* atau *repayment* yang selama ini dianggap sebagai satu urusan yang terlalu rumit sedangkan kerajaan sampai mengusulkan bahawa kita akan bagi satu kadar keuntungan. Maknanya kalau lambat pembayaran balik dibuat kerajaan tawarkan beberapa *percent* keuntungan atas jumlah yang disimpan oleh Lembaga Hasil kepada pembayar cukai yang terlebih bayar atau sepatutnya menerima *refunding* atau *repayment*.

Perkara itu juga nampak gaya belum ada cadangan termasuk dalam pindaan atau rang undang-undang untuk meminda Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri untuk membolehkan Lembaga Hasil menimbang bayaran kadar bunga ataupun *interest* yang bakal diberi.

Sebagai contoh saya membayar lebih sebanyak RM2,000, kalau 2 peratus dijanjikan keuntungan atas RM2,000 yang saya dipegang begitu lama kerajaan melalui Lembaga Hasil menjanjikan tambahan 2 peratus sebagai kadar keuntungan yang bakal diterima atau jumlah yang dipegang terlebih bayar.

Sampai itu dijanjikan sampai sekarang tidak ada apa-apa pindaan dibawa untuk Lembaga Hasil memberi kuasa membawa kuasa itu. Begitu juga tentang kedudukan cukai pegangan. Di sini saya sebutkan sekali lagi sebab saya rasa tidak munasabah Tuan Yang di-Pertua kalau Timbalan Menteri atau pihak Menteri tidak ingat atau terlupa *so we are holding* cukai pegangan *we are holding tax* di bawah seksyen 107. Ini berkali-kali. Seingatan saya berkali-kali perkara ini disebut, berkali-kali jugalah Menteri berjanji jawapan ini akan diberi, sekiranya tidak diberi secara lisan secara bertulis. Berkali-kali perkara yang sama aspek ini.

Saya rasa biarlah disebut seksyen 107 ini pihak Menteri sepatutnya terus memahami apakah persoalan yang berkali-kali disebut kerana saya fikir eloklah saya bawa dalam peringkat jawatankuasa kerana ini menyentuh tentang fungsi yang spesifik iaitu soal cukai pegangan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pasir Mas.

4.58 ptg.

Dato' Ibrahim bin Ali [Pasir Mas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Akta untuk meminda Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri. Saya hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri yang akan menjawab ini, selalunya apabila ada pembentangan Belanjawan cukai rokok selalu naik, tahun ini tidak naik. Akan tetapi yang tidak naik langsung cukai judi. Cukai minuman keras jarang-jarang, ada waktu naik, lama tidak naik selepas itu naik. Jadi saya hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sejauh manakah pemantauan yang telah dibuat ke atas syarikat-syarikat yang mendapat lesen menghalalkan judi ini. Saya bukan menyokong judi, tetapi yang menghalalkan judi ini, lesen ini. Dari segi cukai.

Jadi berapa jumlah cukai yang dipungut? Setahu saya selain daripada yang mengeluarkan lesen loteri kemudian ada dia sebut empat nombor ekor kalau tidak silap saya, saya selalu terpandang ke kedai-kedai merata tempat ada Da Ma Chai dia sebut, Magnum, Berjaya Toto dan mereka-mereka ini melakukan *draw* bukan sahaja dua kali seminggu kalau tidak silap saya tetapi dalam sebulan itu ada dua kali *special draw*.

■1700

Jadi bermakna berapa banyak mereka yang membeli tiket-tiket ini untuk mempertaruhkan nasib mereka melalui tiket ini kutipannya berapa dan saya tidak tahu berapa banyak mereka yang mendapat lesen ini membayar cukai. Ini kerana saya percaya di negara kita ini masih ada lagi golongan-golongan yang pandai yang menjadi pengelak membayar cukai. Memang setiap syarikat ada audit masing-masing yang terpaksa difailkan kepada *Registrar of Societies* dengan akaun masing-masing yang diaudit oleh akauntan-akauntan bertauliah.

Saya tidak percaya bahawa Jabatan Hasil Dalam Negeri mempunyai cukup kakitangan oleh kerana banyaknya syarikat, besarnya syarikat. Jadi lebih kurangnya penyiasatan itu dibuat tetapi saya percaya kerajaan menanggung kerugian yang banyak dari segi hasil ini. Saya tidak tahu berapa banyak tetapi termasuklah yang saya sebut tadi syarikat judi. Syarikat minuman keras ini saya hendak tahu berapa banyak dari segi cukai dan adakah cukai-cukai yang dipungut ini diasingkan ataupun disatukan dalam tabung wang amanah ataupun diasingkan, sebab wang ini daripada kaca mata umat Islam ianya haram.

Jadi saya hendak mencadangkan supaya wang seumpama ini diletakkan satu tempat dan digunakan untuk membantu pelajar-pelajar yang tidak beragama Islam yang kita tahu sekarang ini masalah mendapat biasiswa pelajaran susah tetapi digunakan untuk pendidikan kaum masyarakat Tionghoa, kaum masyarakat India.

Digunakan untuk ini dan biasiswa yang terhad untuk kaum bumiputera dan pelajar Islam ini digunakan dana daripada kerajaan seperti JPA sebab pelajar-pelajar khususnya Islam tidak boleh guna duit seumpama ini. Jadi oleh kerana kerajaan mengizinkan mengeluarkan lesen begitu banyak kepada masyarakat bukan Islam yang orang Islam tidak boleh dalam bidang ini yang mana saya kata *money spinning* dalam bidang ini berbilion-bilion ringgit manfaatkanlah sepenuhnya. Jadi ini yang kita utarakan selama ini kepentingan pelajar-pelajar, bukan bumiputera, kaum bumiputera di mana yang mereka mendapat manfaat di mana orang-orang Islam tidak boleh menjalankan operasi perniagaan seumpama ini. Saya tengok cukai pun tidak naik seperti yang saya sebutkan tadi. Oleh sebab itu saya hendak tahu berapa banyak. Saya hendak tengok angka nanti munasabahkah?

Saya percaya memang banyak kerana saya lalu waktu pagi di kedai-kedai kawasan saya pun saya tengok macam orang hendak beli tiket wayang, panjang berderet. Rupanya orang beli nombor ekor. Jadi saya percaya kalau didarab memang tidak sedikit dan ini kegiatan yang memang tidak baik yang dilarang oleh Islam tetapi hendak tidak hendak di Kelantan pun ada jualan minum arak. Kelantan kata ini untuk orang bukan Islam, yang lesen ini pun untuk orang bukan Islam tetapi adalah pihak-pihak yang mengambil kesempatan tetapi ini saya hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan.

Satu lagi saya hendak tanya sejauh mana Lembaga Hasil Dalam Negeri turut menjejak syarikat-syarikat yang melibatkan diri dalam pelaburan yang saya anggap haram tetapi ada syarikat dia menjalankan perniagaan secara langsung tetapi dalam bidang pelaburan. Dahulu kita dengar Pak Man Telo cerita dahulu, lepas itu macam-macam skim. Manakala yang terbaru ini baru dua, tiga hari saya balik ke kawasan saya di Pasir Mas ada yang datang daripada Kuala Lumpur menjual satu skim, saya tidak hendak sebut nama syarikat untuk memberi keadilan kepada mereka tetapi dia kata kalau melabur RM2,950 orang yang membawa pelabur ini dapat RM200. Kemudian *benefitnya* akan dibayar insurans kereta tiap-tiap bulan sehingga langsung, akan dibayar insurans rumah tiap-tiap bulan sehingga langsung dan boleh menjana pendapatan RM10,000 ke RM20,000. Ada lagi.

Dahulu macam-macam skim. Ramai sudah kena. Ada skim-skim yang terkena ini bukan orang biasa, orang kampung. Pegawai polis pun turut melabur, guru-guru turut melabur. Mereka tertarik dengan *return* lebih hebat daripada simpanan tetap, daripada Tabung Haji yang halal. Mereka berpusu-pusu sehingga ada yang pinjam duit daripada bank, ada yang jual tanah, ada yang gadai rumah. Saya bangkit di sini ialah ada syarikat seumpama ini dapat mengumpul banyak duit dan cukai tidak bayar. Saya percaya mereka pun tidak bayar cukai. Jadi banyak *loophole* dalam mengejar pembayar-pembayar cukai ini.

Sama juga orang-orang yang dapat peluang-peluang perniagaan besar-besar iaitu yang menjadi broker. Broker, tahu broker? Broker ini komisen ejen. Dia tukang kira, dia dapat beberapa peratus dan dia dapat *cash*. Jadi ini payah hendak dikesan untuk dibayar cukai. Macam di Kelantan contohnya ramai mereka yang diberi konsesi kawasan balak. Mungkin ada juga negeri lain, 200 ekar, 100 ekar, 300 ekar. Dia tidak mengusahakan sendiri. Dia jual kepada *loggers* (pembalak). Pembalak bayar *cash* setengah juta, RM500,000, RM400,000 dan mereka mengelak cukai. Saya percaya mereka mengelak cukai. Ini pun tidak sedikit kerajaan hilang cukai dan yang mengelak cukai ini Tuan Yang di-Pertua saya tidak tahulah kadang-kadang nampak seseorang itu pakai ketayap. Pakai ketayap itu memanglah kita tengok orang itu alim tetapi memang ramai juga yang pakai ketayap ini alim tetapi ada yang berjubah, ada yang ketayap, ada yang dalam parti Islamkah dapat kawasan balakkah walaupun bercakap Islam kalau dapat duit *cash* patut bayar cukai saya rasa belum tentu dia bayar cukai ataupun tidak.

Saya sebut ini sebab ini hasil untuk negara, untuk rakyat. Orang lain tidak berupaya mendapat kawasan balak, orang lain tidak berupaya mendapat projek kita katakan runding teruskah? Tidak ada kesempatan mendapat anugerah tanah, hanya mereka yang tertentu dan mereka mendapat faedah. Syarikat yang memaju patut membayar cukai dengan betul, yang juga memainkan peranan sebagai konsultan dan sebagainya itu yang dipanggil perunding patut juga bayar cukai kerana orang lain tidak berkesempatan mendapat manfaat seperti berikut. Cuma cukai yang mereka bayar sama ada bayar zakat dan juga bayar cukai kepada kerajaan inilah dapat membantu mereka yang tidak ada kesempatan kerana duit cukai itu diguna oleh kerajaan untuk pembangunan.

Jadi saya tidak tahulah tinggal lagi saya ucap tahniah kepada pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri kerana setakat ini saya tengok pungutan cukai semakin hari semakin meningkat. Cuma tinggal lagi sasarannya ke sini. Memang yang kecil-kecil pun dipukat tetapi saya harap gunalah kebijaksanaan, gunalah hikmah yang ada di kalangan kakitangan Jabatan Hasil Dalam Negeri. Maknanya hendak kejar itu semua rakyat bertanggungjawab membayar cukai kalau dia wajib membayar cukai. Akan tetapi yang penting kejar yang saya sebut tadi. Kejar, kejar mereka ini sebab mudah sahaja hendak kejar mereka ini.

Kalau kita tengok tidak nanti orang lapor sebenarnya. Kakitangan Lembaga Hasil Dalam Negeri boleh pusing di seluruh negara sekarang ini. Tengok rumah siapa, banglo siapa, chalet siapa, apartmen siapa. Boleh tahu dia kerja apa. Kalau dia kakitangan kerajaan macam mana boleh ada sebesar ini. Lepas itu kalau orang meniaga pun berapa banyak duit dia ada. Bukan hendak menyusahkan mereka. Tolong bayar cukai. Jangan rumah penuh dengan barang-barang Itali, rumah besar, tiangnya besar, harga tiang harga separuh *swimming pool* sudah boleh bayar cukai sudah. Bagilah sedikit bayar cukai dengan betul untuk faedah rakyat. Boleh tahu tidak payah nanti orang lapor dan jangan kira *you* besar, *you* kecil, orang besarkah orang kecil tetapi saya tahu cukai-cukai yang mana yang boleh ditumpu oleh kakitangan Lembaga Hasil Dalam Negeri secara *all out* iaitu syarikat-syarikat besar tadi yang saya katakan tadi ini patut dikejar.

■1710

Yang bawah-bawah yang ikan bilis ini saya rasa memang mereka juga tertakluk kepada undang-undang tetapi yang pentingnya saya katakan kumpulan tadi. Jadi Tuan Yang di-Pertua, tadi disebut juga oleh Yang Berhormat Indera Mahkota masalah RM500 ini. Memang sekarang ini pun di daerah-daerah sudah macam-macam timbul. Ada borang yang sudah diedar, tidak tahu borang datang daripada mana? Saya baca kenyataan akhbar Ketua Pengarah ataupun CEO Lembaga Hasil Dalam Negeri, dia kata borang akan dikeluarkan awal bulan depan atau beberapa hari lagi. Yang Berhormat Indera Mahkota kata tadi, apakah perlu pindaan undang-undang jika diberi tanggungjawab kepada Lembaga Hasil untuk menjalankan tugas mengagih RM500 ini?

Saya difahamkan begini, saya difahamkan Lembaga Hasil Dalam Negeri sebagai agensi hanya dipertanggungjawab untuk melaksanakan *verification*, maknanya untuk mengesahkan sama ada seseorang itu layak terima atau tidak RM500. Ini kerana jumlah rakyat kita 28 juta. Tolak kakitangan awam, tolak yang bekerja swasta, saya percaya kita tidak tahu sebenarnya berapa jumlah penduduk yang menerima pendapatan RM3,000 ke bawah dikecualikan pekerja kakitangan awam ataupun yang bekerja dengan swasta ada fail.

Akan tetapi bagaimana dengan yang tidak ada kerja? Menganggur? Yang kerja dengan syarikat kecil-kecil, yang memang tidak ada fail dengan Lembaga Hasil Dalam Negeri. Siapa hendak menentukan mereka layak tidak layak? Macam mana hendak menentukan? Kita mesti berlaku adil sebab kita tengok baru ini kerajaan bagi RM100 kepada pelajar-pelajar sekolah. Semua dapat, sekolah swasta pun dapat. Bagus juga. Akan tetapi saya pun terfikir juga, takkan orang kaya-kaya kereta besar, rumah besar, anak-anak mereka pun dapat juga RM100? Yang gelang-gelang setakat lengan, apa ini Yang Berhormat Tenggara pun dapat juga... [Ketawa] Betul, dapat juga.

Sepatutnya kita bercakap dahulu dari segi subsidi. Kita kata subsidi itu mesti dimanfaatkan kepada golongan yang miskin. Macam peniaga-peniaga kilang gandum, kilang roti, hotel-hotel, beli gula, beli gandum untuk mereka berniaga, kenapa mereka dapat subsidi? Memang kita minta supaya subsidi diselaraskan, tiba-tiba yang RM100 ini pun dibagi juga, baiknya kerajaan. Sampai baiknya begitu sekali, ada di kalangan penyokong-penyokong pembangkang, pagi-pagi lagi dia sudah tunggu di sekolah. Kalau ditetapkan tarikh kata ada pembahagian, saya tidak tahulah mungkin Ahli-ahli Yang Berhormat Barisan Nasional tahulah, saya tidak tahu. Akan tetapi pagi-pagi sudah tunggu. Hujan ribut pun mereka datang sebab pada mereka walaupun RM100, besar.

Akan tetapi bagi sesetengah penyokong pembangkang, sudah dia terima RM100, dia singgah di kedai kopi Tuan Yang di-Pertua, dia bercakap pula sesama dia. "*Hoi, mana nak simpan duit ini? Hendak kena ada peti besi untuk simpan duit RM100 ini.*" Maknanya, dia memperlakuk. Dia mempersendakan duit RM100 ini.

Jadi ini pun berlaku, tidak bersyukur kepada Allah SWT walaupun sedikit tetapi kalau anak tiga-empat orang, dapat RM300-RM400. Akan tetapi semua dapat, termasuk yang RM500 ini. Mekanisme hendak bayar ini macam mana? Ini hendak disahkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri. Jadi kalau setakat untuk mengesahkan, saya hendak mencadangkan satu kaedah kalau boleh difikirkan mungkin pandangan saya tidak tepat, tetapi apa kata kalau borang KDN ini diedar, boleh diedar melalui pihak Majlis Daerah, Pejabat Pusat Khidmat wakil-wakil rakyat boleh diedarkan borang-borang dari Lembaga Hasil Dalam Negeri.

Mereka diwajibkan mengisi, sudah mereka mengisi hendak mempercepatkan proses ini, mesti disahkan. Kalau dia isi borang Lembaga Hasil Dalam Negeri, kalau pegawai itu ada, pegawai itu boleh sah. Kalau pegawai itu tidak ada, borang sahaja ada dengan dia, tidak payah dia naik turun cari pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri, dia boleh pergi ke *Commissioner of Oaths*. Dia boleh angkat sumpah, mengatakan dia sah pendapatan RM3,000 ke bawah ataupun Jaksa Pendamai ataupun Ahli-ahli Parlimen. Ahli-ahli Parlimen juga boleh tolong sah melalui kerani. Dia sudah sah borang ini dah *confirm*, jadi dia memang layak menerima. Kalau dia sah borang yang tidak betul, dia sah mereka yang memang pendapatan tinggi, maka mereka tertakluk kepada tindakan undang-undang.

Saya rasa memang kena buat begitu, sebab kalau tidak susah juga. Satu segi hendak tolong rakyat, kita tidak mahu menyusahkan rakyat, tidak mahu mereka naik bas dua-tiga kali hendak isi borang, dan ada pula sekarang ini dia ugut di kampung-kampung pun ada. Orang kampung tidak tahu apa. Ada pula tukang ugut ini, yang ini politik ini. Dia takut bila rakyat terima RM500, yang dahulu sokong parti ini, kali ini dapat RM500 tidak sokong parti ini. Maka dia buat macam mana? Dia kata "*Tuan-tuan, isilah borang Lembaga Hasil Dalam Negeri ini hendak dapat RM500. Sekarang dapat RM500 tetapi bahaya, bila isi semua rekod ada. Kerja apa, duduk di mana, alamat di mana begitu begini,*" dia cakap. Ini dia beritahu ini, dia kempen orang kampung "*Tahun depan, tuan-tuan akan terima borang Lembaga Hasil Dalam Negeri. Sekarang ini dapat RM500, tahun depan kena bayar RM5,000,*" dia kata sebab tidak pernah *declare income tax* selama ini.

Ada juga kempen-kempen yang dibuat di kampung sehingga menakutkan rakyat. Ini politik macam-macam. Jadi sebab itu kena cari kaedah, saya hendak tanya tadi, betul ke tidak apa yang dibangkit tadi oleh Yang Berhormat Indera Mahkota, perlunya pindaan atau setakat hendak *certify* seseorang pemohon itu tidak perlu kepada pindaan. Ataupun macam mana saya tidak tahu tetapi mekanismenya, saya sudah cadang tadi kalau boleh dicari jalan dan diberi penjelasan biar terang supaya tidak ada kekeliruan. Sebab saya tidak tahulah mungkin di bandar saya tidak tahu. Kalau di desa, separuh desa mudah sangat rakyat memberi reaksi yang negatif, melenting contohnya yang bagi RM100 baru ini, lepas itu ada tertinggal dua-tiga orang sudah bising jadi isu, contohnya.

Oleh sebab itu yang RM500 ini, kalau di bagi akhir sekali, tidak teratur, di *exploit* oleh pihak-pihak yang berkepentingan politik *dispin*nya cerita nanti, jadi timbul macam-macam masalah. Oleh sebab itu, kalau ada borang-borang sebab ini ada borang-borang sekarang ini sudah diedar oleh pihak-pihak tertentu. Contohnya saya tidak tahu mungkin ada bahagian-bahagian UMNO juga membuat borang sendiri ataupun MCA kah parti Yang Berhormat, GERAKAN kah buat borang? Nanti borang-borang ini beredar, mereka ini kata "*Ha! Ini borang daripada parti-parti politik.*"

Jadi akhir sekiranya, *backfires* kepada parti pemerintah. Jadi hendak mengelak daripada terima kesan buruk ini, buatlah kenyataan yang jelas Yang Berhormat pada hari ini di Dewan Rakyat, dan buat *press conference*, tolong perbetulkan persepsi ini, borang yang sebenarnya yang akan diambil kira oleh kerajaan ialah borang yang akan dikeluarkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri tetapi kaedahnya, mekanisme pembahagiannya tidak akan menyusahkan rakyat. Caranya bagaimana, boleh atau tidak?

Jadi, tiga perkara saya bangkit tadi. Satu hal judi, arak dengan... [*Ketawa*] Lupa saya hendak tanya, satu lagi cukai pusat hiburan, saya tertinggal tadi. Judi, arak, pusat hiburan Tuan Yang di-Pertua. Pusat hiburan ini, Yang Berhormat saya diberitahu memang macam cendawan dalam kota raya ini. Di seluruh negara, di bandar-bandar besar, banyak pusat-pusat hiburan ini, pusat karaoke, pusat spa, macam-macam. Pusat-pusat ini saya tidak tahu, saya dengar ceritalah sekarang ini ekonomi tidak berapa baik mungkin kurang pengunjung. Waktu ekonomi baik saya dengar kata untungnya berlipat-lipat kali ganda.

Ini kerana orang pergi ke karaoke, ambil satu bilik, katanya satu bilik RM250-RM300, lebih mahal daripada bilik hotel. Dua-tiga orang guna satu malam. *You can imagine* Yang Berhormat dengan izin, *how much they can make a profit?*

So, berapa banyak mereka bayar cukai? Betulkah mereka bayar cukai? Betulkah akaun yang mereka serah kepada *Registrar of Company* (ROC) ini, betulkah tidak dia bayar cukai? Jadi semua ini hendak kena ambil kira tetapi cukai itu Yang Berhormat ambillah. Untuk masyarakat yang bukan Islam, guna untuk pendidikan, guna untuk biasiswa, jangan duduk kalut lagi, berebut biasiswa dengan pelajar-pelajar bumiputera yang terhad ada dengan kerajaan ini. Ini kerana kita tidak boleh melibat dan mengguna wang seumpama ini kerana agama kita melarang kita. Akan tetapi kita tidak ada halangan kalau Yang Berhormat guna duit ini sebab kita juga mahu melihat masyarakat kaum Cina, India juga mendapat pendidikan seperti juga kaum-kaum lain yang sudah pun maju jauh daripada kaum bumiputera. Sekian, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

■1720

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kuala Kedah, lepas itu Menteri boleh menjawab.

5.20 ptg.

Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya turut bangun untuk membahaskan pindaan kepada Rang Undang-undang Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri 1995 yang tujuan utamanya ialah untuk mencari satu mekanisme bagaimana kerajaan boleh merealisasikan ucapan bajet Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk membayar RM500 kepada isi rumah yang mempunyai pendapatan di bawah RM3,000 sebulan. Dianggarkan dengan sejumlah 3.4 juta isi rumah yang akan mendapat manfaat ini, sudah barang pasti kerajaan mempunyai kesukaran untuk hendak melaksanakan tanggungjawab itu.

Oleh sebab itulah maka rang undang-undang ini dipinda bagi mencari satu penyelesaian bagaimanakah kaedah untuk menjelaskan jumlah RM500 ini kepada pihak-pihak yang mempunyai kelayakan untuk menerima jumlah tersebut. Namun, kita difahamkan dalam ucapan Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan ketika menjawab soalan di sesi pagi sebelum ini telah pun menyatakan bahawa kerajaan bercadang untuk melantik sekitar dua ribu petugas sementara untuk menyelia pelaksanaan projek pemberian RM500 ini.

Saya mendapati bahawa jumlah dua ribu orang petugas sementara ini masih lagi belum mencukupi kerana kita mendapati dalam tempoh yang singkat bagaimana pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri akan memastikan bahawa segala data-data itu diperolehi dengan tepat serta data-data itu diperolehi dengan mempunyai ketepatan dan perkara yang benar-benar isi rumah itu memiliki jumlah pendapatan di bawah RM3,000 sebulan. Ini kerana dengan sejumlah lebih kurang 40 sahaja cawangan Lembaga Hasil Dalam Negeri di seluruh Malaysia, sudah pasti jumlah itu tidak mencukupi kerana untuk memastikan isi rumah ini datang ke pejabat Lembaga Hasil Dalam Negeri, ini satu perkara yang mesti difikirkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri.

Walaupun atas kempen yang hebat yang kita lakukan dalam media, arus perdana ataupun media alternatif melalui SMS, *internet* dan sebagainya, saya pasti ia tidak akan mencapai tahap 100 peratus kerana masih ada lagi sebahagian daripada masyarakat kita yang dianggap kurang berkemampuan ini tidak memahami apa yang dimaksudkan dengan pemberian sumbangan RM500 ini. Masih ada lagi sebahagian daripada mereka yang tidak tahu tentang pemberian ini, masih ada lagi sebahagian daripada mereka yang hanya sekadar mengetahui tetapi tidak proaktif untuk mengambil tindakan. Mungkin sebahagian daripada mereka ini mempunyai masalah-masalah tertentu yang menyebabkan mereka mempunyai kesukaran untuk pergi ke pejabat Lembaga Hasil Dalam Negeri. Walaupun mungkin pejabat Lembaga Hasil Dalam Negeri boleh mewujudkan sebuah institusi bergerak yang berpusat di masjid ataupun di sekolah dan sebagainya supaya perkara ini boleh dipermudahkan sehinggalah ke akar umbi.

Saya tidak menghalang soal jumlah pemberian RM500 ini, cuma kita mencari jalan penyelesaian. Bagaimanakah mekanisme yang terbaik yang sepatutnya dilaksanakan oleh pihak kerajaan supaya semua pihak mendapat manfaat. Bukan sahaja pihak orang yang layak tetapi bagaimana supaya mekanisme ini benar-benar boleh menjadi penyumbang. Walaupun begitu, kita mendapati bahawa sebenarnya definisi untuk hendak mengklasifikasikan yang dikatakan isi rumah berpendapatan kurang daripada RM3,000 ini sebenarnya amat sukar sekali. Ini kerana kedudukan geografi dan juga komposisi rumah di dalam negara kita ini amat sukar untuk kita klasifikasikan. Saya mungkin tidak ada pengalaman bagaimana rumah panjang di Sarawak, bagaimana kita hendak definisikan rumah panjang di Sarawak ini, mengikut rumah atau ikut keluarga ataupun ikut bilangan rumah ataupun sebagainya.

Begitu juga dengan jumlah rumah yang besar yang mungkin dihuni oleh lebih daripada dua keluarga, tiga keluarga ataupun mungkin empat keluarga dalam satu rumah. Saya juga ada mendengar rumah banglo besar di Kuala Lumpur yang dimiliki oleh jutawan juga dihuni oleh beberapa keluarga, keluarga dia dan anak-anak isteri dia. Akan tetapi bermakna saya hendak sebut soal jumlah keluarga yang duduk di dalam rumah tersebut. Jadi ini perkara yang sepatutnya difikirkan oleh pihak kerajaan tentang mekanisme yang sebaiknya untuk memastikan sumbangan ini benar-benar dimanfaatkan oleh orang yang mempunyai kelayakan...

Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Jasin bangun, Yang Berhormat.

Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Ya, Yang Berhormat Jasin.

Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Kuala Kedah. Saya tengok Yang Berhormat Kuala Kedah ini lebih positif lagi bahkan menghargai sumbangan kerajaan ataupun usaha kerajaan bagi memberikan RM500 kepada ketua isi rumah terutama dalam menghadapi keadaan yang cukup mencabar pada ketika ini.

Sedarkah kita bahawa pada ketika ini kita mempunyai sebanyak 3.4 juta isi rumah yang mungkin akan menelan belanja sebanyak RM1.8 bilion. Walaupun peruntukan telah pun diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa pembentangan bajet dalam siri *touch point* ini tetapi kita hendak tahu sekarang apa sebenarnya kaedah yang akan digunakan oleh kerajaan, definisi ketua isi rumah ini.

Ada dua perkara di sini, yang pertamanya ketua isi rumah yang duduk berseorangan, dia ketua juga. Keduanya, ketua isi rumah yang mempunyai tanggungan. Adakah kedua-dua ini akan dikira sekali? Keduanya, banyak daripada kalangan warganegara kita berkahwin dengan pendatang asing yang mungkin sekarang statusnya tidak begitu terang. Walaupun ada sebahagian daripada mereka mendapat PR tetapi ramai di kalangan mereka tidak ada status. Jadi apakah kedudukan mereka. Kalau kita ikut ketua isi rumah, mesti suami melainkan ketua isi rumah tersebut adalah seorang janda, boleh kita kira yang ibunya ialah ketua isi rumah. Jadi kita mahu kalau boleh definisi ini diterangkan.

Seterusnya saya ingin mencadangkan kepada Yang Berhormat Kuala Kedah, kalau boleh kita jangan gunakan langsung mekanisme Jabatan Hasil Dalam Negeri kerana seolah-olah ada satu dilema kepada orang-orang kampung ini. Dengar sahaja Jabatan Hasil, mereka dah takut, mungkin kemungkinan dia pun tidak mahu memohon kerana dia bimbang esok dia akan dikenakan cukai.

Akhirnya, saya hendak tanya Yang Berhormat Kuala Kedah, minta pendapat Yang Berhormat Kuala Kedah. RM3,000 ini dikira adalah pendapatan keluarga ataupun isi rumah, suami, isteri, anak-anak, bagaimanakah kita hendak menggunakan kaedah untuk *conclude* yang mereka ini benar-benar tidak melepasi angka RM3,000? Terakhir sekali saya ingin mencadangkan kalau boleh pengesahannya dibuat kalau di peringkat daerah adalah DO ataupun di peringkat kampung daripada JKK. Terima kasih, yang lebih mengetahui tentang latar belakang keluarga masing-masing. Terima kasih.

Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Terima kasih Yang Berhormat Jasin. Sebenarnya saya tidak ada apa-apa yang membezakan tetapi saya minta supaya Yang Berhormat Menteri benar-benar menggunakan platform Dewan ini untuk menjelaskan dengan sejelas-jelasnya tentang definisi isi rumah tersebut supaya ia tidak mengelirukan orang ramai. Kalaulah selepas ini baru hendak dibuat, bermakna rang undang-undang yang kita pinda ini tidak cermat, tidak berhati-hati.

Bermakna ketika dibentangkan rang undang-undang, ketika dibuat ucapan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, belum ada cadangan pun daripada pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri tentang mekanismenya, bermakna teraba-raba untuk mencari bagaimanakah formulanya. Selepas diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, baru hendak dicari macam mana formulanya, baru hendak diidentifikasi bagaimanakah mekanisme yang sepatutnya kita ungkapkan tentang pendapatan isi rumah ini.

■1730

Jadi, saya minta Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua bahawa jadikan Dewan ini sebagai satu ruang untuk menjelaskan yang sejelas-jelasnya apakah yang dimaksudkan dengan pendapatan isi rumah. Seperti mana disebut oleh Yang Berhormat Jasin tadi tentang warga kita yang berkahwin dengan pendatang, bagaimana kita hendak klasifikasi dia? Walaupun mungkin Yang Berhormat Jasin tadi sudah menjawab sebahagian daripada pandangan serong daripada Yang Berhormat Pasir Mas yang mengatakan pembangkang selalu memberikan suntikan yang negatif terhadap Lembaga Hasil Dalam Negeri. Yang Berhormat Jasin telah menjawab itulah pandangan awam, bukan pandangan pembangkang tetapi pandangan awam yang mengatakan bahawa kalau kita isi borang Lembaga Hasil Dalam Negeri. Ini akan menyebabkan segala data-data kita tentang percukaian akan diketahui oleh pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri.

Jadi, kita memberikan unjuran-unjuran supaya masyarakat kita berhati-hati. Ataupun mungkin ini serampang dua mata yang digunakan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri untuk selepas ini barulah kita mengetahui tentang bagaimanakah kedudukan pendapatan masyarakat kita yang rata-rata kita ketahui bahawa jumlah yang membayar cukai itu hanyalah kurang daripada 50 peratus daripada orang yang selayaknya membayar cukai. Jadi, ini mungkin serampang dua mata yang digunakan oleh kerajaan. Sebab itu kita bagi tahu supaya masyarakat kita berhati-hati. Tidak menjadi satu kesalahan untuk kita mengingatkan...

Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]: Yang Berhormat Kuala Kedah, ada satu lagi tertinggal, minta maaf.

Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Ya.

Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]: Definisi tadi ada tiga, saya tersilap. Ketiga tadi, dalam tempat kediaman itu banyak ketua, banyak keluarga maknanya. Adakah mereka sekarang dianggap satu keluarga sahaja ataupun ketua keluarga? Kadang-kadang banyak keluarga kita yang tiga, empat keluarga duduk satu rumah. Satu keluarga ini mungkin ada empat anak, satu keluarga ada empat anak. Jadi, adakah itu dikira tiga ketua keluarga ataupun satu ketua isi rumah sahaja?

Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Saya setuju 100 peratus dengan Yang Berhormat Jasin, tidak ada masalah. Sebab itu saya sebut berkali-kali supaya jadikan Dewan ini sebagai platform untuk hendak menjelaskan kepada rakyat Malaysia bagaimana sepatutnya. Supaya selepas ini kita tidak lagi keliru. Jangan selepas ini barulah hendak-sebelan selepas ini barulah hendak dibuat pandangan, hendak senaraikan, ini definisi. Kemudian apabila ada bantahan daripada pihak-pihak tertentu, akhirnya berubah balik. Jadi, nampak macam tidak konsisten Yang Berhormat Menteri.

Jadi, saya setuju supaya pandangan Yang Berhormat Jasin itu diambil kira supaya pengesahan itu bergantunglah sejauh mana *efficiency* dalam sistem kerajaan. Cuma saya anggap perkara ini masih lagi di dalam terma-terma politik apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyebutkan soal bajet RM100 kepada pelajar sekolah, RM500 kepada isi rumah yang pendapatan RM3,000 ke bawah. Ini masih lagi umpan-umpan politik. Saya tidak nafikan sebab tidak konsisten.

Bagi ketika sudah tahu tahun akan datang akan berlaku pilihan raya. Jadi, tidak jujurlah kalau di bagi ini semata-mata untuk mengharapkan sesuatu pulangan balik.

Sebab itu saya ingin mencadangkan, bukanlah saya tidak bersetuju tetapi mencadangkan supaya mekanisme yang terbaiknya, peruntukan RM1.8 bilion yang disebutkan oleh Yang Berhormat Jasin tadi sepatutnya disalurkan kepada penurunan harga barang. Kalau kita turunkan harga barang, manfaat itu akan diperolehi oleh semua rakyat dalam Malaysia, akan diperolehi. Bukan sahaja RM500 tetapi kalau kita turunkan harga barang, sumbangannya lebih daripada RM500. Yang Berhormat Jasin dan rakan-rakan kita mungkin mengetahui bahawa jumlah RM500 ini kadang-kadang bagi seseorang yang pendapatannya bawah, memang sangat bermakna. Akan tetapi bagi orang yang pendapatannya lebih, mungkin RM500 ini hanya mungkin dalam sarapan pagi dengan dua tiga orang dan makan tengah hari begitu sahaja. Akan tetapi inilah di antara perkara.

Jadi, sebab itu mekanisme pemberian sumbangan RM500 ini sepatutnya digunakan bukan memberikan secara tunai. Kemudian yang memberikan pula itu seperti mana yang berlaku dalam pemberian RM100 diberi oleh Ketua UMNO Bahagian sempena pilihan raya. Jadi, ada majlis-majlis tertentu. Jadi, bagaimana supaya Yang Berhormat Menteri memastikan bahawa sumbangan ini tidak dipolitikkan. Kalaulah kita sudah sebut berkali-kali bahawa sumbangan RM100 itu telah dipolitikkan dan memang berlaku. Akan tetapi bagaimana ini sumbangan RM500 ini ketika hendak menghadapi pilihan raya? Jadi, inilah di antara perkara-perkara.

Kemudian soal pendapatan tadi. Memang amat sukar untuk kita klasifikasikan sebab ramai orang-orang yang mungkin akan memberikan maklumat-maklumat yang tidak betul, maklumat-maklumat yang tidak benar tentang pendapatan mereka. Semata-mata kerana untuk mendapatkan RM500. Peniaga-peniaga yang tidak mempunyai rekod pendapatan yang sah sedangkan pendapatan mereka mungkin lebih daripada Ahli Parlimen. Akan tetapi mereka hanya menyembunyikan fakta-fakta tersebut. Jadi, ini di antara perkara-perkara yang perlu penjelasan tentang bagaimana mekanisme Lembaga Hasil Dalam Negeri. Boleh memastikan bahawa sumbangan ataupun klasifikasi pendapatan isi rumah itu benar-benar diterjemahkan. Supaya tidak menjadi keliru selepas daripada ini. Jadi Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya rasa sekadar itu sahaja. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

5.36 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan II [Dato' Donald Lim Siang Chai]: Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya hendak ucapkan ribuan terima kasih kepada beberapa Ahli Parlimen yang telah ambil bahagian dalam Rang Undang-undang Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia 2011. Mereka telah mengeluarkan pandangan dan juga cadangan atas rang undang-undang ini. Memang Kementerian Kewangan kita hargai atas pandangan mereka. Yang Berhormat dari Indera Mahkota telah bertanya kenapa Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia dipilih sebagai agensi untuk kita menjalankan tugas memberi bantuan kepada rakyat yang berpendapatan isi rumah kurang daripada RM3,000.

Untuk makluman Yang Berhormat, seperti kita sedia maklum, kita memberikan bantuan ini apabila Menteri Kewangan membentangkan Bajet 2012 baru-baru ini. Kita harap dengan bantuan ini kita boleh membantu rakyat yang berpendapatan rendah, meringankan beban mereka. Untuk makluman Yang Berhormat, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia adalah agensi yang dipilih kerana agensi terbaik untuk melaksanakan program ini. Ini kerana mereka ada pengalaman seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Pasir Mas. Juga mereka ada memiliki pangkalan data yang lengkap dan menyeluruh. Di samping itu Lembaga Hasil Dalam Negeri juga berjaya dalam melaksanakan mengemukakan borang cukai melalui *e-filing*. Walau bagaimanapun, untuk memberi duit yang kita bincang di sini, kita akan memberi duit itu melalui Jabatan Akauntan Negara.

Yang Berhormat juga ada tanya bersama-sama dengan Yang Berhormat Kuala Kedah dan juga Yang Berhormat Pasir Mas, bertanya bagaimana ditentukan isi rumah di rumah panjang dan juga lain-lain. Untuk makluman Yang Berhormat, jawatankuasa telah ditubuhkan untuk mengkaji mekanisme terbaik untuk melayakkan rakyat dapat bantuan kewangan. Lembaga Hasil Dalam Negeri tidak dengan sendirinya menentukan definisi isi rumah. Definisi isi rumah adalah ketua keluarga merangkumi individu berkahwin, ibu bapa tunggal mempunyai tanggungan dan warga emas sebatang kara. Definisi ini terbuka melalui polisi kerajaan.

Yang Berhormat semua pun ada tanya mengenai mekanisme bayaran RM500. Untuk makluman Yang Berhormat, borang akan diedarkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia dan juga di pejabat daerah. Proses dan kaedah akan dibawa melalui akhbar dan *website* Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Setakat ini adalah mengenai isu isi rumah.

■1740

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Terima kasih Timbalan Menteri. Timbalan Menteri ada sebut tadi kata tugas ini diberi, ada e-borang diisi dan ada kaedah daripada pejabat daerah. Saya tidak nafikan infrastruktur yang ada di Lembaga Hasil dalam Negeri untuk tugas ini. Saya tidak mempersoalkan perkara itu. Cuma saya hendak katakan, proses itu nampak gaya tidak menjadikan dan tidak membolehkan rakyat menerima wang tersebut pada bulan hadapan sebagaimana yang dijanjikan.

Saya kata begitu sebab Lembaga Hasil Dalam Negeri tidak boleh meringkaskan prosedur bidang pengenaan masing-masing ataupun kajian sama ada orang itu layak atau tidak ataupun prosedur memproses data. Saya tidak rasa kerajaan terpaksa hendak mengorbankan prosedur yang begitu baik yang telah diamalkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri atas tujuan untuk memberi wang kepada rakyat semata-mata. Sebagai contoh, macam mana kita hendak proses data atau maklumat yang disampaikan kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri sedangkan prosedur biasa, kita kena tengok unit-unit tertentu seperti unit *in-view*, yang hendak tengok sama ada orang ini layak atau tidak.

Kita tidak boleh membuat keputusan berdasarkan kepada emosi ataupun pandangan kita semata-mata. Ada prosedur yang perlu diikuti dan kes di mana orang mesti membuat laporan kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri, bukan kita berharap kepada 2,000 orang yang bakal dilantik semata-mata. Saya tahu yang kerajaan mengumumkan ada 2,000 orang pegawai kontrak yang akan dilantik untuk tujuan keluar mencari maklumat ini untuk seluruh negara.

Sudah tentu tidak mencukupi dan saya tidak mahu ada keadaan, kerajaan memaksa dan mengatakan satu beban baru perlu dimainkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri untuk tujuan mencari maklumat yang tidak mendatangkan hasil kepada negara sedangkan mereka ini Lembaga Hasil Dalam Negeri. Jadi, seolah-olah macam kita hendak *create* satu beban baru kepada mereka sedangkan baru sekejap tadi timbalan menteri kata yang hendak buat bayaran ini pula rupanya Jabatan Akauntan Negara. Saya tidak tahu apa yang sebenarnya hendak disampaikan sekarang. Saya minta penjelasan. Terima kasih.

Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]: Menteri, saya sambung sedikit Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Jasin.

Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]: Pada ketika ini Menteri, Lembaga Hasil Dalam Negeri mempunyai rekod sebanyak 1.5 juta pekerja sahaja yang membayar cukai sedangkan matlamat kita ialah 3.5 juta ketua isi rumah. Mungkin mereka tidak tahu yang selebihnya. Jadi, saya hendak cadangkan kalau boleh kita lantik, kita berikan tanggungjawab ini kepada Jabatan Perangkaan yang mempunyai staf yang lebih terlatih dan tahu tentang rekod sebenar ketua isi rumah dan pendapatan mereka. Terima kasih.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Terima kasih Yang Berhormat Indera Mahkota dan Yang Berhormat Jasin. Untuk maklumat Yang Berhormat, buat masa ini seperti yang kita sedia maklum, kita ada 28 juta rakyat di Malaysia, yang bekerja untuk negara kita adalah 12.8 juta.

Jumlah ini adalah angka yang saya dimaklumkan oleh pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri. Kita ada lebih kurang 4.5 juta data rakyat di Malaysia dan kita seperti yang dikatakan oleh Ahli Parlimen, jumlah yang membayar *tax* untuk negara kita hanya 1.65 juta orang.

Dalam hal ini, memang kita tahu banyak yang tidak berdaftar. Kita harap dengan bantuan semua pihak, sebab seperti yang kita tahu mereka yang ada data-data dan mereka yang tidak ada, seperti yang kita tahu, Lembaga Hasil Dalam Negeri, mereka memang ada kakitangan dan mereka memang boleh menjalankan tanggungjawab ini dengan lebih baik jika dibandingkan dengan pihak yang lain. Itu memang saya tidak hendak jawab kalau kita hendak bincang isu ini, siapa yang layak dan siapa yang tidak layak untuk jalankan tugas ini.

Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Untuk maklumat Yang Berhormat, Yang Berhormat ada mengatakan undang-undang tidak dinyatakan bayaran dibuat pada Januari 2012. Untuk maklumat Yang Berhormat, fasal 10B yang kita akan pinda adalah satu peruntukan umum, program yang dinyatakan dalam peruntukan yang juga adalah umum. Buat masa ini program di bawah fasal 10B merujuk kepada bantuan kewangan RM500 dan saya tadi telah bantangkan iaitu menteri ada kuasa dalam pindaan ini iaitu bertujuan memasukkan seksyen baru 10B untuk membenarkan lembaga melaksanakan mana-mana fungsi tambahan sebagaimana yang diarahkan oleh menteri. Oleh itu, memang mereka ada kuasa kalau kita luluskan akta ini.

Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Ya, terima kasih timbalan menteri. Sekiranya mekanisme untuk membayar RM500 ini melalui Jabatan Akauntan Negara, adakah rang undang-undang untuk Jabatan Akauntan Negara tidak perlu dipinda supaya memastikan saluran ini melalui Lembaga Hasil Dalam Negeri dan itu yang pertama.

Kedua, Yang Berhormat Timbalan Menteri juga telah menyebut sepintas lalu tentang definisi kepada isi rumah tetapi saya nampak Yang Berhormat Timbalan Menteri nampak sangat tidak selesa untuk membaca teks yang telah disiapkan kerana seolah-olah macam tidak menjiwai, seolah-olah ini macam satu beban yang sepatutnya kerajaan tidak umumkan. Jadi, saya rasa lebih baik tarik balik sumbangan ini kerana tidak praktikal. Nampak kerajaan tidak bersedia untuk membuat pembayaran ini. Jadi, terpaksa timbalan menteri berhempas pulas untuk mempertahankan idea ini.

Sebenarnya, jauh saya membaca dari sudut psikologi, jauh di lubuk hati Yang Berhormat Timbalan Menteri, tidak selesa untuk baca sampai termengah-mengah untuk menjawab perkara ini. Jadi, saya kasihan kepada Timbalan Menteri yang terpaksa melaksanakan. Jadi, saya rasa tarik baliklah kerana menyusahkan. Cari betul-betul prosedur yang lengkap, barulah laksanakan dan kita akan sokong tetapi kalau setakat ini saya nampak kasihan Timbalan Menteri. Terima kasih.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Yang Berhormat Kuala Kedah, apa yang dikatakan Yang Berhormat itu memang tidak sanggup dibaca dalam rang undang-undang yang kita hendak pinda. Yang Berhormat boleh fikir sendirilah. Untuk makluman Yang Berhormat...

Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, mekanisme atau identiti hendak klasifikasi isi rumah itu tidak jelas, ketua rumah, individu yang berkahwin, warga emas, sebatang kara. Banyak lagi definisi yang tidak merangkumi ini. Orang boleh eksploitasi banyak keadaan kalau begini, longgar sangat.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Yang Berhormat, boleh saya mencelah di sini mengenai kriteria yang layak menerima dan *database*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya membangkitkan perkara ini semasa perbincangan bajet hari itu. Saya menanyakan bagaimana dan apakah yang akan menentukan siapakah yang layak. Saya menyebut bahawa sebenarnya *database* itu kalau tidak semuanya, sebahagian besar sudah ada dengan kerajaan iaitu *database* yang ada dengan Kementerian Pembangunan Wanita dan Kebajikan Masyarakat dan juga *database* e-Kasih yang hari itu kita mula pada 2008 dan data di pejabat zakat.

Semua ini adalah data yang sudah diperiksa, yang pegawai-pegawai sudah turun padang untuk disahkan dan memastikan bahawa mereka ini adalah keluarga yang layak menerima bantuan RM500 ini. Kalau kita mengharapkan kesemuanya data baru Yang Berhormat, saya merasakan bahawa sampai akhir tahun ini pun kita tidak boleh memulakan proses pembayaran sedangkan kita sudah ada *database* ini. Jadi, saya hairan kenapa kita terpaksa mencari lagi 2,000 orang pekerja kontrak yang mungkin tidak begitu terlatih untuk turun menilai keluarga-keluarga ini. Jadi, apa terjadi pada data e-Kasih kita, apa terjadi kepada data Kementerian Pembangunan Wanita kita dan data zakat, pejabat-pejabat zakat.

■1750

Saya ingat kalau dihimpunkan ini mungkin kita sudah boleh selesaikan sebahagian daripada bantuan ini kerana memang agak kompleks macam mana kita hendak menilai. Kalau seseorang yang tidak berpengalaman kita biasa diberitahu oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat. Kalau ibu tunggal misalnya sebagai ketua rumah, dia mengadu kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat, kemudian dia mengatakan bahawa dia telah ditinggalkan suaminya. Jabatan Kebajikan Masyarakat sebenarnya memasang *spy* kerana ada pihak yang suaminya sebenarnya belum bercerai, belum ditinggal, dia curi-curi balik malam.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat...

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Jadi perkara-perkara ini adalah bukan satu perkara yang mudah Yang Berhormat. Saya minta supaya dikaji semulalah. Kalau tidak kita mula daripada 'A' dan bila hendak sampai ke 'Z'.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Terima kasih Yang Berhormat Kota Raja atas cadangan Yang Berhormat. Buat masa ini kita telah putuskan Lembaga Hasil Dalam Negeri yang akan menjalankan tugas ini dan Yang Berhormat ada cadangan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Kalau kita ada keperluan kita memang minta Jabatan Hasil Dalam Negeri dapat bantuan dari Jabatan Kebajikan Masyarakat seperti Yang Berhormat bangkitkan.

Yang Berhormat Pasir Mas ada membangkitkan isu mengenai lesen judi dibeli dan cukai yang dibayar oleh syarikat. Untuk makluman Yang Berhormat, buat masa ini kita kutip sebanyak RM3 bilion untuk cukai judi dan untuk arak pun lebih kurang RM3 bilion. Cadangan Yang Berhormat untuk rakyat bukan Islam mengguna pakai wang ini memang ini akan kita bincangkan dalam kementerian.

Yang Berhormat Indera Mahkota ada membangkitkan tiada pindaan bagi melaksanakan pengecualian duti setem untuk pembelian Skim Rumah Pertamaku. Untuk makluman Yang Berhormat, pengecualian duti setem dilaksanakan melalui perintah pengecualian duti setem yang dikeluarkan menurut kuasa Menteri di bawah seksyen 80, Akta Setem 1949, dan akan diwartakan kelak.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Yang Berhormat, boleh dapatkan penjelasan? Saya bangkitkan perkara itu bukan kata tidak ada cadangan. Memang sesuatu undang-undang yang mencadangkan sesuatu pengecualian mesti dituruti dengan pembentangan rang undang-undang. Itu kaedah biasa.

Persoalan yang saya bangkitkan kenapa kita dahulukan perkara hak yang sepatutnya di kemudikan. Kita janji dalam pembentangan Rang Undang-undang Perbekalan tetapi kita tidak segerakan membentangkan rang undang-undang pindaan supaya perkara itu boleh dilaksanakan. Itu yang saya tanya kenapa dahulukan perkara yang sepatutnya di kemudikan? Yang mustahak yang kita janji itu berkali-kali nak beri kepada rakyat, wang, pengecualian duti setem, kita tidak ada kemukakan pindaan. Saya kata sehingga petang ini. Mungkin besok ada, mungkin lusa ada, tetapi kenapa tidak didahulukan yang mustahak kerana senang kita laksanakan mengikut tempoh yang kita janjikan. Itu persoalan saya.

Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]: Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya tambah sedikit Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Sebentar tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyebut tentang pungutan hasil judi. Sebenarnya tujuan utama Yang Berhormat Pasir Mas membangkitkan perkara ini ialah dia hendak tahu sama ada pungutan ini dimasukkan di bawah wang yang disatukan ataupun kita ada *create* satu akaun khas untuk semua sekali pungutan judi tadi bagi digunakan untuk tujuan-tujuan tertentu. Terima kasih.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Terima kasih Yang Berhormat Jasin yang bertanya soalan mengenai cukai judi. Memang wang itu dimasukkan di dalam satu akaun sahaja. Untuk makluman Yang Berhormat yang bertanya mengenai isu pengecualian duti setem Yang Berhormat bangkit, memang ini adalah pertama kali saya mendengar apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat. Saya pun mesti *check* isu ini.

Yang Berhormat Kuala Kedah bertanya kenapa tiada pindaan apabila bayaran dibuat oleh Akauntan Negara. Untuk makluman Yang Berhormat, setakat ini tidak ada pindaan kerana boleh dibuat di bawah undang-undang iaitu Akta Prosedur Kewangan. Yang lain yang saya tidak dapat jawab kementerian akan timbangkan dan saya ucapkan terima kasih kepada semua Ahli Parlimen yang telah mengambil bahagian dalam hal ini. Mereka memang minat RM500 itu dijadikan satu instrumen politik. Kita memang hendak menjalankan tugas kita dengan baik supaya semua rakyat yang layak dapat kita akan berikan kepada mereka dalam masa yang singkat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan dipersetujukan.

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua sekarang dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

Fasal-fasal 1 dan 2 -

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Sila Yang Berhormat Indera Mahkota.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Tuan Pengerusi, di bawah Jawatankuasa, cadangan kita untuk meminda dan memasukkan seksyen baru iaitu 10B memanjangkan daripada seksyen lama 10A berkenaan dengan fungsi Lembaga. Saya mendapati ada satu kertas pindaan di dalam Jawatankuasa Rang Undang-undang Lembaga Hasil Dalam Negeri (Pindaan) 2012 yang dibekalkan kepada kita yang memasukkan perkataan, "*diperuntukkan oleh kerajaan*". Itu sahaja yang dimasukkan daripada cadangan ataupun rang undang-undang asal yang dikemukakan kepada Ahli-ahli Dewan dikemukakan satu pindaan dalam Jawatankuasa untuk dimasukkan perkataan, "*diperuntukkan oleh kerajaan*".

Fungsi ataupun peranan Lembaga Hasil Dalam Negeri memang dikatakan secara tradisinya ialah untuk memastikan pematuhan ataupun memastikan bahawa fungsi-fungsi yang digariskan di bawah seksyen 10A dipatuhi dan dilaksanakan. Maka fungsi untuk memastikan pentadbiran undang-undang cukai itu terletak dan ditumpukan kepada bidang pematuhan iaitu melaporkan, mentafsir dan mengutip serta ada beberapa fungsi tambahan yang semua ruang lingkungannya diletakkan di bawah aktiviti-aktiviti percukaian negara. Sekarang pindaan ini hendak dibawa iaitu seksyen 10B hendak memasukkan tentang fungsi Lembaga. Pertama, menambahkan daripada seorang Timbalan kepada dua atau lebih orang. Keterangan diberi huraian dikatakan bahawa takut fungsi sedia ada iaitu Timbalan tidak mencukupi kerana masalah-masalah tertentu. Dua atau lebih hendak melantik. Bermakna nampak di sini pindaan ini memberi kuasa untuk melantik ataupun untuk mewujudkan jawatan-jawatan baru dalam lembaga itu sendiri.

Kita tidak nampak cadangan-cadangan yang khusus kepada tugas ataupun tugas yang dimainkan oleh timbalan-timbalan. Ini bermakna kita berpendapat bahawa tugas itu adalah tugas sedia ada yang diagihkan kepada jawatan-jawatan baru yang bakal dilaksanakan. Kemudian saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri atau yang bertanggungjawab untuk menjaga tentang fungsi baru yang akan dibawa ini iaitu pengurusan wang, fungsi-fungsi lain yang diarahkan oleh Menteri termasuklah pengurusan wang yang diperuntukkan oleh kerajaan.

■1800

Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Peruntukan wang ini adakah peruntukan sedia ada yang boleh diguna pakai oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri di bawah jadual-jadual tertentu kerana atas fungsi lembaga boleh mengguna pakai beberapa peratus sifat autonomi kewangannya daripada hasil cukai yang dikutip untuk diguna pakai oleh lembaga. Adakah maksud peruntukan oleh kerajaan ini bermaksud satu sumber lain yang akan diberi oleh kerajaan untuk digunakan untuk tujuan yang dikata diarahkan oleh Menteri. Sekiranya maksud pengurusan wang yang diperuntukkan oleh kerajaan, saya hendak tegaskan bahawa ini sepatutnya difahami wang tambahan yang bukannya secara tradisi Lembaga Hasil Dalam Negeri boleh menggunakan sebahagian daripada peratusan wang atas tugas ataupun fungsi autonomi pemungutan cukai yang diberi kuasa kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri.

Kedua, untuk melaksanakan mana-mana program dan pembayaran wang itu kepada mana-mana orang. Oleh kerana fungsi ini tidak ada dalam 10A dan sebelum pada ini fungsi membayar membuat program-program, membayar wang kepada mana-mana orang tidak ada kecuali dalam ruang lingkup percukaian sahaja. Oleh sebab itu saya faham 10B dimaksudkan ini ialah tugas selain daripada percukaian. Ini tugas yang memang asing yang memang tidak pernah wujud selama ini sebab itu dimasukkan dalam 10B.

Jadi, persoalannya apakah maksud pengurusan dan diperuntukkan oleh kerajaan wang itu, apakah maksud program dan mana-mana orang itu begitu luas. Adakah tujuan ini terhad kepada pemberian RM500 atau RM1,000 sahaja, program ini. Kalau tidak ini bermakna wang ini pun boleh beli lembu sebab tidak dinyatakan kerana fungsi Lembaga Hasil Dalam Negeri sebelum ini tidak ada fungsi sebegini. Jadi, kertas pindaan yang diberi kepada kita kerana bunyi dia daripada yang asalnya terlalu umum. Pengurusan wang dan pembayaran wang yang diarahkan oleh Menteri kepada mana-mana orang. Bunyinya terlalu umum maka dimasukkan pindaan. Pindaan ditambah yang diperuntukkan oleh kerajaan.

Di sini saya hendak tanya nampak kebetulan Dewan membuat pindaan, adakah pembayaran wang itu kepada mana-mana orang itu juga bermaksud apa sahaja, apa sahaja yang diarahkan oleh Menteri, oleh kerana wang itu diberi oleh kerajaan daripada Perbendaharaan? Daripada Jabatan Perdana Menteri? Atau sebagainya boleh dilaksanakan melalui Lembaga Hasil Dalam Negeri. Sekiranya tidak diberi perincian, saya bimbang akan datang kita tidak ada satu sekatan yang boleh kita letakkan kepada urusan ini. Saya merasa pegawai-pegawai ataupun penjawat-penjawat awam yang menggalas tugas memastikan penguatkuasaan ataupun pentadbiran percukaian negara agak terganggu dengan tugas yang agak umum yang akan diarahkan oleh Menteri dalam memperuntukkan wang dan menguruskan wang untuk tujuan beri kepada orang, mana-mana orang.

Sebab itu walaupun 10B ini amat mudah ringkasannya dan pindaan pun agak mudah memasukkan peruntukan oleh kerajaan tetapi implikasinya menjadikan Lembaga Hasil Dalam Negeri terpaksa memainkan peranan yang langsung tidak ada kena mengena dengan bidang percukaian negara yang selama ini menjadi bidang profesionalisme yang dimainkan oleh mereka. Kalau begitu kita tidak boleh lagi menyalahkan Lembaga Hasil Dalam Negeri sekiranya berlaku tunggakan atau *back logging* yang begitu besar kerana tanggungjawab mereka memang terlalu besar. Terlalu banyak. Sebab itu saya tidak mahu kerajaan difahami atau ditafsirkan sebagai mempergunakan apa sahaja instrumen kerajaan untuk tujuan melaksanakan tugas-tugas politik. Kalau tujuan untuk melaksanakan dan memberi sahaja wang secara *direct*, secara langsung kepada orang-orang tertentu sedangkan kita sendiri pun gagal mengklasifikasikan dengan terang siapakah orang yang perlu kita beri tadi.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Baik Yang Berhormat.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Kaedah isi rumah yang kita klasifikasi tidak diterangkan. Sebab itu saya kata amat malang sekiranya Lembaga Hasil Dalam Negeri hendak digunakan untuk tujuan instrumen pelaksanaan program-program politik kerajaan Barisan Nasional. Saya rasa amat malang dan saya rasa pegawai-pegawai atau penjawat awam yang menggalas tugas sebagai pegawai yang memastikan percukaian negara lengkap dan profesional akan menanggung beban yang tidak sepatutnya. Perkara ini perlu kita tegaskan dan saya mengambil peluang untuk menyatakan saya merasa simpati kerana kita mendesak kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri melakukan satu perkara yang tidak pernah dilakukan sebelum pada ini untuk satu tujuan mencapai niat dan hasrat untuk mengagihkan wang kepada rakyat walaupun dalam keadaan kita sendiri pun tidak dapat...

Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]: Faham, faham, faham.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: ...*Justify* perkara ini.

Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]: Yang Berhormat Menteri, saya hendak tambah sedikit Menteri. Saya rasa...

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Jangan ambil alih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat. Yang Berhormat.

Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]: Yang Berhormat Menteri, saya rasa...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat. Sebentar Yang Berhormat. Yang Berhormat Indera Mahkota sudah habis Yang Berhormat?

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Sudah habis sudah. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, duduk. Yang Berhormat Jasin.

Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]: Tuan Yang di-Pertua terima kasih. Yang Berhormat Menteri, saya rasa Menteri perbincangan yang telah dibuat oleh Yang Berhormat Indera Mahkota ini kita jadikan sebagai satu cabaran. Saya yakin kerajaan berkeupayaan untuk buktikan bahawa janji-janji kita kepada semua rakyat akan terus dapat dikotakan.

Sebenarnya, pemberian ini bukan satu janji pilihan raya. Bukan untuk pancing undi bahkan kita mahu meringankan bebanan yang ditanggung oleh warganegara kita yang menghadapi zaman yang cukup mencabar. Kita lihat apa yang terjadi di Singapura. Tiap-tiap tahun dia akan beri pada setiap rakyat SG5,000, tidak ada masalah tetapi kita hanya hendak bantu sekarang *one-off* RM500 bagi meringankan bebanan kepada warganegara kita yang sekarang menghadapi kadar kenaikan harga barang yang tidak dapat dikawal. Akan tetapi kita bersyukur kerana negara kita mempunyai kerajaan dengan cukup keupayaan yang terhebat kerana bukan sahaja kita memperkenalkan skim subsidi tetapi kita ada mempunyai kawalan harga barang. Jadi, RM500 ini kita jangan, saya harap Menteri jadikan ia sebagai satu cabaran bahkan buktikan kepada mereka bahawasanya kita mempunyai satu kerajaan yang cukup bertanggungjawab. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya. Yang Berhormat Kuala Kedah selepas itu Yang Berhormat Menteri menjawab.

Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada pindaan 10B...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: ...laitu fungsi tambahan lembaga.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Belum masuk lagi.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Tuan Pengerusi, 10B kita ada dalam pindaan Fasal 3.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Sekarang fasal 1 dan 2.

Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Oh ya, ya, ya. Okey, okey. Tunggu 10B.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya. Sila Yang Berhormat Menteri.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Tuan Pengerusi, saya akan jawab lagi pindaan Fasal 3 sebab Yang Berhormat Indera Mahkota sebut isu mengenai 10B.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Fasal 1 dan 2 dahulu Yang Berhormat.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Saya akan jawab soalan sekali lagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Kita akan masuk dalam Fasal 3 kemudian.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Saya tahu tetapi Yang Berhormat tanya itu isu akan jawab di pindaan Fasal 3.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Fasal 1 dan 2 jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Fasal 3 [Pindaan] -

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan bahawa fasal 3 dalam teks bahasa kebangsaan dan teks bahasa Inggeris rang undang-undang dipinda dengan menggantikan fasal 3 dengan fasal yang berikut iaitu akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 10A dengan seksyen yang berikut iaitu 10B, "*Lembaga boleh melaksanakan mana-mana fungsi dan sebagai mana yang diarahkan oleh Menteri termasuk pengurusan wang yang diperuntukkan oleh kerajaan untuk melaksanakan mana-mana program dan pembayaran wang itu kepada mana-mana orang*".

Pindaan ini bertujuan untuk meminda fasal 3 rang undang-undang untuk menjelaskan bahawa wang yang diuruskan dan dibayar oleh lembaga adalah wang yang diperuntukkan oleh kerajaan untuk melaksanakan mana-mana programnya.

■1810

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam Kertas Pindaan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan yang telah dibentangkan sekarang ini dibuka untuk dibahas. Yang Berhormat Kuala Kedah.

6.11 ptg.

Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Terima kasih Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya merujuk kepada pindaan 10B seperti mana yang dibaca oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi tentang soal perkataan diperuntukkan oleh kerajaan. Kalaulah begitu sifatnya, fungsi Lembaga Hasil Dalam Negeri ini namanya kena ubah. Bukan Lembaga Hasil Dalam Negeri, Lembaga Hasil dan Sumbangan... *[Ketawa]*

Oleh kerana sekarang fungsi yang ada hanyalah hasil, Lembaga Hasil hanya memikirkan soal hasil. Sekarang dimasukkan fungsi baru. Saya rasa pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri tentu bersetuju. Selepas ini kena difikirkan. Oleh kerana itu kalau kita tengok kepada objektif Lembaga Hasil Dalam Negeri ini dia tidak ada lain melainkan dia memikirkan soal hasil sahaja. Objektif umum mewujudkan dan melaksanakan satu sistem pengurusan percukaian yang berkesan adil dan saksama. Objektif operasinya memungut sejumlah cukai yang sepatutnya tanpa menimbulkan bebanan yang tinggi kepada orang awam dengan kos yang minimum kepada kerajaan.

Keduanya, melahirkan kepercayaan orang awam terhadap keadilan dan keunggulan sistem percukaian masa kini.

Ketiga, mendorong orang awam untuk tampil ke hadapan membayar cukai yang sepatutnya secara sukarela. Bermakna objektif Lembaga Hasil Dalam Negeri ini telah berubah dengan pindaan rang undang-undang ini, memberi ruang. Ini untuk apa ini? Sedangkan kita ada jabatan-jabatan lain yang berfungsi untuk membayarkan sumbangan.

Mengapa Jabatan Hasil Dalam Negeri, kita tidak faham, mengapakah Lembaga Hasil Dalam Negeri dibebankan dengan satu tanggungjawab yang begitu terasing kepada dia. Sedangkan jabatan-jabatan lain boleh menggunakan fungsi ini untuk membayar sejumlah wang kepada mana-mana pihak bukan Lembaga Hasil Dalam Negeri. Saya merasai seperti mana pindaan pagi tadi di mana Rang Undang-undang Perhimpunan Aman, bermakna kerajaan tergesa-gesa. Baru bentang rang undang-undang terpaksa dibuat pindaan. Bermakna tidak berhati-hati dalam merangka rang undang-undang ini sehinggalah terpaksa dibuat pindaan ketika pembentangan. Ini amat malang sekali. Jadi saya minta penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Terima kasih Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam peringkat jawatankuasa ini. Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Indera Mahkota ada tanya mengenai pindaan akta fasal 3 iaitu seksyen baru iaitu 10B.

Untuk makluman Yang Berhormat seperti yang saya telah sebut tadi peruntukan wang yang diperuntukkan oleh kerajaan hanyalah merujuk kepada wang yang diluluskan oleh kerajaan. Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia tidak mempunyai kuasa autonomi mengguna pakai wang cukai yang dipungut. Oleh itu peruntukan wang yang dirujuk adalah khusus bermaksud individu. Di dalam konteks program bantuan kewangan pula dia merujuk kepada individu berpendapatan rendah iaitu isi rumah kurang daripada RM3,000.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: [Bangun]

Dato' Donald Lim Siang Chai: Memang ini adalah maksud khusus untuk kita ada seksyen baru 10B ini.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Ya.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Ada lagi?

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Ada. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya juga akhirnya, saya berhasrat untuk sama-sama menyokong sebenarnya kalau betul niat murni kerajaan untuk memberi bantuan kepada rakyat. Itu asasnya, saya tidak membantah. Akan tetapi saya bangkitkan kerana prosedur yang kita letakkan sekarang, kita gariskan sekarang merumitkan rakyat untuk menerima bantuan RM500 atau RM1,000 itu. Itu yang kita persoalkan nampak macam untuk sampai kepada tangan dan poket rakyat itu agak rumit prosedur yang kita pilih.

Lanjutan daripada itu saya hendak tahu dengan terang, adakah seksyen 10B ini kita buat dan kita masukan untuk tujuan kerajaan hendak bagi untuk RM500 ini sahaja pada tahun ini sahaja. Oleh kerana saya difahamkan jawapan Yang Berhormat Menteri Kewangan, RM500 untuk isi rumah ini adalah *one-off*. Ini bermakna bukanlah program tahunan yang kita hendak buat pada tahun-tahun hadapan, sehingga perlu kita buat satu pindaan rang undang-undang memasukkan perkara 10B. Selepas pada hari ini, selepas daripada kali ini atau tahun kewangan ini adakah seksyen 10B ini digunakan untuk tujuan lain pula. Bukan tujuan untuk membantu rakyat yang kata RM500.

Apa kata kalau kita kekalkan perkara ini, makna juga Lembaga Hasil Dalam Negeri boleh diarahkan untuk membayar kepada perkara-perkara lain yang bukan sahaja RM500 untuk tujuan membantu rakyat. Adakah perkara itu sama seperti yang saya maksudkan atau Menteri kata selepas ini *one-off* itu tidak ada dan kita perlu batalkan seksyen 10B.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Indera Mahkota yang telah tanya soalan tujuan kita adakan seksyen baru ini. Buat masa ini memang kita guna pakai seksyen ini untuk memberi bantuan RM500 untuk tahun 2012. Tahun 2013 memang itu ada kuasa Yang Berhormat Menteri Kewangan, saya tidak boleh jawab. Yang Berhormat sebut mengenai isu prosedur merumitkan rakyat. Memang kita akan ambil pandangan Yang Berhormat.

Kita akan meminta mereka menjalankan tugas dengan baiklah. Yang Berhormat Kuala Kedah ada pandangan sendiri. Saya tidak hendak jawab itu, dengan itu sekian.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam Kertas Pindaan hendaklah disetujui.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

Fasal 3 sebagaimana dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang undang-undang dilaporkan dengan ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PENCEN (PINDAAN) 2011

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.19 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Pencen 1980 dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini bertujuan meminda Akta Pencen 1980 [Akta 227] iaitu undang-undang yang mentadbir urusan persaraan dan juga pencen bagi pegawai perkhidmatan awan persekutuan dan negeri. Secara khususnya pindaan undang-undang ini ialah untuk melaksanakan lima dasar baru berkaitan persaraan, faedah persaraan dan faedah terbitan yang telah diluluskan oleh kerajaan pada tahun ini termasuk dasar yang diumumkan semasa pembentangan Bajet 2012 di Dewan yang mulia ini tempoh hari.

■1820

Lima dasar baru tersebut mengikut susunan dalam rang undang-undang adalah seperti berikut:

- (i) pemberian faedah persaraan yang dikira berdasarkan tempoh perkhidmatan seolah-olah pegawai berkenaan berkhidmat sehingga mencapai umur persaraan paksa bagi pegawai yang dibersarakan atas kehendak kerajaan;
- (ii) peningkatan umur persaraan paksa bagi pegawai perkhidmatan awam dari 58 tahun ke 60 tahun;
- (iii) pemberian pencen kepada pegawai lantikan pada atau selepas 12 April 1991 yang bersara pilihan mulai tarikh apabila pesara mencapai umur 55 tahun;
- (iv) pembayaran pencen terbitan kepada balu atau duda yang berkahwin dengan pesara dan anak hasil perkahwinan itu untuk baki tempoh 20 tahun daripada tarikh persaraan pesara; dan

- (v) pembayaran faedah persaraan iaitu pencen, ganjaran serta pemberian wang tunai gantian cuti rehat dan faedah terbitan kepada pesara dan juga penerima pencen terbitan yang *bankrupt*.

Kelima-lima dasar ini akan berkuat kuasa mulai 1 Januari 2012.

Tuan Yang di-Pertua, bagi dasar yang pertama izinkan saya jelaskan mengenai pemberian faedah persaraan yang dikira berdasarkan tempoh perkhidmatan seolah-olah pegawai berkhidmat sehingga mencapai umur persaraan paksa bagi mereka yang dibersarakan atas kehendak kerajaan. Dasar ini merupakan sebahagian daripada dasar pemisahan dengan izin, *exit policy* yang memberikan unsur faedah tambahan bagi pegawai yang dikehendaki bersara awal oleh kerajaan walaupun pegawai itu bersetuju untuk dibersarakan.

Pada masa ini tidak ada keistimewaan pengiraan faedah persaraan bagi pegawai dalam golongan ini iaitu mereka yang dibersarakan dengan demi kepentingan negara atau demi kepentingan perkhidmatan awam. Kedua-dua jenis persaraan ini bukanlah kerana salah laku atau kelemahan pegawai yang berkenaan. Persaraan demi kepentingan negara adalah bagi memisahkan pegawai daripada perkhidmatan awam untuk membolehkan pelantikan pegawai itu selanjutnya dalam bidang lain dalam sektor awam juga.

Misalnya untuk menjadikan pesuruhjaya kehakiman atau mulai tahun depan menjadi pegawai kumpulan *premier* di bawah Sistem Saraan Baru Perkhidmatan Awam, persaraan demi kepentingan perkhidmatan awam pula adalah laluan keluar bagi pegawai berprestasi yang tiada peluang kemajuan kerjaya. Sehubungan itu, kerajaan telah bersetuju supaya ganjaran dan juga pencen pegawai yang dikehendaki oleh kerajaan untuk dibersarakan sedemikian mulai 1 Januari 2012 dihitung berdasarkan tempoh perkhidmatan seolah-olah pegawai itu telah berkhidmat sehingga mencapai umur persaraan paksa yang terpakai baginya.

Tuan Yang di-Pertua, dasar baru yang kedua ialah peningkatan umur persaraan paksa bagi pegawai perkhidmatan awam dari 58 tahun ke 60 tahun. Dasar ini adalah bagi maksud mengekalkan pegawai mahir di dalam perkhidmatan awam di samping memenuhi hasrat majoriti pegawai untuk menyumbang kepada pembangunan negara bagi tempoh yang lama.

Langkah ini juga boleh menjimatkan perbelanjaan kerajaan kerana ia memendekkan tempoh pembayaran pencen kepada pesara. Selain itu, sekiranya langkah ini dicontohi oleh sektor swasta ia boleh menyumbang kepada peningkatan produktiviti dan daya saing negara. Selaras dengan peruntukan Perkara 147 Perlembagaan Persekutuan, pegawai yang berada dalam perkhidmatan sebelum kuat kuasa dasar ini hendaklah diberi opsyen sama ada memilih umur persaraan paksa 60 tahun atau kekal umur persaraan paksa sekarang iaitu 58 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, dasar baru yang ketiga ialah pemberian pencen kepada pegawai lantikan pada ataupun selepas 12 April 1991 yang bersara pilihan apabila mencapai umur 55 tahun dan bukan lagi pada tarikh beliau mencapai umur persaraan paksa yang terpakai baginya mulai 1 Januari 2012. Persaraan pilihan adalah cara pemisahan pegawai yang tidak berminat untuk terus berkhidmat sehingga umur persaraan paksa.

Persaraan pilihan boleh dibenarkan kepada semua pegawai perkhidmatan awam yang telah mencapai umur 40 tahun dan mempunyai sepuluh tahun perkhidmatan. Oleh kerana amat membebankan kerajaan untuk mula membayar pencen seawal umur 40 tahun, undang-undang pencen yang ada sekarang menetapkan bahawa pegawai yang dilantik pada atau selepas 12 April 1991 yang bersara pilihan hanya dibayar pencen apabila mencapai umur persaraan paksa yang terpakai baginya.

Sebagai contoh, seorang pegawai dalam golongan ini yang bersara pilihan ketika berumur 47 tahun hanya akan dibayar pencen mulai umur persaraan paksa iaitu 58 tahun. Syarat penangguhan pembayaran pencen bagi golongan tersebut didapati telah menyekat ramai pegawai daripada bersara pilihan walaupun mereka kurang berminat untuk terus berkhidmat atau tidak mampu menunjukkan prestasi yang diharapkan.

Kerajaan telah bersetuju supaya pencen mula dibayar kepada pesara pilihan dalam golongan ini apabila pesara mencapai usia atau pun umur 55 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, dasar baru yang keempat izinkan saya jelaskan bahawa pencen terbitan ialah pencen bulanan yang diberi kepada balu, duda atau anak seseorang pegawai yang meninggal dunia dalam perkhidmatan atau pesara yang meninggal dunia dalam persaraan. Dasar baru ini ada kaitan dengan kematian pesara khususnya menyentuh tempoh penerimaan pencen terbitan bagi balu, duda dan juga anak hasil perkahwinan gemulah pesara semasa dalam persaraan.

Kedudukan balu atau duda yang telah berkahwin dengan gemulah pesara wajar dibezakan daripada kedudukan balu atau duda yang berkahwin dengan pegawai. Balu atau duda yang berkahwin semasa pegawai berada dalam perkhidmatan diakui memberikan sumbangan dan juga sokongan secara tidak langsung kepada perkhidmatan awam. Maka, pencen terbitan kepada mereka wajar dibayar seumur hidup seperti mana diberi kepada pesara berbanding dengan balu atau duda yang berkahwin dengan pegawai, balu atau duda yang berkahwin dengan pesara, hanya layak dibayar pencen terbitan untuk baki tempoh 12 setengah tahun dari tarikh persaraan.

Pembayaran pencen terbitan seumur hidup kepada balu atau duda yang dikahwini dalam persaraan memungkinkan kerajaan membayar pencen terbitan untuk tempoh yang lama selepas kematian pesara. Kerajaan kini berpendapat bahawa pencen terbitan kepada balu atau duda dalam golongan ini wajar dibayar selama 20 tahun dari tarikh persaraan gemulah pesara. Sekiranya perkahwinan dengan pesara berlaku pada tahun pertama persaraan, anak hasil perkahwinan itu boleh menerima pencen terbitan sehingga anak itu mencapai umur hampir 21 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, dasar baru kelima ialah pemberian faedah persaraan kepada pesara yang bankrap dan faedah terbitan kepada balu atau duda yang bankrap berkuat kuasa mulai 1 Januari 2012.

Pada masa ini pesara yang bankrap akan menerima elaun tanggungan bagi menggantikan pemberian faedah persaraan iaitu ganjaran, pencen dan juga pemberian wang tunai gantian cuti rehat. Elaun tanggungan bulanan yang menggantikan pencen bulanan itu tidak boleh diselaraskan apabila berlaku semakan gaji pegawai perkhidmatan awam iaitu berbeza daripada pencen yang tertakluk kepada penyelarasan. Dengan itu, pesara bankrap tidak dapat menikmati kadar pencen yang lebih lumayan seperti dinikmati oleh penerima pencen. Balu atau duda gemulah pegawai pula tidak dibayar apa-apa faedah sama ada pencen terbitan atau pun elaun tanggungan sekiranya balu atau pun duda itu seorang bankrap.

■1830

Atas keprihatinan terhadap kedua-dua golongan ini, kerajaan telah bersetuju menggantikan pemberian elaun tanggungan kepada pesara dengan pemberian faedah persaraan dan memberi pencen terbitan kepada balu atau duda yang bankrap berkuat kuasa 1 Januari 2012 supaya mereka dapat menikmati penyelarasan pencen walaupun belum terlepas daripada kebangkrutan.

Tuan Yang di-Pertua, skim faedah persaraan dan juga terbitan bagi pegawai perkhidmatan awam di Malaysia diakui antara yang terbaik di dunia yang menjamin pembayaran pencen seumur hidup tanpa memerlukan caruman pegawai. Walau bagaimanapun, kerajaan memang prihatin terhadap keperluan dan juga kehendak pegawai perkhidmatan awam yang memerlukan penambahbaikan kepada skim faedah persaraan bagi mengambil kira perkembangan terkini. Ia terbukti melalui dasar-dasar baru berkaitan faedah persaraan seperti yang telah saya bentangkan.

Dasar-dasar baru ini dinikmati oleh semua pegawai perkhidmatan awam serta pesara dan juga penerima pencen. Perlu diambil perhatian bahawa faedah persaraan dan juga faedah terbitan bagi pesara perkhidmatan awam negeri dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan. Dengan pemberian yang disebutkan ini, adalah diharap semua pegawai perkhidmatan awam berkhidmat sepanjang tempoh kerjayanya dengan penuh amanah dan juga berprestasi cemerlang. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Haji Fadillah bin Yusof]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Pencen 1980 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

[Tiada perbahasan]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) **mempengerusikan Jawatankuasa]***

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

Fasal-fasal 1 hingga 12 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PENCEN PIHAK BERKUASA BERKANUN DAN TEMPATAN (PINDAAN) 2011

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.35 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Pencen Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980 dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang yang meminda akta bernama Akta Pencen 1980 [Akta 227] iaitu undang-undang yang mentadbir urusan persaraan dan juga pencen bagi pegawai perkhidmatan awam Persekutuan dan negeri telah pun diluluskan oleh Dewan yang mulia ini pada mesyuarat kali ini bagi tujuan melaksanakan lima dasar baru mengenai persaraan, faedah persaraan dan juga faedah terbitan.

Rang undang-undang yang saya mencadangkan sekarang ini pula adalah untuk meminda akta yang bernama Akta Pencen Pihak Berkuasa Berkanun Dan Tempatan 1980 [Akta 239]. Akta 239 ini terpakai bagi pekerja pihak berkuasa berkanun dan juga tempatan yang menikmati faedah persaraan dan juga faedah terbitan yang serupa dengan pemberian kepada pegawai perkhidmatan awam Persekutuan dan juga negeri. Lima dasar baru tersebut adalah seperti berikut:

- (i) pemberian faedah persaraan yang dikira berdasarkan tempoh perkhidmatan seolah-olah pekerja berkenaan berkhidmat sehingga mencapai umur persaraan paksa bagi pekerja yang dibersarakan atas kehendak kerajaan;
- (ii) peningkatan umur persaraan paksa bagi pekerja pihak berkuasa berkanun dan juga kuasa tempatan dari 58 tahun ke 60 tahun;
- (iii) pemberian pencen kepada pekerja lantikan pada atau selepas 12 April 1991 yang bersara pilihan mulai tarikh apabila pesara mencapai umur 55 tahun;
- (iv) pembayaran pencen terbitan kepada balu atau duda yang berkahwin dengan pesara dan juga anak hasil perkahwinan itu untuk bagi tempoh 20 tahun daripada tarikh persaraan pesara; dan
- (v) pembayaran faedah persaraan iaitu pencen, ganjaran serta pemberian wang tunai gantian cuti rehat dan juga faedah terbitan kepada pesara dan juga penerima pencen terbitan yang bankrap.

Kelima-lima dasar ini akan berkuat kuasa mulai 1 Januari 2012.

Tuan Yang di-Pertua, kelima-lima pindaan undang-undang ini akan membolehkan semua pekerja dan juga pesara pihak berkuasa berkanun dan juga kuasa tempatan serta penerimaan pencen terbitan menikmati kelima-lima dasar baru itu telah dipersetujui oleh kerajaan seperti mana mereka yang tertakluk di bawah Akta 227. Tindakan ini adalah selaras dengan prinsip layanan sama rata bagi semua anggota sektor awam.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Haji Fadillah bin Yusof]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Pencen Pihak Berkuasa Berkanun Dan Tempatan 1980 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

[Tiada perbahasan]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan.

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) **mempengerusikan Jawatankuasa]***

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

Fasal-fasal 1 hingga 11 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

■1840

RANG UNDANG-UNDANG PENYELARASAN PENCEN (PINDAAN) 2011

Bacaan Kali Yang Kedua dan ketiga

6.41 ptg.

Datuk Liew Vui Keong: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Penyelarasan Pencen 1980 dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Dewan yang mulia ini telah pun meluluskan dua rang undang-undang bagi melaksanakan lima dasar baru berkaitan persaraan, faedah persaraan dan faedah terbitan anggota sektor awam iaitu rang undang-undang bagi meminda Akta Pencen 1980 [Akta 227] dan rang undang-undang bagi meminda Akta Pencen Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980 [Akta 239].

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang yang saya cadangkan ini bertujuan untuk meminda Akta Penyelarasan Pencen 1980 [Akta 238] iaitu undang-undang yang mentadbir urusan pemberian pencen yang selaras bagi pegawai perkhidmatan awam persekutuan dan negeri dan pekerja pihak berkuasa berkanun dan tempatan serta ahli-ahli keluarga tanggungan mereka yang meninggal dunia semasa dalam perkhidmatan atau dalam persaraan.

Pindaan undang-undang yang dicadangkan adalah bagi maksud melaksanakan dasar baru berkaitan pembayaran pencen terbitan yang telah diselaraskan bagi tempoh 20 tahun daripada tarikh persaraan kepada balu atau duda yang berkahwin dengan pesara atau anak hasil perkahwinan itu berkuat kuasa 1 Januari 2012. Tujuan pindaan telah saya jelaskan kepada Dewan yang mulia ini sebelum ini semasa pembentangan rang undang-undang bernama Akta Pencen (Pindaan) 2011.

Tuan Yang di-Pertua, sudah pasti pemberian ini akan dapat membantu balu atau duda dan anak menampung kos sara hidup mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Haji Fadillah bin Yusof]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Penyelarasan Pencen 1980 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

[Tiada perbincangan]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

Fasal-fasal 1 hingga 4 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG SARAAN HAKIM (PINDAAN) (NO.2) 2011

Bacaan Kali Yang Kedua dan ketiga

6.47 ptg.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Saraan Hakim 1971 dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Dewan yang mulia ini baru sahaja meluluskan rang undang-undang yang meminda Akta Pencen 1980 [Akta 227]. Rang undang-undang yang meminda Akta Pencen Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980 [Akta 239] dan rang undang-undang yang meminda Akta Penyelarasan Pencen 1980 [Akta 238] iaitu tiga undang-undang yang bertadbir urusan persaraan dan pencen bagi pegawai perkhidmatan awam persekutuan dan negeri serta pekerja pihak berkuasa, berkanun, dan kuasa tempatan. Pindaan tiga undang-undang pencen tersebut adalah bagi maksud antaranya membolehkan pembayaran pencen terbitan kepada balu atau duda yang berkahwin dengan pesara serta anak hasil perkahwinan itu untuk bagi tempoh 20 tahun daripada tarikh persaraan pesara. Pindaan undang-undang yang dicadangkan sekarang ini ialah untuk memanjangkan peruntukan yang sama kepada balu atau duda atau anak kepada gemulah hakim.

Tuan Yang di-Pertua, pelaksanaan dasar baru mengenai pencen terbitan ini wajar dipanjangkan kepada balu atau duda atau anak gemulah hakim selaras dengan prinsip layanan sama rata bagi semua anggota dalam perkhidmatan persekutuan seperti mana yang dibayangkan dalam Perkara 136, Perlembagaan Persekutuan. Pindaan yang dicadangkan membolehkan ahli keluarga tanggungan gemulah hakim turut menikmati pelaksanaan dasar baru yang telah dipersetujui oleh Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Haji Fadillah bin Yusof]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Saraan Hakim 1991 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

[Tiada perbincangan]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

***Fasal-fasal 1 hingga 3** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.*

Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Rabu, 30 November 2011. Terima kasih.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.51 petang.